UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

# TRANSKRIP TEMUBUAL BERSAMA
# ENCIK MOHD AZIZ BIN SAMSUDIN,
# PEMBUATAN DAN PERMAINAN GASING PANGKAH

NURUL AQILLAH BINTI ZAINI
(2018641652)
SITI NOR AYNA BINTI MOHD AYU
(2018448636)

SEMESTER OKTOBER 2020-FEBRUARI 2021



**MOHD AZIZ BIN SAMSUDIN**

**KANDUNGAN** **MUKA SURAT**

**Abstrak** ........ **I**

**Penghargaan** ........ **II**

**Senarai Abreviasi** ........ **III**

**Singkatan Nama** ........ **III**

**Rujukan Kata** ........ **IV-VI**

**1.0 Biografi Penemubual**

**1.1 Biografi Penemubual Pertama** ........ **1**

**1.2 Biografi Penemubual Kedua** ........ **2**

**2.0 Biodata Tokoh** ........ **3**

**3.0 Pengenalan Sejarah Lisan** ........ **4-5**

**4.0 Ulasan Literatur** ........ **6-9**

**5.0 Transkrip Temubual** ........ **10-91**

**6.0 Log Temubual** ........ **92-100**

**7.0 Ralat** ........ **101**

**8.0 Ringkasan** ........ **102-103**

**9.0 Kesimpulan** ........ **104**

**10.0 Glosari** ........ **105-106**

**11.0 Indeks** ........ **107-108**

**12.0 Rujukan** ........ **109-110**

**13.0 Lampiran**

**13.1 Surat Perjanjian** ........ **111**

**13.2 Surat Kebenaran Penyelidikan** ........ **112**

**13.3 Senarai Soalan** ........ **113-119**

**13.4 Proposal** ........ **120-138**

**13.5 Diari Penyelidikan** ........ **139-140**

**13.5 Lampiran Gambar** ........ **141-146**

**Penghargaan**

Terlebih dahulu ingin kami mengambil kesempatan ini untuk menzahirkan syukur kami ke hadrat Ilahi kerana di atas rahmat dan kurnianya kami masih lagi di sini dan diberikan kesempatan untuk menyempurnakan kajian kami di dalam bidang permainan tradisional iaitu Gasing Pangkah. Setinggi-tinggi penghargaan ingin kami sampaikan kepada tokoh iaitu Encik Mohd Aziz bin Samsudin yang telah meluangkan masa dan tenaganya dalam memberikan kami informasi dan maklumat terkini mengenai bidang yang kami kaji ini. Kami juga amat menghargai pertolongan dan kerjasama yang diberikan oleh para penduduk di Kampung Bukit Kapar, Selangor semasa kajian ini dijalankan.

Selain itu, kami ingin berterima kasih kepada pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Puncak Perdana kerana telah memberikan kami keizinan dan peluang untuk menjalankan penyelidikan dan kajian mengenai bidang permainan tradisional ini. Kesempatan yang diberikan ini amat berharga bagi kami para penyelidik dan kenangan ini tidak akan pernah kami lupakan sepanjang hidup kami. Di samping itu, kami juga sangat terhutang budi dan ingin berterima kasih kepada pensyarah kami iaitu Encik Jafalizan bin Md Jali kerana beliau telah memberikan tunjuk ajar dan bimbingan yang baik sepanjang kami menjalankan kajian ini tanpa beliau kajian ini mungkin tidak akan berhasil atau berjaya kami laksanakan.

Seterusnya, kami juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pihak-pihak yang terlibat secara tidak langsung semasa kami menjalankan penyelidikan ini seperti rakan-rakan sekelas dan juga ahli keluarga di atas kerjasama dan sokongan yang diberikan mereka untuk kami terus semangat menyempurnakan kajian ini. Sepanjang kajian ini dijalankan terdapat beberapa halangan dan rintangan yang perlu kami hadapi terutamanya semasa pandemik Korona virus iaitu *Covid-19*. Sesi perbincangan dengan pensyarah dilakukan secara atas talian menyukarkan penyelidik kerana terdapat kekangan seperti masalah komunikasi dua hala serta masa yang terhad diperuntukkan untuk perbincangan. Penyelidik turut menghadapi keterbatasan pergerakan dari satu kawasan ke kawasan yang lain berikutan perintah kawalan pergerakan yang telah dikuatkuasakan oleh pihak kerajaan. Namun begitu, penyelidikan ini masih tetap berjalan dengan lancar berkat kesabaran dan semangat penyelidik untuk menyempurnakan kajian ini

Akhir kata, kami amat berterima kasih kepada semua kerana kajian ini tidak mampu kami laksanakan tanpa bimbingan dan bantuan daripada kalian semua yang terlibat sama ada secara langsung atau tidak langsung. Sekian, terima kasih.

**Abstrak**

*Transkrip ini ditulis adalah mengenai bidang permainan tradisional Gasing Pangkah di mana semua maklumat dan informasi telah didapatkan melalui hasil temubual yang dijalankan bersama seorang tokoh iaitu Encik Mohd Aziz bin Samsudin. Temubual ini telah dijalankan pada 18 Disember 2020 pada pukul 10:00 pagi bertempat di Dewan MPKK Kampung Bukit Kapar, Selangor. Tokoh ini telah dipilih oleh para penyelidik kerana beliau mempunyai pengalaman yang luas dan telah lama berkecimpung dalam seni pembuatan gasing di mana beliau juga adalah merupakan seorang pemain Gasing Pangkah di Kampung Bukit Kapar. Tokoh telah memberikan kerjasama yang baik semasa penyelidikan ini dijalankan dan masa yang diambil untuk menyempurnakan satu sesi wawancara adalah selama 2 jam 06 minit. Transkrip temubual ini berkisarkan tentang objektif kajian iaitu sejarah Gasing Pangkah di Malaysia, kaedah pembuatan gasing dan juga mengenai kaedah atau cara bermain Gasing Pangkah. Semua maklumat yang disampaikan oleh tokoh adalah berdasarkan pengetahuan dan pengalaman yang diperolehi tokoh sendiri mengenai bidang permainan tradisional ini.*

**Kata kunci:** Gasing; Gasing Pangkah; Kaedah pembuatan gasing; Kaedah bermain Gasing Pangkah; Bukit Kapar, Selangor.

**ABSTRACT**

*This transcript is written about Malaysian traditional games which is Gasing Pangkah where all the information is from the interview session that has been conducted with the figure which is Mr. Mohd Aziz bin Samsudin. The interview was done on 18th December 2020 at 10:00 am in Dewan MPKK Kampung Bukit Kapar, Selangor. Researcher has chosen this figure due to he has many experiences about the process of making the spinning tops and at the same he is also a senior player for the Gasing Pangkah at Kampung Bukit Kapar, Selangor. Figure has given good cooperation throughout this research also during the interview session with duration 2 hours 06 minutes. This transcript is about the history of Gasing Pangkah in Malaysia, the process of making spinning tops and also about the technique on how to play the Gasing Pangkah. All information given by the figure is solely based on the figure's knowledge and experiences in this field.*

**Keywords:** Spinning tops; Gasing Pangkah; The process of making spinning tops; The technique on playing Gasing Pangkah; Bukit Kapar, Selangor.

## Abreviasi

| | |
|---|---|
| FB | Facebook |
| ITM | Institut Teknologi MARA |
| MATiC | *Malaysian Tourism Center* |
| MPKK | Majlis Pengurusan Komuniti Kampung |
| NGO | Non-Government Organization |
| PBT | Pihak Berkuasa Tempatan |
| SPM | Sijil Pelajaran Malaysia |
| SRP | Sijil Rendah Pelajaran |
| SSM | Suruhanjaya Syarikat Malaysia |
| TV | Televisyen |
| YB | Yang Berhormat |

## Senarai Singkatan

| | |
|---|---|
| NAZ | Nurul Aqillah binti Zaini |
| MAS | Mohd Aziz bin Samsudin |
| SNA | Siti Nor Ayna binti Mohd Ayu |

# Rujuk Kata

| | |
|---|---|
| *And then* | Kemudian |
| Arwah | Allahyarham |
| *Balancing* | Keseimbangan |
| *Body* | Badan gasing |
| *Catch up* | Kejar |
| *Center* | Tengah |
| *Chainsaw* | Gergaji besi |
| *Clear* | Warna cat jernih |
| *Colour* | Warna |
| *Compact* | Mampat |
| *Defend* | Penghalang |
| Dekat | Di |
| *Design* | Reka bentuk |
| *Developer* | Pemaju |
| Dik | Adik |
| Diorang | Mereka |
| *Discuss* | Berbincang |
| *Double* | Dimainkan dua orang |
| *Double Standard* | Standard sedia ada tidak terpakai untuk sesetengah golongan tertentu |
| *Feedback* | Maklum balas |
| *First* | Pertama |
| *Flashback* | Mengimbas kembali |
| *Four by Four* | Kereta tahan lasak |
| *Full* | Seluruh |
| *Goyang* | Gerun |

| | |
|---|---|
| *Group* | Kumpulan |
| *Handle* | Urus |
| *Handphone* | Telefon bimbit |
| *Headquarters* | Ibu pejabat |
| Heran | Hairan |
| *Homestay* | Rumah tumpangan |
| *Hundred Percent* | Seratus Peratus |
| *Income* | Pendapatan |
| Indon | Indonesia |
| *Inject* | Suntik |
| *Injection* | Suntikan |
| *Injured* | Kecederaan |
| *Is* | Adalah |
| Je | Sahaja |
| *Join* | Ikut serta |
| *Kali* | Darab |
| Kat | Dekat |
| Kilo | Kilogram |
| *Last* | Terakhir |
| *Leader* | Ketua |
| Macam | Seperti |
| *Machinery* | Pengilang atau pembuat mesin |
| *Marker pen* | Pen dakwat kekal |
| MATiC | *Malaysia Tourism Centre* |
| Nanti karang | Sekejap lagi |
| Ni | Ini |
| *No* | Tidak |

| | |
|---|---|
| Old start | Orang yang mula bermain gasing setelah mereka berusia |
| Orang rumah | Isteri |
| *Order* | Pesanan |
| *Passing* | Hantar |
| Polan | Orang |
| Poli | Polimer |
| *Press* | Tekan |
| *Pressure* | Tekanan |
| Qada' dan Qadar | Takdir |
| *Repair* | Baiki |
| *Rest* | Rehat |
| *Scorer* | Penjaring gol |
| *Second* | Saat |
| *Singapore* | Singapura |
| *Slow* | Perlahan |
| *Souvenir* | Cenderahati |
| *Spare* | Pemain ganti |
| *Spray* | Cat Sembur |
| *Stable* | Stabil |
| *Start* | Mula |
| *Stop* | Berhenti |
| Tadika Pra | Pra Sekolah |
| *Team* | Pasukan |
| *Time* | Masa |
| *Top five* | Kedudukan lima teratas |
| *Topsoil* | Tanah yang lembut |
| *Trademark* | Mercu tanda |

| | |
|---|---|
| Tu | Itu |
| *Up* | Memuat naik |
| *Upgrade* | Perbaharui |
| *You* | Awak |

## 1.0 Biodata Penemubual

### Biodata Penemubual 1



| | |
|---|---|
| **Nama:** | Nurul Aqillah Binti Zaini |
| **Umur:** | 23 tahun |
| **No. Pelajar:** | 2018641652 |
| **Alamat:** | Telok Panglima Garang, Klang, Selangor |
| **Program:** | IM 246 - Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Rekod |
| **E-mel:** | Qyla1998@gmail.com |

**Biodata Penemubual 2**



| | |
|---|---|
| **Nama:** | Siti Nor Ayna Binti Mohd Ayu |
| **Umur:** | 23 tahun |
| **No. Pelajar:** | 2018448636 |
| **Alamat:** | D/A Pangsapuri Seri Perantau, 42000 Pelabuhan Klang, Selangor |
| **Program:** | IM 246 - Ijazah Sarjana Muda (Kepujian) Pengurusan Rekod |
| **E-mel:** | sitinoraynamohdayu@gmail.com |

## 2.0 Biodata Tokoh

### Biodata Tokoh



| | |
|---|---|
| **Nama:** | Mohd Aziz bin Shamsudin |
| **Umur:** | 61 tahun |
| **Alamat:** | D/A Kg. Bukit Kapar, 42200 Klang, Selangor. |
| **Profession:** | Pencen |

## 3.0 Pengenalan

Negara Malaysia amat kaya dengan pelbagai seni warisan dan budaya yang telah lama wujud dari zaman dahulu hasil peninggalan sesebuah masyarakat yang telah diturunkan pada generasi masa kini. Antara seni warisan yang masih kekal sehingga kini adalah bangunan bersejarah, monumen, artifak, adat resam, busana tradisional, tarian tradisional, dan permainan tradisional. Tema yang telah dipilih untuk kajian ini adalah permainan tradisional kerana terdapat pelbagai jenis permainan tradisional di Malaysia yang masih relevan dan dimainkan oleh setiap kelompok masyarakat sehingga ke hari ini antaranya adalah permainan gasing.

Permainan gasing memerlukan kepintaran dari pemainnya untuk memusingkan gasing agar gasing mampu berpusing dalam jangka masa yang lama dimainkan oleh golongan lelaki dewasa dan kanak-kanak di mana permainan ini akan dimainkan di kawasan yang lapang dan rata. Terdapat pelbagai jenis gasing yang wujud di Malaysia antaranya adalah gasing berembang, gasing toyol, gasing botol, gasing cina, gasing melayu, gasing jantung dan pelbagai lagi. Gasing diperbuat daripada kayu yang keras kemudiannya akan dibentuk sehingga ia menyerupai bentuk gasing yang dikehendaki dan kemudiannya akan dipasangkan kayu sebagai paksi untuk gasing tersebut.

Permainan gasing dimainkan dengan dua cara iaitu sebagai Gasing Pangkah atau Gasing Uri dan kedua-kedua cara ini amat berbeza di mana Gasing Uri dimainkan untuk menguji ketahanan gasing berpusing manakala untuk Gasing Pangkah pula dimainkan dengan cara melemparkan gasing supaya mengetuk gasing pihak lawan sehingga terkeluar daripada gelanggang. Untuk kajian ini, fokus penyelidikan adalah kepada permainan tradisional Gasing Pangkah kerana permainan ini mempunyai keunikannya yang tersendiri dan rata-rata masyarakat Malaysia tidak mengenali permainan ini lagi berikutan kurangnya pendedahan melalui pihak kerajaan dan liputan media massa.

Pelbagai kaedah telah digunakan untuk mendapatkan maklumat mengenai permainan tradisional Gasing Pangkah iaitu dengan merujuk kepada bahan bacaan seperti bahan arkib dan rujukan perpustakaan selain itu turut digunakan adalah kaedah sejarah lisan. Melalui kaedah sejarah lisan proses mewawancara tokoh telah dijalankan bagi mendapatkan maklumat yang terkini, sahih dan tepat mengenai bidang yang dikaji bagi melengkapkan hasil kajian ini. Input diperolehi daripada proses wawancara

bersama tokoh akan dipindahkan kepada medium penulisan sama ada berbentuk dokumen atau bahan bercetak.

## 4.0 Ulasan Literatur

Kebanyakan permainan tradisional di Malaysia semakin dilupakan terutama dari segi pembuatan, corak permainan, pergerakan, dan perlakuan sesuatu permainan tidak lagi diketengahkan malah anak muda zaman kini lebih gemar kepada permainan moden. Masalah ini juga dapat dilihat pada permainan Wau yang juga mempunyai keunikannya yang tersendiri namun generasi muda semakin kurang meminati untuk mewarisi pembuatan kesenian Wau ini. (Ali Hassan Hamad, 2019). Menurut beliau lagi, kepakaran dalam pembuatan Wau akan lupus dalam jangkaan sepuluh tahun akan datang kerana tiada yang ingin mempelajari pembuatan wau tesebut. Ini juga dikhuatiri akan berlaku kepada permainan tradisional Gasing Pangkah kerana kurangnya penglibatan dari masyarakat terutama golongan muda.

Untuk menyempurnakan penyelidikan ini para penyelidik telah melakukan tinjauan literatur mengenai bidang permainan tradisional Gasing Pangkah yang merupakan salah satu unsur seni warisan budaya di Malaysia. Masyarakat melayu mempunyai pelbagai seni tradisi dan mempunyai variasi dan pelbagai bentuk antara yang utama adalah muzik tradisional, lagu rakyat dan permainan tradisional (Zaharul Lailiddin, 2014). Kesenian masyarakat melayu adalah hasil sentuhan kreativiti manusia berasaskan ciri tradisi dan budaya masyarakat Melayu ini meliputi bidang kesusasteraan, tarian, muzik, permainan tradisional, seni bina dan sebagainya (H. Mohd Noordin, 1999)

Permainan tradisional merupakan satu produk yang memiliki ciri asli sesuatu kawasan yang sesuai dengan aspek budaya kehidupan masyarakat digunakan sebagai pembelajaran dan untuk hiburan disamping digunakan untuk menjaga hubungan sosial (Chasanah, 2015). Tambahnya lagi, permainan tradisional juga dikenali sebagai permainan rakyat yang telah wujud dari zaman dahulu lagi dan bermula dari kawasan perkampungan. Permainan tradisional merupakan sebahagian dari sejarah, budaya, dan tradisi di negara kita melalui permainan tradisional kita dapat mempelajari mengenai identiti dan asal-usul sesuatu kumpulan seperti contoh Wau, Gasing dan Congkak adalah antara permainan yang popular dalam kalangan masyarakat melayu (Oh Hui Kun dan Shahreen Mat Nayan, 2019).

Menurut Mohd. Fadly, Mohamad Zulhilmy dan Nur Bazilah (2016), terdapat banyak manfaat permainan tradisional kepada kelompok yang bermain iaitu permainan

tradisional boleh mengeratkan hubungan persaudaraan antara masyarakat setempat di mana permainan tradisional selalunya dimainkan secara berkumpulan tanpa mengira bangsa, jantina dan umur. Masyarakat Malaysia kerap bermain gasing tradisional ini bagi mengisi masa lapang mereka atau merayakan sesuatu perayaan di mana ia mampu mengeratkan hubungan persahabatan antara pemain dan juga mampu memupuk nilai-nila murni dalam kalangan masyarakat (Valentine B. Jenny, 2014) menurutnya lagi permainan tradisional dapat meningkatkan kecergasan dan kemahiran psikomotor di kalangan pemain.

Permainan gasing adalah amat popular dalam kalangan masyarakat di kawasan Semenanjung Malaysia seperti di Terengganu, Kelantan dan Melaka di mana permainan ini telah diiktiraf sebagai warisan kebangsaan pada tahun 2009 (Jabatan Warisan Negara, 2016). Gasing adalah satu jenis permainan yang berputar di atas paksi berikutan faktor keseimbangnya pada satu titik dan gasing dihasilkan berdasarkan bentuk buah berembang. Istilah gasing berasal dari suku kata 'ka' dari perkataan kayu dan 'sing' iaitu berpusing (Zaitie Satibi, 2019). Tambahnya lagi, gasing tradisional adalah diperbuat dari bahagian kayu terkuat diambil dari tengah atau akar pokok dan antara jenis kayu yang kerap digunakan adalah leban tanduk, merbau, bakau dan jeruk.

Gasing merupakan objek yang dipusing menggunakan tali dengan memintal atau melilit tali pada gasing dan pemain perlu berada dalam kedudukan kekuda di mana kaki kiri berada dihadapan dan meletakkan gasing paksi ke bawah pada paras bahu lalu membalingkan gasing tersebut ke petak pusingan (Laura Junus, 2015). Panjang tali gasing adalah berbeza-beza bergantung kepada panjang lengan pemainnya dan tali gasing tradisional adalah diperbuat menggunakan kulit pokok terpilih (Agung Jaya Suryawan ,2018). Gasing adalah permainan tradisional masyarakat Melayu yang amat popular dan kerap dimainkan ketika musim menuai padi di mana para petani akan bertanding sesama mereka bagi menunjukkan bakat dan kemahiran mereka bermain gasing (Mohd. Fadly, Mohamad Zulhilmy dan Nur Bazilah, 2016).

Terdapat bentuk asas yang sering digunakan dalam pembuatan gasing iaitu bentuk gasing berembang, gasing jantung, dan gasing telur yang sering dijadikan sebagai model oleh pemain gasing untuk mereka cipta gasing mereka berdasarkan keperluan dan keligatan gasing berpusing. Gasing diberi nama kebiasaannya berdasarkan sifat dan bentuknya contohnya gasing leper yang diberi nama berdasarkan

bentuknya yang leper atau nipis (Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 1999). Gasing diperbuat dari kayu dengan ukur lilit 36 cm minimum dan 46 cm maksimum dan ketinggian gasing 8 cm minimum dan 12 cm maksimum di mana gasing tersebut boleh mencapai berat maksimum 800gram bagi golongan dewasa (Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 1999). Terdapat dua cara permainan gasing tradisional iaitu sebagai Gasing Pangkah serta Gasing Uri di mana kedua-dua cara ini amat berbeza dari segi peraturan permainannya.

Menurut Nazeri Nong Samah (1994) permainan Gasing Pangkah merupakan warisan tradisional Melayu yang unik serta berseni dan berpotensi untuk di kembangkan ke seluruh dunia yang memerlukan promosi dari semua pihak. Keunikan permainan Gasing Pangkah ini menjadi daya tarikan pelancong kerana tidak semua orang mahir bermain gasing. Terdapat tiga kriteria bagi memastikan gasing dapat bertahan lebih lama iaitu kelajuan, keseimbangan dan kekuatan (Aniza Zainuddin, 2019) di mana Gasing Pangkah dimainkan dengan cara memangkah gasing pihak lawan yang sedang berpusing di bahagian atas badan gasing yang telah dipasangkan besi. Gasing Pangkah dimainkan dengan melemparkan gasing sehingga mengetuk gasing pihak lawan untuk menghentikan pusingan manakala untuk Gasing Uri ia dipertandingkan dalam sesuatu acara untuk menguji ketahanan gasing berpusing untuk tempoh yang lama (Siti Nor Hidayatidayu dan Nurul Farhana, 2014).

Badan Gasing Pangkah mempunyai pemberat yang diletak di bahagian tepi menggunakan timah dan ia juga membantu dalam memberi keseimbangan kepada gasing (Aniza Zainuddin, 2019) dan ditepinya juga akan dimasukkan dawai, habuk kayu dan sapuan gam kemudian gasing tersebut akan dilarik semula gasing yang dimainkan tidak mudah pecah dan timah yang dipasang tidak tercabut dari bahagian badan gasing semasa pertandingan. Tambahnya lagi, bagi tujuan pertandingan tidak dibenarkan sama sekali disimpai atau dibingkaikan pada luaran badan gasing tersebut kerana ia akan mengakibatkan gasing pihak lawan rosak dengan teruk dan boleh mendatangkan bahaya bagi penonton yang berada dekat dengan gelanggang.

Permainan Gasing Pangkah mempunyai dua pihak iaitu pihak pemangkah dan pihak pemusing di mana kedua-dua pihak akan bertukar-tukar giliran pada setiap pusingan. Pihak pemusing akan memusingkan gasing mereka di dalam kawasan petak gelanggang dan kemudian pihak pemangkah akan memangkah keluar gasing pihak

pemusing sehingga selesai semua gasing dikeluarkan (S. Anand Kumar, 2015). Tambahnya lagi, permainan Gasing Pangkah ini dimainkan dalam acara berkumpulan antara lima hingga tujuh pemain dalam satu perlawanan dan kepakaran pemangkah amatlah dititikberatkan bagi mematikan gasing pihak lawan serta pangkahan menepati sasaran bagi menjuarai perlawanan.

## 5.0 Transkrip Temubual

**Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh dan salam sejahtera. Berikut adalah temubual sejarah lisan mengenai latar belakang dan pengalaman hidup seorang tokoh dalam bidang permainan tradisional iaitu Gasing Pangkah. Bersama-sama kami ialah Encik Mohd Aziz bin Samsudin yang merupakan seorang pembuat dan pemain Gasing Pangkah. Rakaman ini dijalankan pada tarikh 18 Disember 2020 bersamaan dengan hari Jumaat pada pukul 10 pagi bertempat di Dewan MPKK Kampung Bukit Kapar. Temubual ini di kendalikan oleh Nurul Aqillah binti Zaini dan Siti Nor Ayna binti Mohd Ayu. Dengan segala hormatnya temubual dimulakan.**

### Sesi Temubual

**SNA: Baik pakcik, Assalamualaikum dan selamat tengahari.**

MAS: Waalaikumussalam warahmatullahi hiwabarakatuh.

**SNA: Jadi hari ini kita akan buat temubual mengenai sejarah lisan permainan tradisional Gasing Pangkah. Jadi boleh kita mulakan?**

MAS: Boleh- silakan.

**SNA: Jadi yang pertama, boleh pakcik ceritakan sedikit mengenai latar belakang diri pakcik?**

MAS: Ha, InsyaAllah boleh. Nama saya Mohd Aziz bin Samsudin berasal dari Kampung Bukit Kapar [Klang, Selangor] dan tinggal di Kampung Bukit Kapar.

**SNA: Umur pakcik dan tarikh lahir, tempat lahir?**

MAS: Umur saya menjangkau ke enam puluh tahun bermakna skim pencen lah- tarikh lahir sembilan hari bulan tujuh sembilan belas enam puluh satu [9-7-1961].

**SNA: Boleh pakcik ceritakan sedikit sejarah mengenai- pekerjaan pakcik dahulu?**

MAS: Pekerjaan saya ni [ini] banyak sebetulnya banyak tempat [syarikat berkhidmat]-- daripada bawa lori bekerja dengan orang bermakna sekarang bekerja sendiri lah, bersendirianlah.

**SNA: Jadi pada tahun bila pakcik mula bekerja?**

MAS: Saya berumur-- lepas sekolah masa tu [itu] kalau tak silap saya umur dua puluh [tahun] masa itu dan selepas dua puluh satu [tahun] saya dapat lesen saya pernah bawa bas- kilang lepas tu bawa kenderaan bermakna lori-- banyak tempat lah tapi tak lama mana. Yang terakhir saya bawa satu syarikat lori pengangkutan iaitu di Kontena Nasional [Kontena Nasional Berhad].

**SNA: Antara syarikat tersebut yang mana yang paling lama pakcik berkhidmat?**

MAS: Kalau tak silap saya di Kontena Nasional lah.

**SNA: Kontena Nasional?**

MAS: Paling lama.

**SNA: Hmm, jadi pada tahun bila pakcik mula berpencen?**

MAS: Saya berumur lima puluh lima tahun [55 tahun] saya dah tak ada kerja dengan siapa-siapa lah selepas itu saya kerja sendiri.

**SNA: Jadi, apa hobi pakcik-- apa benda yang pakcik lakukan sewaktu masa lapang?**

MAS: Hobi ini banyak sebetulnya terutama bagi saya permainan Gasing Pangkah tradisional lah-- macam memancing, memikat burung, memikat ayam mana-mana yang pada masa itu ibarat kan macam satu keperluan tau-- okey kata kan hari ini teringin nak makan ayam hutan saya akan cari bermakna saya akan memikat macam itu lah.

**SNA: Apa cita-cita pakcik sewaktu kecil?**

MAS: Cita-cita dia [saya] tinggi dulu nak jadi orang yang berjaya kononnya lah tapi ya lah segalanya itu bermakna qada' dan qadar [takdir], takdir yang ditentukan untuk diri kita, diri seseorang walaupun kita berusaha macam mana pun memang takdir itu hanya di- tahap itu kita tak boleh melawan kan? Siapa orangnya yang tak nak berjaya, saya nak tanya? Semua orang pasti akan nak berjaya dalam hidup ini kan? tapi memang takdir kita- usaha macam mana pun setakat itu kita kena percaya adanya qada' dan qadar.

**SNA: Jadi siapa yang pakcik jadikan sebagai idola pakcik?**

MAS: Idola ini bagi saya-- terutamanya arwah [allahyarham] atuk lah-- dia banyak yang memberi tunjuk ajar-- pada guru-guru saya dan juga pakcik saya masa itu– dia [bapa saudara tokoh] adalah guru besar dan dia guru saya-- dia [bapa saudara tokoh] banyak yang memberi tunjuk ajar, bimbingan (tokoh menepuk meja) untuk kita hidup masa depan kita menjadi orang yang baik yang berguna pada masyarakat.

**SNA: Seterusnya boleh pakcik ceritakan sedikit mengenai ibu dan bapa pakcik?**

MAS: Ha, InsyaAllah. Bapa saya dah meninggal tiga tahun lepas [tahun 2017] dia adalah seorang pekerja di majlis tempatan berpencen lah-- macam ibu saya menjadi suri rumah tetap.

**SNA: Apa nama ibu dan ayah pakcik?**

MAS: Ayah saya bernama Samsudin bin Dorani dan ibu saya bernama

**SNA: Dari mana mereka berdua ini berasal?**

MAS: Ibu saya memang orang Kampung Bukit Kapar tapi arwah ayah saya asalnya dari Melaka [Malaysia] Kuala Sungai Baru [Melaka, Malaysia].

**SNA: Jadi adakah mereka berdua ini mempunyai kemahiran yang sama- dari segi pembuatan gasing seperti pakcik?**

MAS: Tidak, tak ada- pun dalam diri arwah ayah saya [kemahiran pembuatan gasing]-- saya dapat ini [kemahiran pembuatan gasing] dari arwah atuk sebetulnya. Dia [arwah datuk tokoh] yang banyak membuat seni pertukangan kayu masa dulu dia buat (tokoh menepuk meja) lesung daripada kayu bermakna dia buat sendiri dan masa itu saya kecil lagi tapi masa itu saya dah tahu saya ingat lagi macam mana dia cara buat lesung itu daripada kayu apa-- bermakna dari segi situ saya timbul minat kenapa saya tak nak cuba?

**SNA: Okey, kemudian boleh pakcik ceritakan sedikit mengenai latar belakang adik beradik pakcik?**

MAS: Okey, saya adalah anak yang sulung dari ibu [Siti Rusnah binti Ahmad] dan arwah abah [Samsudin bin Dorani] saya lah. Lepas itu saya ada adik tiri dan satu mak satu bapa pun ada-- masa itu bapa saya dengan mak saya dapat saya je [sahaja] bercerai selepas itu mereka berdua ini mendirikan rumah tangga masing-masing lah. Jadi saya-- adik- itu bukan adik tiri pun adik saya juga kan? Saya tak pernah menganggap mereka adik tiri ke apa ke, tidak. Itu adalah adik beradik saya.

**SNA: Okey, jadi apa pekerjaan adik beradik pakcik ini?**

MAS: Dia [adik beradik tokoh] kebanyakannya bekerja swasta lah di sebuah syarikat— ada yang duduk [menetap] di Pandamaran [Klang, Selangor], Setia Alam [Klang, Selangor] *no* [tidak]-- Shah Alam seksyen 29 [Selangor, Malaysia], Petaling Jaya [Selangor, Malaysia]-- yang dua

[orang] itu ada di Bukit Kapar lah.

**SNA: Jadi ada tak antara mereka [adik beradik tokoh] ini mempunyai kemahiran [pembuatan gasing] macam pakcik?**

MAS: Kemahiran saya rasa tak ada-- cuma dia [adik beradik tokoh] punya hobi dia berlainan. Saya minat kesenian, pertukangan tapi adik-adik saya ini dia [mereka] minat muzik.

**NAZ: Boleh pakcik ceritakan latar belakang pakcik sekarang?**

MAS: Ha, saya ini bekerja sendiri. Tak ada pendapatan tetaplah maknanya ya lah bekerja kampung maknanya bila ada kerja kita [saya] kerja kalau tak ada maknanya kita akan buat apa yang patut. Maknanya macam (bunyi cincin tokoh bergesel dengan meja) gasing ini kita buat tidak lah buat sepenuh masa bila ada permintaan itu mungkin kita akan buatlah. Tapi kalau tak ada makna-- *time* [masa] kita tak ada kerja ke kita akan buat yang lain-lain maknanya selain gasing pun kita buat [kraftangan lain].

**NAZ: Latar belakang-- sedikit latar belakang isteri cik [pakcik]**

MAS: Isteri saya bekerja sebagai suri rumah tangga sepenuh masa lah untuk jaga anak-anak, cucu, cicit.

**NAZ: Nama?**

MAS: Nama isteri saya Noraliza binti Ngajiman. Berasal daripada Meru [Klang, Selangor] orang sebelah kampunglah kata kan-- orang dulu-dulu.

**NAZ: Pakcik ada berapa anak dan cucu?**

MAS: Anak saya semua ada lapan [lapan orang]. Tiga perempuan, lima lelaki bermakna tiga dah berkahwin lah, yang lima [lima orang anak] ini belum. InsyaAllah bulan 12 [Disember] hujung tahun ini sorang [seorang] akan mendirikan rumah tangga. Akad nikah je lah [sahaja lah] dalam keadaan Covid macam ini kan.

**NAZ: Cucu?**

MAS: Cucu saya ada dua belas, satu meninggal dan satu-- seorang bermakna cicit sebab cucu saya yang sulung dah berumur dua puluh satu [tahun 2020] sebab perempuan jadi dia kahwin cepat lah. Kalau lelaki mungkin lambatlah kan. Sebab perempuan, cucu jadi ya lah jodoh dia kan.

**NAZ: Pekerjaan anak-anak pakcik?**

MAS: Dia bekerja ini-- tak semuanya satu tempat. Dia [anak tokoh] bekerja dengan syarikat-syarikat lah. Tak jauh pun daripada sini Bukit Kapar, ada yang di Meru (tokoh menepuk meja), ada yang di Klang [Selangor, Malaysia], ada yang di Pelabuhan [Klang, Selangor]. Yang paling jauh itu ada di Tanjung Malim [Perak, Malaysia]

**NAZ: Adakah anak pakcik semua ada kemahiran yang sama macam [seperti] pakcik?**

MAS: Tak juga, bagi saya, saya tengoklah cuma yang bongsu itu kembar sebetulnya dia [anak tokoh] ini yang se-lalu dengan abang dia bermakna kembar (tokoh menepuk meja) ini adik beradik ini dia yang- nampak berminat. Sebab masa dia kecil ini saya buat gasing, isteri saya sampai boleh pusingkan gasing sebab bila saya pusingkan dia akan pegang gasing itu dia akan tangkap [ambil gasing]. Dia bagi pada ibu dia, suruh ibunya pusingkan daripada tak tahu sehingga dia [anak tokoh] tahu pusingkan.

**NAZ: Jadi a-nak pakcik juga membantu dalam proses pembuatan gasing ke?**

MAS: Ya, dia membantu selalu bila saya memerlukan bantuan untuk mencari kayu selalunya. Dari segi pembuatan dia tak tahu lah, cuma dia kadang tengok macam mana [proses pembuatan gasing dilakukan tokoh sendiri]. Ada juga lah maknanya dia menolong kita [saya] lah kan? dari segi untuk pencarian kayu sebab cari kayu ini dia susah tak mudah. Sebab kita kena masuk hutan, kalau sorang-sorang tak larat lah.

**NAZ: Latar belakang pendidikan pakcik-- daripada tadika?**

MAS: Dulu tadika tak ada dik [adik], dulu mana ada tadika pra [pra sekolah] semua dia terus masuk darjah satu. Lepas itu saya sekolah darjah satu di Sekolah Kebangsaan Bukit Kapar habis sahaja darjah enam tahun (mengira)-- tujuh puluh tiga [1973], bermakna saya pindah di Sekolah Menengah Tengku Idris kapar [Klang, Selangor] sampai situ sehingga ke

SPM [Sijil Pelajaran Malaysia]. Saya SPM pun dapat tiga je pun [sahaja pun] masa itu tapi kalau nak kira pada masa itu SPM tiga, kita tak boleh sekolah. Kena tunggu sa-tu tahun baru boleh sambung dalam masa itu lah bila nak tunggu satu tahun kita nak kena sambung, saya rasa lebih baik saya kerja kan?

**NAZ: Apakah kenangan yang pakcik tidak boleh lupakan waktu zaman persekolahan?**

MAS: Banyaklah, sebab bagi saya bila kita jumpa kawan-kawan yang sebaya pada kita ini tak kira lah dekat [di] mana kita jumpa kita akan ingat. Yang si polan [rakan] ini macam ini perangai dari segi situ bila kita berjumpa kita akan ber-cerita kan? jadi kenangan-kenangan itu yang tak dapat dilupakan-- perangai-perangai diorang ini masa sekolah. Kita tahu kawan-kawan kita kan? Jadi kita akan teringat peristiwa itu macam mana [seperti apa] diorang ini gelagat diorang ini.

**NAZ: Adakah pakcik mula minat membuat gasing pada waktu zaman persekolahan?**

MAS: Masa itu minat tapi kita tak ada-- peralatan yang cukup sebetulnya cuma masa itu saya bermain- pun kalau tak silap saya- dalam darjah lima [tahun 1967] saya dengan rakan sekolah itu ada lima orang. Saya sebagai regu kanak-kanak di Kampung Bukit Kapar kami sampai ke Melaka-- paling jauh lah kalau tak silap saya kat [dekat] Melaka masa itu yang lainnya di kawasan sekitar Bukit Kapar bermakna daerah Klang. Pa- sebab pada masa itu daerah Klang ini pun ramai yang bermain gasing sebetulnya dulu di kalau tidak silap saya di- dekat dengan balai polis Klang- Selatan [Klang, Selangor] dulu ada gelanggang tapi sekarang dah tak ada lah.

**SNA: Jadi boleh saya tahu pada tahun bila pakcik mula membuat gasing?**

MAS: Kalau tak silap saya dah tiga puluh tahun lebih lah maknanya 2000 [tahun]-- 1990 [tahun] lebih kurang macam itu lah sebab masa itu keadaan ekonomi kan teruk ada- krisis ekonomi masa itu saya kena berhenti kan kerja-- masa itu lah saya mula buat [gasing] sebetulnya.

**SNA: Berapa umur pakcik pada waktu tu?**

MAS: Lebih kurang dalam dua puluh lapan [tahun] kalau tak silap saya.

**SNA: Jadi apa yang mendorong minat pakcik untuk terus melakukan atau membuat gasing ini?**

MAS: Bagi saya ini membuat gasing ini adalah satu kebaikan pertama kita sambil membuat gasing ini kita akan dapat *income* [pendapatan] pendapatan sampingan selain dari kita kerja tetap lah kan? Lepas itu, sambil itu kita pula bermain-- kalau kita dulu-- masa itu murah gasing ini tak mahal macam sekarang dulu lebih kurang- baru lima, enam ringgit tapi pada masa itu nilai lima, enam ringgit itu adalah tinggi dengan kapasiti masa sekarang ini kan? kalau dibandingkan lah. Jadi dekat situ timbulnya minat kita buat daripada saya membeli baik saya mem-buat-- kita sama-sama cari kayu kadang kan dengan kawan-kawan.

**SNA: Jadi siapa yang selalunya memberi pakcik galakan untuk teruskan pembuatan [pembuatan gasing] ini?**

MAS: Galakan ini bagi saya tak ada cuma minat pada diri kita sebetulnya-- apa

jua yang kita minat kalau setakat galakan je [sahaja] kalau kita tak minat tak guna juga kan? Yang penting pada diri kita ada kemahuan, ada minat jadi kita mampu sebetulnya buat apa jua pun.

**SNA: Jadi tadi pakcik ada terangkan yang pembuatan gasing ini boleh mendapat pendapatan jadi adakah ia merupakan satu-- salah satu sumber pendapatan pakcik sekeluarga?**

MAS: Ya, itu adalah sebahagian.

**SNA: Sebahagian?**

MAS: Sebahagiannya sebab pada masa itu bila ekonomi gawat tahun sembilan puluh [tahun 1990] kalau tak silap saya. Saya tak bekerja, saya dapat buat gasing saya boleh jual dan boleh membeli keperluan harian kita [tokoh dan keluarga] sebetulnya.

**SNA: Jadi tadi pakcik ada terangkan yang pakcik belajar daripada arwah datuk pakcik. Boleh pakcik berikan nama arwah datuk pakcik?**

MAS: Arwah datuk saya ini Ahmad bin Haji Hasan. Tapi pada masa itu kami buat gasing ni bukan pakai kayu yang terbaik. Pada masa tu saya kanak-kanak, jadi saya buat pakai kayu kopi, kayu jambu batu mana yang agak keras lah. Kita buat pun tidak gunakan mesin kita gunakan parang dengan kapak jadi cuma bentuk itu bentuk gasing tapi tak secantik tak sehalus mana.

**SNA: Jadi boleh pakcik ceritakan sedikit bagaimana sikap**

(Mencelah)

**NAZ: Beliau--**

(Mencelah)

**SNA: Datuk-- a-rwah datuk pakcik semasa mengajar?**

MAS: Dia tegas bagi saya sebab pertama dia nak mutu pembuatan kita [saya] ni cantik--

(Mencelah)

**SNA: Jadi**

MAS: Biar lambat penghasilan kita tapi nak teliti cantik maknanya kualiti dia [gasing] nak jaga.

**SNA: Jadi apa perasaan pakcik pada waktu itu [semasa belajar dengan datuk tokoh]?**

MAS: Pada masa itu saya rasa-- saya berbangga sebetulnya sebab dia dapat mengajar kita memberi satu ilmu yang orang lain mungkin tak ada pada kita-- jadinya kita kena manfaatkan lah.

**SNA: Jadi tadi pakcik ada terangkan yang terdapat banyak jenis kayu yang pak- arwah datuk pakcik sediakan untuk pakcik adakah itu salah satu kaedah yang digunakan untuk mengajar pakcik?**

MAS: Ya betul sebab kayu-kayu ini tak semuanya kita boleh buat gasing. Sebahagiannya boleh, sebahagiannya tak jadi yang tak boleh dibuat gasing ini dia [arwah datuk tokoh] akan buat lain. Contoh sebagai-- macam lesung, anak- lesung dia macam itu lah. Mana yang kayu untuk gasing dia akan bagitahu yang ini- dia akan bagitahu lah pada kita untuk buat gasing bermakna kayu yang keras.

**SNA: Jadi selain daripada membuat gasing- pakcik juga belajar cara membuat kraf tangan lain daripada arwah datuk?**

MAS: Ya, betul.

**SNA: Apa antara-nya [kraf tangan yang dipelajari tokoh]?**

MAS: Mula-mula saya buat ha- lesung. Macam mana cara dia buat masa itu saya gunakan pakai kayu- rambutan. Kayu rambutan pun kalau yang besar itu bermakna yang dah berpuluh tahun dia keras, tahan— tapi pada masa itu kita gunakan pahat dengan tukul tak ada macam sekarang. Sekarang sebab peralatan banyak, moden maknanya-- senang, cepat macam dulu tidak kita nak siapkan buat lesung itu pun makan masa dua, tiga, empat hari baru siap. Nak kena ketam- pun macam sekarang kita guna elektrik je [sahaja] kan dulu kita manual maknanya jadi lama [proses pembuatan].

**SNA: Berbalik kepada proses pembuatan gasing tadi apa jenis gasing yang pakcik telah pe-lajari daripada arwah datuk pakcik?**

MAS: Jenis ni berbagai-bagai, tak kira lah gasing bawang, gasing toyol. Gasing toyol ini sebetulnya orang Negeri Sembilan [Malaysia] dulu yang main gasing ni untuk mengganggu pihak pemangkah sebetulnya. Gasing itu tinggi, kecik (sambil tangan menggambarkan bentuk gasing) dia cuma tak ligat cuma untuk menganggu je [sahaja] menyusahkan pihak lawan untuk memangkah. Itu yang diorang panggil nama gasing toyol-- gasing bawang, gasing berembang, gasing botol macam-macam bermakna.

**SNA: Jadi selepas pakcik mahir membuat gasing ini adakah pakcik mengambil alih perniagaan datuk pakcik?**

MAS: Perniagaan itu tidak sebab arwah datuk saya dulu kalau nak kira bukan berniaga lah cuma dia buat untuk kegunaan sendiri. Tapi cu- kalau ada rakan-rakan lain yang nak tempah dia buatkan-- maknanya tak macam sekarang- kan pertanian *is* [adalah] perniagaan macam tu kan? Dulu tak ada- konsep macam tu, macam sekarang saya rasa kalau dekat Malaysia ini ramai yang bermain gasing saya tak perlu nak main mungkin saya akan jadi tenaga pengajar dan juga pembuat [pembuat gasing] dah cukup ha- kan? Sebab sekarang saya tengok ni pun pemain terlampau kurang-- minat maknanya pada anak-anak muda ni kurang sangat.

**NAZ: Adakah pakcik memulakan perniagaan sendiri?**

MAS: Saya memulakan sendiri cuma bila kita buat gasing- itu banyak kita kena panggil orang lah bermakna untuk membantu. Sebab kalau saya nak buat, saya nak bulatkan gasing- kayu itu memang tak cukup masa lah

tak cukup tangan lah.

**NAZ: Siapakah ra-- nama rakan yang turut membantu pakcik?**

MAS: Ramai. Kalau-- tergantung pada permintaan sebetulnya kalau permintaan itu banyak kita akan panggil lah ramai kawan-kawan itu kan? untuk bulat kan kayu jadi saya akan melarik saya akan buat bentuk gasing. Mana yang memotong, memotong macam tu lah rakan-akan itu macam [seperti] Razali, Zukarnain semua lah.

**NAZ: Adakah pakcik sampai sekarang bekerjasama dengan mereka dalam pembuatan gasing?**

MAS: Saya buat gasing ini sendiri. Cuma kalau dia-- kawan-kawan [pelanggan] itu datang tempah makna dia [saya] akan bulat kan sendiri. Macam [seperti] itu lah. Makna saya berniaga sendiri lah.

**NAZ: Tahun-- bila tu pakcik *start* [memulakan] mula berniaga sendiri?**

MAS: Lebih kurang dalam tahun 2000 lah lebih kurang lah macam itu. Sebab masa itu lah-- kalau nak kira [fikir] ekonomi kita dah- pulih, jadi saya boleh buat mesin larik sendiri makna-- kita boleh beli lah bahan-bahan itu ben-da itu.

**NAZ: Adakah pakcik mempunyai bengkel untuk pembuatan gasing itu?**

MAS: Ada tapi bengkel itu cuma di tepi rumah lah bukan bengkel yang besar seperti kilang ke tidak sebab bengkel untuk buat gasing tak perlu tempat yang besar.

**NAZ: Apakah cabaran yang pakcik hadapi pada awal permulaan untuk pembuatan gasing?**

MAS: Cabaran ini banyak sebetulnya dik dari segi material kayu. Lepas itu peralatan sebab ya lah saya masa itu kerja gaji pun tak sebanyak mana. Anak kecik-kecik, jadi kita tumpukan pada keluarga kan? Jadi nak beli peralatan itu kita sikit demi sedikit baru boleh kita cukupkan segalanya untuk buat bengkel ini. Seperti kita katakan mesin larik, mesin *chainsaw* [gergaji besi], gerudi macam-macam lagi lah. Kita beli sikit- bukan sekali gus.

**NAZ: Jadi langkah untuk mengatasi cabaran tersebut adalah mula dengan sedikit demi sedikit?**

MAS: Ya- betul. sebab ya lah ekonomi kita dengan keadaan kerja kita kan?

**SNA: Pakcik boleh saya tahu lokasi pembuatan gasing pakcik tu adakah masih sama dari dulu sampai sekarang?**

MAS: Tidak. Dulu mula-mula saya duduk di Jalan Nenas, Meru [Klang] lepas itu saya pindah ke Jalan Dusun [Klang, Selangor] sekarang ini di Jalan

Dusun lah-- rumah saya lah.

**SNA: Apa sebab pakcik berpindah lokasi?**

MAS: Dia [saya] pindah sebab ya lah tanah itu bukan tanah saya. Tanah itu kalau nak kira tanah adik beradik belah orang rumah [isteri] saya tapi ya lah kerana harta mungkin diorang nak berebut. Jadi saya cakap tak apalah [tidak mengapa] kita pindah lah. Tak perlu nak berebut kan? Harta ini bukan kita bawa mati.

**NAZ: Bagaimanakah penerimaan keluarga dan masyarakat setempat tentang pembuatan ga-sing itu?**

MAS: Bagi saya soal dalam keluarga ini macam makcik-makcik saya memberi sokongan. Memang-- dia [makcik] tahu dia cakap "banyak-banyak anak buah saya ini lah sorang yang tahu membuat [gasing]" [makcik tokoh berkata]. Bermakna dia tahu warisan daripada datuk saya lah daripada bapa makcik saya ini. Memang dia memberi galakkan dari- segi masyarakat alhamdullilah lah maknanya kalau-- dari segi pembuatan gasing bermakna dia [masyarakat] boleh terima. Sebab saya bukan gasing sahaja saya buat banyak benda lain lagi yang kadang- saya buat.

**NAZ: Adakah usaha pakcik dalam pembuatan gasing ini mendapat galakkan dan sokongan daripada pihak kerajaan setempat?**

MAS: Bagi saya, kerajaan ini tak membantu pun bagi dekat [pada] saya. Tak pernah membantu pun. Saya dengan usaha saya sebetulnya. Cuma sekarang ni insyaAllah YB [Yang Berhormat] Daroyah [Ahli parlimen

kawasan Sementa] akan memberi satu bantuan insyaAllah tahun depan untuk bengkel membuat pembuatan gasing. Beliau- ada berjanji dan bercerita dengan saya lah sebab kalau kita nak minta apa-apa kita kena ada dulu satu maknanya setidak-tidaknya mesin itu baru kita minta pada kerajaan. Kalau tak, dia-- makna macam kita tak ada apa (bunyi cincin tokoh terkena meja) jadi dia tak nak bagi [bantuan]

**SNA: Hmm, kemudian boleh pakcik ceritakan sedikit jenis-jenis gasing yang wujud di negeri-negeri di Malaysia?**

MAS: Gasing ini sebetulnya banyak ni dik. Macam di Selangor [Malaysia] ini terkenal dengan Gasing Pangkah tradisional, negeri Pahang [Malaysia] pun [terkenal dengan permainan Gasing Pangkah tradisional], Negeri Sembilan [Malaysia] dulu. Macam gasing kebangsaan ataupun gasing Malaysia-- banyak tempat [banyak negeri yang memainkan gasing kebangsaan]-- Selangor pun ada mana-mana [banyak tempat]. Macam Kelantan Gasing Uri dia berlainan- jenis dan cara permainan pun berlainan, undang-undang dia pun berlainan dia tergantung pada negeri tersebut mana yang orang [penduduk setempat] ini lebih berminat atau cenderung sebetulnya.

**SNA: Jadi apa perbezaan yang paling ketara boleh kita tengok pada bentuk gasing itu.**

MAS: Dia- beza dia cuma dari segi permainan, undang-undang-- kalau kayu itu ada juga lah-- macam kayu yang biasa diorang buat untuk Gasing Uri tak perlukan kayu yang keras dia kalau boleh kayu yang ringan tapi seimbang. Jadi pusingannya itu yang boleh tahan sehingga tiga jam sebab dia nak ke-seimbangan dia. Macam gasing tradisional ini kita-- sebab kita pangkah jadi nak perlu kekuatan pada kayu.

**SNA: Jadi bentuk-bentuk gasing macam pakcik terangkan tadi gasing toyol, Gasing Pangkah, Gasing Uri adakah bentuk mereka sama?**

MAS: Bentuk dia berlainan macam Gasing Uri yang nipis itu berat dia yang kalau paling ringan saya rasa tiga kilo [kilogram] yang besar tu sehingga lima kilo. Macam gasing Malaysia diorang banyak dulu pakai kayu jambu ataupun kayu pokok rhu- pun diorang buat. Tapi sekarang diorang ada satu bahan, material yang dia gunakan poli [polimer] untuk gasing Malaysia. Tapi bagi saya dia tak- ada keunikan tak nampak dia punya seni- macam kayu dia akan nampak dia punya belang dia macam mana, urat dia macam mana kan? dekat situ kelebihan dia. Macam gasing tradisional memang kita selalunya gunakan kayu yang keras kalau boleh kita cari kayu yang paling keras lah jadinya dekat situ kita akan tengok kekuatan kayu.

**SNA: Jadi boleh pakcik ceritakan sedikit asal gasing ini daripada mana?**

MAS: Bagi saya gasing ini saya pun tak pasti sebab banyak negara dalam dunia ini ada gasing contoh Jepun, negeri China, Thailand, Vietnam, Indonesia, Brunei, *Singapore* [Singapura] pun ada dan pernah ketika saya membuat persembahan di Jalan Ampang di- MATiC [*Malaysia Tourism Centre*] pelancong daripada barat mengatakan di tempat (bunyi tokoh mengetuk meja menggunakan jari) dia ada permainan gasing bermakna satu dunia bagi saya. Tak mustahil mungkin daripada moyang saya ataupun moyang belah bini saya dia- dari Indon [Indonesia] itu dulu masa datang sini dia yang bawa kita pun tak tahu.

**SNA: Jadi bagaimana Kapar [Klang, Selangor]- Bukit Kapar ini boleh terkenal dengan gasing?**

MAS: Sebab bagi saya-- dia- banyak dia punya apa- orang kata (tokoh mengetuk meja menggunakan jari) penerimaan dia ini masyarakat Bukit Kapar daripada dulu memang diorang dah wujud permainan gasing ini lepas itu bersambung tak kira lah ibaratkan daripada arwah atuk saya hingga ke saya berapa generasi dah itu (sambil membuat pergerakan tangan) bermakna tak pupus.

**SNA: Jadi boleh pakcik ceritakan sedikit sejarah permainan gasing ini di Bukit Kapar pada tahun bila ia dimainkan?**

MAS: Saya rasa masa itu saya dah darjah lima saya dah main gasing sebelum itu bermakna darjah empat saya dah mula jinak-jinak. Masa itu saya pergi sekolah berbekalkan lima sen atau sepuluh sen dulu [masa itu] dah besar [nilai duit] dah kan? Tapi saya simpan duit itu, simpan untuk beli gasing pada masa itu gasing yang berharga empat posen [puluh sen] sahaja. Tapi pada masa itu kita-- empat puluh sen mahal lah kan? Sebab kita pergi be-kal-- bawa bekal untuk pergi sekolah pun baru lima sen sanggup tak makan untuk beli gasing kerana kita minat nak bermain.

**SNA: Jadi maksudnya permainan gasing ini telah lama dimainkan di Bukit Kapar- sebelum pakcik lahir lagi maksudnya?**

MAS: Ye- betul. Bermakna tak mustahil tahun enam puluh [tahun 1960] pun dah ada sebab orang dulu-dulu semua kerja kampung kan? Mana ada kerja dekat luar jadi mungkin pada masa diaorang [mereka] ini *time* [masa] tak kerja, ataupun musim tengkujuh, ataupun musim macam

mana diaorang ni bermain sebab orang dulu-dulu ini bermain di halaman rumah kan? Tak ada macam gelanggang yang mana ada sekarang ini makna bila rumah itu ada halaman yang luas jadi tak ada halangan lah untuk diaorang bermain bermakna jadikan gelanggang.

**SNA: Jadi pada pendapat pakcik adakah Gasing Pangkah ini merupakan *trademark* [mercu tanda] di Bukit Kapar?**

MAS: Ya. Sehingga kan- bermakna badan di Bukit Kapar ini MPKK [Majlis Pengurusan Komuniti Kampung] Bukit Kapar pun lambang dia adalah gasing dan YB Dr. Daroyah pun mempersetujui kerana di Selangor ini Gasing Pangkah tradisional hanya di Bukit Kapar yang ada pada masa ini.

**SNA: Bermaksud pada sebelum-- pada waktu pakcik kecil lagi Gasing Pangkah- permainan Gasing Pangkah ini telah lama- telah wujud?**

MAS: Ya, betul. Tidak mustahil.

**NAZ: Apakah jenis bahan yang digunakan dalam pembuatan Gasing Pangkah?**

MAS: Jenis dia dengan gunakan kayu dan juga besi iaitu paku. Paku ni untuk kita buat paksi di bawah lah dan kayu ini kita kena cari kayu yang terbaik lah.

**SNA: Maksudnya hanya ada dua ba-han untuk membuat gasing?**

MAS: Ya.

**SNA: Jadi bagaimana dengan saiz paku itu?**

MAS: Paku saiznya selalu kita akan gunakan lebih kurang dalam tiga per lapan cm [sentimeter]-- ke mm[milimiter]--

(Mencelah)

**SNA: Saiz--**

MAS: Ha, besar dia.

**SNA: Saiz yang sama akan digunakan dalam setiap gasing yang akan dibuat?**

MAS: Tidak juga. Ada yang lebih besar sedikit, itu tergantung pada individu. Sebab bila paksi ini paku dia besar, dia liar gasing ini. Dia tak boleh duduk diam. Cuma peranan dia berbeza, pa-ksi yang besar dengan yang kecik.

**SNA: Bermaksud saiz paku untuk setiap gasing itu ditentukan oleh pe-milik--**

(Mencelah)

MAS: Pemilik ha pemilik selalunya--

**SNA: atau pe-main?**

MAS: Bukan kita, dia selalu pemilik ini cakap dia tengok pada kayu. Kayu ini berat dia akan menggunakan paksi ataupun besi itu paku itu yang lebih besar sebab dia berat untuk menampung keberatan dia. Maknanya graviti dia untuk tapak paku itu, bermakna paksi dia lebar kan? Jadi dia tak tenggelam. Lagipun kalau di gelanggang yang lembik, kalau kita gunakan paksi yang kecil, dia akan cepat mati [berhenti] gasing ini. Tidak pula seperti yang kita guna paksi yang besar sebab graviti dia lebih luas jadi dia lambat [ambil masa yang lama untuk berhenti berpusing] itu kelebihan dia dan ada kelebihan ada kekurangan sebetulnya. Sebab itu kita kena ada dua jenis tengok pada keadaan semasa kita bermain.

**NAZ: Apakah jenis kayu yang sesuai untuk digunakan dalam pembuatan Gasing Pangkah?**

MAS: Kayu ini dia tergantung pada pemain. Kadang ada yang minat kayu koran, ada yang minat kayu kempas, ada yang minat kayu keranji, tualang, kemuning. Tergantung pada masing-masing. Kadang kita sebagai pembuat ini pemain atau pun- yang nak buat gasing ni dia dah siap dengan kayu, bawa dekat kita [saya]-- tak tahu lah dia daripada rakan-rakan dia dari Pahang, Negeri Sembilan kita pun tak tahu kadang kan. Dia cuma bawa kayu "tolong buatkan" [rakan tokoh berkata]. *Design* [reka bentuk] ataupun reka yang macam mana-- reka bentuk yang macam mana, kita ikut lah.

**NAZ: Cara pemilihan kayu yang sesuai untuk digunakan dalam pembuatan gasing?**

MAS: Dia kalau boleh kita cari yang keras, teras dia-. Kalau pokok itu makna dia punya banai dia kan terlampau keras kalau boleh cari yang keras. Bermakna kekuatan untuk gasing itu bila kita pangkah dia tak mudah pecah. Kalau di bahagian batang ini dia kelebihan dia ada pula. Keligatan lebih tapi kekuatan kurang-- kat situ dia ada- beza dia maknanya tidak semua satu pokok kayu itu kita boleh gunakan, tidak. Kadang ada yang tak boleh guna pun. kita buat [gasing] tidak elok maknanya.

**NAZ: Jadi kualiti apa yang dilihat pada sebatang kayu tu untuk diajadikan gasing?**

MAS: Kualiti dia itu lah yang saya cakap tadi makna tergantung pada kayu tersebut lepas itu kekuatan dia. Bila kayu itu tak kuat pun walaupun cantik dia punya corak ke ataupun apa pun tapi kekuatan tak ada tak guna-- bila kita pihak pemusing ibaratkan saya pemusing, saya pusingkan sekali kena pangkah dah pecah tak guna kan? Lebih baik saya cari kayu yang baik yang keras tak kiralah kayu apa pun.

**NAZ: Jadi kesan pada kualiti kayu itu yang tak elok jadi gasing- mudah pecah dan rosak**

MAS: Ya mudah pecah. Jadinya kita terpaksa kata kita nak pergi membuat satu pertandingan ataupun perlawanan di Pahang ibaratkan-- jauh kan? Tak kan kita nak bawa sampai gasing sampai dua puluh biji sorang. Terlampau banyak bagi saya kan-- berat. Kalau sebiji tu katakan kita

ambil 600-gram ataupun 700gram dan kadang sampai 800gram satu biji. Kalau dah sepuluh dah dekat lapan kilo. Kalau bawa dua puluh [gasing] berapa banyak. Habis kalau kita satu regu lima orang. Okey yang bermain empat [orang] lah kan. Kalau kita pergi satu kereta dah berapa berat lagi dengan orang. Jadi dekat situ bagi saya ruginya [buat gasing yang tiada kualiti].

**NAZ: Apakah langkah-langkah yang- nak pastikan sebatang kayu itu dalam keadaan baik. Nak jaga se- bahan kita itu untuk buat gasing**

MAS: Selalunya kalau satu pokok itu, saya dah potong, saya tak ambil semua. Saya ibaratkan-- contoh saya ambil bahagian teras dia-- saya buat dulu. Bawa balik, saya bulatkan gasing, saya buat gasing saya buat dulu. Saya akan tengok keadaan gasing itu macam mana. Boleh ligat, atau pun boleh tahan atau pun keras ke tidak. Kalau benda [kayu] yang kita ambil itu tak cantik (tokoh mengetuk cincin di permukaan meja), buat apa kita bawa balik semua kan-- lebih baik kita tak payah ambil. Saya buat macam itu. Tidak semestinya kayu itu walaupun kecil, dia tak cantik-- tak semestinya yang besar, akan cantik-- tidak. Kadang kayu itu kecil tapi kekuatan dia kita nak.

**NAZ: Apakah langkah untuk memastikan kayu itu--**

(Mencelah)

MAS: Elok?--

**NAZ: Elok.**

MAS: Bermaknanya, kayu ini tak boleh kena panas-- tak boleh dijemur. Kalau jemur dia akan rekah-- sebab kena panas kan? Kita nak kena cari tempat yang redup yang sejuk lah-- tak boleh kena cahaya matahari maknanya

**SNA: Jadi kayu yang rekah tak boleh digunakan?**

MAS: Tak boleh. Kalau kita buat juga, bukan tak jadi-- jadi. Tapi bila [gasing] kena pangkah dia akan pecah jadi membazir bagi saya.

(Mencelah)

**NAZ: Ber--**

MAS: Dan kalau kita dah siap gasing itu pun kita akan simpan di tempat sejuk-- kita tak boleh letak sembarangan. Depan rumah lah, tak boleh. Mesti nak kena cari tempat yang sejuk agar dia tak rekah.

**NAZ: Berapa banyak gasing yang dapat dihasilkan daripada satu batang kayu?**

MAS: Dia tergantung pada keadaan kayu tersebut-- saya pernah dapat satu pokok itu tak kurang lima, 600 biji boleh dapat sebab kayu itu elok semuanya. Jadi kita buatkan satu dua tiga semua elok jadi kita ambil semua satu batang itu. Kayu itu pun dah tiga empat puluh tahun lepas dah diorang tebang. Bukan kita tebang pokok hidup. Tidak, tak boleh.

Kita nak ca-ri kayu yang kering-- makna dah- kering dan keras-- kalau balak [pengusaha balak] pun tak nak ambil kayu itu.

**NAZ: Jadi bagaimana se- saiz gasing itu ditentukan?**

MAS: Saiz dia memang kita dah ada- peraturan-- dalam pertandingan itu. Saiz besar maknanya lilit empat belas inci-- yang terbesar tak boleh melebih-- kalau lebih kita tak boleh gunakan. Dan yang terkecil sepuluh inci setengah lilit-- kalau kurang kita tak boleh gunakan. Ketinggian empat inci hingga empat inci setengah-- makna kalau diukur tinggi itu tak cukup empat inci kita tidak dibenarkan guna gasing tersebut untuk pertandingan itu. Kalau melebihi empat inci setengah pun tak boleh-- kalau empat poin satu, empat point dua, empat point empat, empat point lima-- sehingga itu sahaja maknanya

**SNA: Bermaksud untuk satu pertandingan jenis gasing yang dimainkan itu pe-rlu lah saiznya yang--**

(Mencelah)

MAS: Ya, betul--

(Mencelah)

**SNA: Ditetapkan dalam peraturan walaupun jenis yang berbeza**.

MAS: Ya. Jenisnya tak kesah bermakna jenis ni tergantung pada individu dia suka jenis macam mana-- yang bulat, yang botol, yang bawang, yang berembang-- macam itu. Sebab gasing ini kita bermain dia nak ada macam- (tokoh menggeselkan tangan di atas meja) bermain bola sepak juga ada *scorer* [penjaring gol] (tokoh menggeselkan tangan di atas meja), ada *defend* [menghalang penjaring daripada menjaringkan bola] (tokoh menggeselkan tangan di atas meja) macam itu. Dalam empat itu kita kena bahagikan-- mana untuk *defend*-- dekat mana ka-mu nak letak. Sebab kalau kita letak main letak je [sahaja] jenis [gasing] (tokoh menggeselkan tangan di atas meja) yang sama. Pihak lawan akan senang mengambil-- jadi dia senang dapat markah. Kita kalau boleh biar dia susah nak mengambil untuk mendapatkan satu markah itu.

**NAZ: Jadi bagaimana pula se- berat satu gasing tersebut?**

MAS: Gasing yang kalau kita kayu yang-- biasa lah teras maknanya ya-- dia boleh mencapai 800gram, 850gram dan kalau yang ringan itu biasa dalam lima- kosong gram, 550gram lah-- paling tidak lah sebab dia kayu kan? Sebab dia ringan macam mana pun 500gram dah tentu-- tapi yang bagi saya, saya suka yang dalam 700gram sebab dia tak terlampau berat dan ak terlampau ringan-- jadi yang penting keseimbagan semasa gasing itu berpusing-- nak cantik maknanya.

**SNA: Maksudnya berat gasing itu akan ditimbang setelah selesai semua proses atau pun setelah dibentuk gasing itu?**

MAS: Tak, kita dalam pertandingan dia kita tak timbang tapi kita bila kita buat selalunya kita akan timbang sendiri-- kita tengok pada kayu tersebut. Kayu ini katakan keras-- berat dia berapa? Kadang kayu nampak keras tapi ringan-- ada. Itu yang- penting ber- maknanya keseimbang, kekuatan kayu tersebut-- kita nak tahu.

**SNA: Berat gasing itu dikira sekali dengan paku didalam?**

MAS: Ya-, betul. Maknanya kita dah siap kita timbang berapa-- sebab kalau gasing tersebut ibaratkan dia tak *stable* [stabil] lah kan macam tayar kereta lah kalau kita beli baru tak semestinya cantik kan pusingan? Memang bulat tapi pusingan dia tak cantik-- kan kena-- kita kena timbangkan? sebaiknya gasing pun macam itu. Pada masa sekarang lah, dulu tak ada sebab kita nak keligatan biar dia berpusing lama. Jadi kita kena timbang-- Gasing Pangkah ini tradisional-- kita tak boleh bagi- timah atau pun besi diluar makna nampak kan? Tak boleh-- dia mesti nak di dalam makna kita kena *inject* [suntik], kena *injection* [suntikan] dalam itu kita kena buat lubang masukkan timah-- kita tutup balik. Boleh, sebab dulu memang tak boleh tapi bila keadaan sekarang ini kayu ini susah kita nak cari-- jadi dibenarkan

**SNA: Jadi untuk membuat gasing yang tak cukup beratnya ini akan di *inject* timahnya?**

(Mencelah)

MAS: Ya--

(Mencelah)

**SNA: Begitu?**

MAS: Ya- itu yang tadi saya cakap ibaratkan macam tayar ya-- walaupun *you* [awak] bulat, tak semestinya kebulatan itu dia akan sama imbangan. Kan nanti dia akan *balancing* [keseimbangan] kat mana-- okey, ini kurang lima puluh gram ibaratkan kita bagi lima puluh tapi gasing tak ada lah sampai lima puluh gram kan? Dia dalam satu gasing itu kadang sampai-- katakan satu tempat itu dua gram dalam sepuluh gram jugalah maknanya kita kena tambah-- tapi sepuluh gram itulah yang akan membuat gasing tersebut itu ligat.

**NAZ: Apakah jenis cat yang akan pakcik gunakan untuk mewarnakan badan gasing?**

MAS: Cat ini tidak semestinya bagi saya. Dia [gasing] cat tergantung pada individu-- macam saya gasing saya memang kalau dekat mana orang akan kenal-- merah, kuning [warna gasing tokoh] sebab saya merah, kuning saya lambang kan negeri Selangor. Kalau mungkin kalau negeri Pahang dia akan cat putih hitam ke- apa ke-- dia tergantung pada individu-- cat tidak dimestikan. Cuma bila kita buat ini selalunya bila dah siap, kita akan *spray* [cat sembur] dengan *clear* [warna spray] ke ataupun varnish itu sahaja. Cat ini sapa-sapa boleh-- nak- *colour* [warna] apa pun boleh-- dia tak- ditentukan dalam peraturan-- dalam pertandingan itu tak tentukan.

**SNA: Jadi jenis cat apa yang sesuai untuk kayu gasing itu?**

MAS: Selalu saya gunakan cat biasa je-- cat padlock itulah yang di tin itu-- kita *spray* jadi cepat kering kan. Tak semestinya cat yang mahal-- tidak. Dia tergantung pada individu-- kadang gunakan *marker pen* [pen berdakwat kekal] je-- nak hitamkan, nak biru kan, nak merah kan sebab dia kadang setengah orang bila dicat-- dia cakap licin [permukaan gasing]. Tapi memang betul sebetulnya itulah adalah satu kelebihan kepada orang yang bagi pihak pemasang [pemusing] sebab dia licin-- bila dia pangkah dia akan tak kena maknanya-- licin kan? Tapi itu tidak mengganggu dari segi undang-undang [undang-undang permainan Gasing Pangkah]-- makna dibenarkan-- siapa nak cat apa pun boleh.

**NAZ: Bagaimanakah pakcik menentukan harga bagi satu biji gasing?**

MAS: Harga ini kita tergantung pada kayu sebetulnya dik-- kalau kayu tersebut memang cantik, keras dan pusingan dia cantik, dia [gasing] akan mahal lah. Sebab kalau di Pahang, kawan saya pernah beli, satu biji gasing 250 ringgit [RM250]-- kalau di sini lebih lebih- pun dalam 100 [RM100] ke lapan puluh ringgit [RM80] lah-- kalau nak kira main gasing ini sebetulnya kos dia tinggi. Tinggi [kos], walaupun kita gunakan kayu walaupun katakan kayu itu keras, dia akan rosak-- terutama dibahagian kepala kan?-- tapi kadang benda itu kita boleh *repair* [baiki] lah kita boleh gam balik, tampal balik dengan habuk macam itu. Itu tergantung pada kerajinan seseorang.

**SNA: Maksudnya sepanjang pakcik menjalankan perniagaan ini harga gasing itu-- ti-dak pernah tetap?**

MAS: Tak pernah tetap-- tak akan tetap-- dia tergantung pada kayu. Tak semestinya-- walaupun satu pokok ibaratkan-- okey, katakan di bahagian batang, tiga puluh ringgit [RM30] lah upah dia kan? Kayu katakan dua puluh ringgit [RM20] dah lima puluh ringgit [RM50] kan? Tapi sekarang kayu mana boleh dapat dua puluh ringgit [RM20]-- kita nak cari pun susah kan? Upah tiga puluh[RM30] nanti kayu tiga puluh [RM30] dah enam puluh [RM60]-- katakan bahagian bawah yang bahagian teras satu kayu itu kadang dah lima puluh ringgit [RM50], enam puluh ringgit [RM60]-- ada yang sampai 100 [RM100] (tokoh mengetuk meja dengan jarinya). Nanti upahnya-- bila kayu keras upahnya pun perlu lebih sebab dia lebih- lama jadinya-- kita pembuatan ini lebih lama. Biasa mungkin boleh dapat satu jam-- kalau yang ini mungkin satu jam lebih, satu jam dua puluh minit baru siap.

**NAZ: Apakah tips penjagaan gasing agar tidak mudah rosak?**

MAS: Bagi saya, tips ini lebih kurang sahaja-- sama sahaja sebab dia tengok cara pemangkah-- kalau orang memangkah itu dengan tenaga dia kudrat dia yang dia ada-- katakan gasing itu tujuh gram [700 gram] dia pangkah sekurang-kurangnya lima kali ganda. Jadi beban itu kali [darab] kan lah-- kalau tujuh kali lima, tak tiga kilo lebih kan? Tapi kalau kekuatan kayu itu memang keras jadi gasing itu tidak rosak-- kadang saya pernah berlawan dengan Kampung Pengkalan Manggis [Pahang]. Dia bawa lebih kurang satu regu itu dua baldi [berisi gasing] lebih kurang empat puluh biji [gasing]-- dia rosak sehingga dua puluh biji sebab kayu dia lembut-- sedangkan saya punya sebiji [gasing] pun tidak rosak. Kawan saya yang tiga orang ini pun tak rosak [gasing]-- tapi dia punya regu itu dekat dua puluh biji [gasing] rosak sebab kayu dia lembut-- jadi kita

[mereka] rugi bagi saya-- bawa banyak-banyak tapi rosak kan? Lebih baik kita cari kayu yang baik untuk buat pertandingan-- kalau untuk latihan itu lain lah-- untuk saya lah. Untuk bertanding memang saya akan carikan kayu yang terbaik kalau boleh.

**SNA: Jadi kalau macam gasing itu rosak selepas pertandingan apa yang selalunya pemain buat untuk betulkan balik?**

MAS: Dia akan *repair*, selalunya yang rosak di bahagian kepala-- memang pemangkah ini kalau boleh dia nak rosakkan gasing orang-- tapi dengan syarat jangan gunakan paksi [paku di bahagian bawah gasing] dan sekiranya gunakan paksi ada bekas [rosak terkena paku] dia [pihak pemangkah] akan kena denda. Ber-makna pemangkah ini kena pasang- bagi pihak pemangkah ini kena denda-- dia [pihak pemangkah] kena pusingkan dan pihak pemusing ini kena pangkah [bertukar posisi]. Jadinya dia bagi mata pula itu sekiranya terkopek, ter-belah lah katakan-- ada bekas- paksi-- tapi kalau tak ada bekas paksi dia [pengadil] tak kira-- tak kena denda [pihak pemangkah] dekat situ. Jadi, pemain ini bila selalunya dah habis dalam masa-- ataupun dalam masa pertandingan ini kita [regu] ada sediakan satu bakul-- bila gasing itu rosak kita [pemain] akan tukar gasing yang lain-- gasing yang rosak ini kita akan letak kan pada bakul-- okey, selepas habis pertandingan baru kita boleh *repair* macam itu.

**SNA: Apa proses membaik pulih gasing itu?**

MAS: Dia selalunya kita akan tampal dengan habuk lepas itu dengan gam yang tiga *second* [saat] itu lah-- selepas main maknanya kata kan dia [gasing] rosak berapa banyak pun-- dia [pemain] akan *repair*.

**SNA: Habuk yang digunakan itu habuk daripada--**

(Mencelah)

MAS: Habuk- yang kita buat itu--

(Mencelah)

**SNA: pokok?**

MAS: Maknanya habuk itu yang halus kita tapis dulu-- memang halus habuk itu jadinya dia [gasing] akan cepat keras dan kuat.

**NAZ: Berapa ramai lagi di kampung Bukit Kapar ini yang juga mengusahakan pembuatan gasing?**

MAS: (tokoh mengetuk meja dengan tangannya) Sekarang ini saya rasa lebih kurang tiga orang sahaja. Saya, makna-- Wak Johari lepas itu Zali-- itu sahaja yang lain saya rasa dah tak ada sebab macam saya dengan Wak Johari itu kadang saya tak buat gasing saya buat kompang-- kalau tak buat kompang mungkin saya akan buat koyan pancing ataupun saya buat *souvenir* [cenderahati] gelas ke. Yang terbaru ini ada satu-- *four by four* [persatuan kereta tahan lasak 4X4] dia nak buat pertandingan-- saya suruh buatkan medal.

**NAZ: Jadi di Kampung Bukit Kapar ini selain daripada gasing, apa lagi yang terkenal di Kampung Bukit Kapar?**

MAS: Sini dulu layang-layang pun ada sebetulnya-- macam sukan-sukan lain ada lah kan? Dulu layang-layang dan gasing sahaja lah lepas itu dah macam-- kesenian itu saya rasa cempuling itu memang biasa-- tapi tak semua kampung ada kan? Cempuling lepas itu dulu wayang [wayang kulit] itu dah lama dah saya rasa tak ada.

**NAZ: Jadi bagi pakcik apa itu keistimewaan gasing?**

MAS: Bagi saya, gasing itu adalah satu seni sebab bukan semua orang yang main gasing ini tahu nak jaga gasing dia-- ibaratkan contoh lah pakcik memangkah gasing itu ada dalam kawasan sembilan kali sembilan [saiz petak gelanggang gasing berukuran 9X9]-- di hadapan sedangkan tempat yang untuk kita (tokoh mengetuk meja dengan jarinya) letak gasing Itu di bahagian belakang. Tak kan panjang sembilan kaki itu kita nak tarik sahaja kan? Orang yang- ada kemahiran dia akan tangkap gasing itu tarik bermakna dia angkat [angkat gasing dengan tali seupaya gasing kekal berpusing dan tegak kedudukannya] dia akan letakkan ke belakang. Tidak semua orang tahu cara untuk mengangkat-- dan tidak semua orang tahu bila gasing dia ligat dia boleh bela uri [pusingan gasing]-- kadang gasing dia ligat tapi tak tahu nak bela uri (tokoh mengetuk meja dengan tangannya) dekat situ kelebihan dia. Tidak semua orang ada- kemahiran itu-- nak tangkap gasing biar cepat kita nak letakkan itu.

**SNA: Tadi pakcik ada terangkan yang pakcik pernah bermain gasing. Apakah jenis gasing yang pernah pakcik mainkan?**

(Mencelah)

MAS: A'ah--

(Mencelah)

**SNA: Apakah jenis gasing yang pernah pakcik mainkan?**

MAS: Bagi saya- bentuk saya tak kisah baik yang macam manggis ke, botol ke, toyol ke, berembang ke, saya boleh main semua termasuk gasing Malaysia-- dulu pun saya main gasing Malaysia tapi cuma tak berapa minat sebetulnya sebab gasing Malaysia dengan gasing tradisional dia lain-- cara permainan kan? Gasing Malaysia, gasing kawan kita boleh bela [buatkan gasing elok berpusing] macam gasing tradisional tidak. *You* punya *you* seorang yang jaga orang lain tak boleh usik dekat situ kelebihan dia-- jadinya kalau memang orang itu mahir dia akan cekap dia cepat-- macam gasing Malaysia dia tidak. Siapa yang mahir dia akan pukul dulu bermakna dia akan pangkah dulu dia tunggu dekat depan-- kawan ini yang belakang ni tak mahir nak angkat ke nak apa jadi kawan itu dah siap dah tunggu dekat situ-- memang lah dia punya *team* [pasukan] kan? Tapi ke-istimewaan tak ada bagi saya sebab bukan semua orang tahu nak mengangkat [angkat gasing]-- tidak.

**SNA: Jadi tadi pakcik ada bagitahu yang pakcik mula bermain gasing pada umur- darjah lima?**

MAS: A'ah

**SNA: Jadi adakah itu Gasing Pangkah?**

MAS: Ya, itu gasing tradisional cuma dulu undang-undang berlainan lah-- sekarang bila dah kita- makin lama makna dia akan *upgrade* [memperbaharui] undang-undang lah kan? Tapi gasing yang sama.

**SNA: Jadi dari mana pakcik belajar untuk bermain Gasing Pangkah?**

MAS: Nak cakap belajar itu tidak, tapi minat bila orang tua-tua ini bermain kita mula-mula tengok-- kita tengok cara diorang bermain macam mana-- okey lepas itu kita memang minat kan? Kita beli [gasing] (bunyi tangan tokoh mengetuk meja dengan tangannya) kita belajar pusingkan dulu bukannya terus main-- tak. Kita pusingkan, sebab bukan semua orang pusing boleh tegak kadang senget kadang entah kemana-mana lah kan? Lepas itu belajar pangkah macam mana-- bila dah agak-agak tahu baru kita berani masuk gelanggang kalau tak-- kira senang cerita di tepi gelanggang sahaja lah [sebagai penonton].

**SNA: Jadi di mana selalunya tempat pakcik bermain gasing? Lokasinya?**

MAS: Dulu mula-mula sebelum ada gelanggang ini kami main di jalan belakang ini sekarang ini jalan- Jalan Umno [Bukit Kapar, Klang] di

rumah di halaman rumah arwah Haji Shafie itu se-bab halaman dia luas tak mengganggu tak takut kena pasu bunga ke apa ke kan? jadi dekat situ kami main.

**SNA: Hmm, jadi se-takat ini apa pencapaian yang pernah pakcik perolehi sebagai pemain?**

MAS: Saya pernah-- yang tertinggi lah tak dapatlah nombor satu tapi dapat nombor dua-- tapi sekurang-kurangnya bila kami pergi keluar daripada Bukit Kapar setidak-tidaknya kami akan dapat *top five* [kedudukan lima teratas] jadi kami bila pergi mana pun tak kira lah Kota Gelanggi [Johor, Malaysia], Tembangau [Pahang, Malaysia], Triang [Pahang, Malaysia], Kampung Lompat [Temerloh, Pahang], Temerloh [Pahang, Malaysia], Bukit Resak [Temerloh, Pahang] sekurang-kurangnya bila dia jumpa sahaja *group* [kumpulan] Bukit Kapar akan rasa goyang [gerun] tau. Itu adalah satu- mentaliti bagi saya-- itu satu faktor juga bila kita dah ada nama ada- makna gah orang jumpa kita '"eh kenapa main macam ini?' (tokoh mengetuk meja menggunakan jari) bermakna dah turun dia punya semangat itu kan? Itu satu apa tau bagi saya.

**SNA: Jadi kalau macam pakcik bermain di luar pakcik bermain sebagai individu ataupun sebagai kumpulan?**

MAS: Gasing Pangkah ini dia kumpulan dia tak ada individu tak macam gasing Malaysia. Gasing Malaysia ada individu ada yang *double* [dimainkan oleh dua orang] dua sahaja ada yang kumpulan tapi kalau gasing tradisional dia selalu saya pergi satu *group* itu lima orang-- makna *spare* [pemain ganti] satu lah takut bila ada apa-apa *injured* [kecederaan] sebab main gasing ini bahaya dik dengan keberatan 800 gram katakan-- okey lah kita buat ringan 600 gram terkena kaki tak terkeluar kita-- kan?

Sebab itu orang yang main gasing ini selalunya dia akan fokus betul-betul walaupun dia bersembang tapi mata dia akan tengok pada gasing yang dipangkah dia takut nanti kena pada kita [pemain]-- itu pun kadang orang yang berhati-hati pun terkena- juga ada.

**SNA: Jadi apa sejarah- boleh pakcik ceritakan sedikit sejarah Gasing Pangkah di Malaysia?**

MAS: Gasing Pangkah sebetulnya di Malaysia ini bagi saya lah tak ada sokongan dari kerajaan baik dari kerajaan pusat, negeri ataupun PBT [Pihak Berkuasa Tempatan] tempatan bagi saya tak ada memang tak ada sedangkan itu adalah seni warisan orang melayu kita-- kenapa tidak di-ketengahkan? Contoh sebagai pelancongan, bahagian kebudayaan-- banyak cuma wujud kebudayaan- Kementerian Kebudayaan, Kementerian Pelancongan tapi tak ambil inisiatif untuk menketengahkan Gasing Pangkah. Kalau nak kira, okey- contoh sebagai-- kita [mereka] kerajaan sepatutnya mereka ada visi untuk menarik pelancong sekira pelancong itu datang kita pertunjukkan-pertontonkan ini adalah warisan kebanggaan negeri kita-- negara kita kan? Sekurang-kurangnya kerajaan akan dapat manfaat dia kalau di kampung banyak peniaga, pemain dah tentulah akan dapat habuan lah walaupun upah dia berapa-- peniaga, *homestay* [rumah penginapan] katakan *and then* [kemudian] nama kampung tersebut-- macam negara, negara lah yang akan dapat kan? Tapi kenapa diorang tak nak ambil [inisiatif]? Saya pun kadang heran [hairan] saya cakap-- bukan saya nak kondemkan kerajaan, tidak. Tapi dia tak nak ambil [inisiatif], tak terfikir ke? Sebab saya pernah buat pertunjukan di Jalan Ampang yang datang pelancong daripada luar-- tapi kenapa PBT tempatan, kerajaan negeri tak nak buat? Sedangkan saya tengok di Melaka [Malaysia] dulu ada gelanggang-- di pekan Melaka bermakna sekarang tinggal gelanggang pemain tak tahu kemana. Dulu, rakan saya kawan saya yang main di pekan Melaka itu-- kalau hari ahad macam mana- dia macam buat

sambilan kan? pertunjukan-- okey- kerajaan negeri Melaka mungkin bagi inisiatif seorang tiga puluh ringgit [RM 30] ke dua puluh ringgit [RM 20] sambil bermain, berlatih kan? Kan se- elok- macam itu bermakna orang-orang yang dari luar ini akan da- tertumpu "eh, dekat sana ada macam ini- lah. Jom kita tengok?" satu adalah-- satu tarikan pelancongan bagi saya.

**SNA: Jadi tadi pakcik ada terangkan yang Gasing Pangkah ini juga dimainkan di Melaka dan Pahang--**

(Mencelah)

MAS: A'ah. Negeri sembilan, semua pun ada.

(Mencelah)

**SNA: Dan juga Bukit Kapar. Jadi dari mana sebenarnya Gasing Pangkah ini bermula?**

MAS: Saya kurang pasti, tapi boleh dikatakan setiap negeri di Malaysia ini ada Gasing Pangkah termasuk Kelantan, Terengganu mana pun-- ada dan di Perak baru-baru ini lawatan daripada-- PBT Batang Padang, Tapah dia cakap di sana ada tetapi pemainnya dah tak ada sebab pewarisnya dah tak ada maknanya-- dulu ada, bila orang tua-tua ini dah tak ada pelapis-pelapis dia dah tak- ada yang nak ketengahkan, habis. Di Selangor pun macam itu sebetulnya banyak tempat di sini contoh Bukit Kucing [Kuala Selangor, Selangor], Bukit Kuda [Klang, Selangor], Kampung Kuantan [Klang, Selangor], Jalan Kebun [Klang, Selangor], Jenjarom [Klang, Selangor], Kuala Langat [Selangor] semua ada sebetulnya-- Sabak Bernam pun ada semua ada tapi mati begitu sahaja bila pemain-pemain lama ini dah tak ada- meninggal lepas itu tak ada galakan- pemain muda

tak ada.

**SNA: Jadi bermaksud Selangor ini ada- pernah dimainkan di serata tempat--**

(Mencelah)

MAS: Ya, betul--

(Mencelah)

**SNA: Gasing Pangkah- tapi sekarang ini yang masih aktif cuma di Bukit pa-Kapar.**

MAS: Bukit Kapar. Sebab itu saya cakap kita sebagai orang tua ibarat kan kalau kita tak mendidik yang akan mewarisi kita, anak-anak kita, cucu kita siapa lagi kan? Kalau kita dah tak ada esok- dah tak ada [permainan tradisional Gasing Pangkah] lah maknanya cuma tinggal nama "gasing itu- Gasing Pangkah macam mana ya?" [masyarakat berkata] orang tak tahu-- sebab saya tengoklah, budak Bukit Kucing pun akan datang ke Bukit Kapar dan rakan saya daripada Negeri Sembilan tapi dia duduk di Subang [Selangor] dia bermain di sini dan ikut Bukit Kapar- *team* Bukit Kapar-- dia sanggup tinggalkan negeri dia daerah dia ikut *team* kita sebab tempat dia dah tak aktif. Kita tak kisah dia dari mana kalau memang berminat datang sahaja tak kisah- sama-sama kita berlatih. Kadang rakan saya daripada Padang Tengku, Kuala Lipis [Pahang] boleh datang ke Bukit Kapar kerana nak main gasing *old start* [orang yang mula bermain gasing setelah mereka berusia] kita panggil dia lah.

**SNA: Jadi adakah mereka ini boleh mewakili persatuan untuk lawan ke negeri lain?**

MAS: Boleh- kita tak kisah. Kita duduk Bukit Kapar nak mewakili mana-- katakan kita tak ada regu ibarat kan tak cukup orang pada masa itu kita boleh mana-mana tak kisah. Yang penting bermakna syarat-syarat pertandingan itu kita kena patuhlah itu sahaja tak kisah orang pun- bercampur pun-- sebab saya pernah di Temerloh [Pahang] kebetulan masa itu regu saya tak cukup- dua orang. Saya dari- Bukit Kapar ada dua orang yang lain masa itu tak- boleh pergi saya cari orang Temerloh untuk main sama- dengan saya-- boleh tapi daripada segi situ sebetulnya ikatan silaturahim ini lebih lagi-- baik dia akan terjalin.

**SNA: Jadi berapa orang boleh main dalam satu pasukan?**

MAS: Dalam satu pasukan ini dia dua maknanya pihak pemusing dan juga pihak pemangkah bermakna lapan orang-- empat orang pemusing empat orang pemangkah.

**SNA: Jadi pemangkah dan pemusing itu adalah posisi dalam permainan?**

MAS: Ya. Pengadilan lain lah.

**SNA: Jadi boleh pakcik ceritakan sedikit apa peraturan yang perlu seorang pemusing itu perlu patuhi?**

MAS: Pemusing ini dia empat orang okey satu, dua, tiga, empat [mengira

jumlah pemain] pusing dan pihak pemangkah bermakna ada empat- satu dia akan tanya- satu, dua, tiga, empat- kita panggil tekong lah yang pihak- pemangkah ini lah ya. Sekiranya pihak pemusing dah habis orang yang keempat terakhir-- gasing dia dah jatuh ke tanah kita [pemain] diberi masa untuk empat saat- boleh kita tunggu empat saat dan kita boleh terus pun- tak payah tunggu pun boleh tengok kepada keadaan gasing. Sekiranya rapat kita bermakna kita boleh tunggu empat saat lah bagi dia terbuka kan- jarang kan? tapi sekiranya empat saat itu kita tak boleh nak- *catch up* [kejar] kan yang rapat itu kata kan kita lebih maka akan terbatal lepas itu katakan pemangkah pertama lepas, pemangkah kedua lepas, pemangkah ketiga lepas dan keempat ini tekong lepas tapi tak ada uri [gasing tidak berpusing atau mati] dalam kawasan dan pihak pemusing gasingnya tidak ada yang hidup maknanya ya- yang memusing dalam kawasan dikira satu markah tapi dikenakan denda. Pihak pemusing tetap memusing, pihak pemangkah tetap memangkah- denda gadai. Gadai ini (bunyi tangan tokoh menggosok meja) di tengah- tengah kawasan gelanggang sekiranya satu, dua, tiga, empat pihak pemangkah ini lepas dan pihak tekong ini dapat uri bermakna dia dapat tebus- akan dapat mata terus lah dan sekiranya pihak pemangkah ini yang nombor empat- tekong ini tak dapat uri dalam kawasan tersebut akan bertukar dan sekiranya katakan lah pihak pemangkah satu, dua sangkut dia akan bertukar lah sebaliknya macam itu sahaja.

**SNA: Jadi apa peraturan yang seorang pemangkah perlu patuhi?**

MAS: Dia tak boleh melebihi-- kaki ya, tak boleh melebihi gasing yang di pangkah itu yang *first* [pertama] lepas itu berada di kawasan pemangkah sebelum memangkah-- itu bermakna dia tak boleh lepas.

**SNA: Apa akan jadi kalau gasing di pangkah itu keluar daripada gelanggang?**

MAS: Dia keluar jangan ke belakang-- dia ada garisan belakang. Pihak pemangkah ini bila memangkah gasing yang dipangkah ini jangan sampai ke belakang-- kalau ke belakang dia akan terbatal bermakna akan bertukar lah sekiranya memang gasing ini-- (bunyi tangan tokoh menyentuh meja) pihak pemangkah ini dia memang nak keluarkan daripada kawasan sembilan kali sembilan [keluasan gelanggang gasing 9X9] (bunyi tangan tokoh menyentuh meja) bermakna biar dia tak berpusing (bunyi tokoh tersentuh mikrofon di meja) tak ada fungsi dalam kawasan bila (bunyi tangan tokoh menyentuh meja) dah lepas itu terpulang bermakna dah tak kira-- dah keluar kan?-- dia akan macam itu.

**SNA: Bermaksud selepas pemangkah memangkah pemusing punya gasing--**

(Mencelah)

MAS: A'ah--

(Mencelah)

**SNA: Dan gasing tersebut keluar daripada gelanggang dan dapat satu mata?**

MAS: Ya. Bermakna kalau satu, dua, tiga, empat (mengira pemain) lulus makna lepas tak ada buat kesalahan tak ada buat kesilapan dia akan dapat satu mata. Tapi kalau nombor dua dah buat silap bermakna nombor tiga tak sempat pangkah- nombor empat tak sempat pangkah dia bertukar lah. Nanti kalau katakan macam itu- sebaliknya pihak pemusing ini gasing kawasan sembilan kali sembilan- okey dan pihak pemangkah pun ada-

dia tak kira pihak pemusing ada berapa yang berpusing dan pihak pemangkah ada berapa pun dia kena lawan- legai uri ataupun lawan uri. Sekiranya pihak pemusing menang dan pihak pemangkah ini kalah dia bertukar lah sebaliknya kalau pihak pemusing ini kalah dia akan dapat poin-- itu yang kadang permainan ini mengambil masa sehingga tiga jam setengah walaupun sepuluh poin. Sebab sejarah saya- main gasing untuk dapatkan sepuluh poin- tiga jam empat puluh minit.

**SNA: Bermaksud satu pertandingan itu masa yang berjalan tak boleh dijangkakan?**

MAS: Tentukan? tak boleh- (menggeleng kepala). Cuma sekarang pada hari ini kita buat kiraan macam badminton sebab kita nak tengok masa-- sebab setiap kali pihak ini pemusing ke pemangkah ke poin akan naik kan? Sebab kalau tak satu regu berlawan mengambil masa tiga jam- setengah-- paling cepat pun satu jam lah macam yang saya praktik kan sekarang buat poin macam mata badminton satu jam sahaja-- lewat pun satu jam lima belas minit bermakna kita dah jimat masa. Sekiranya pertandingan gasing ini katakan lah tiga puluh regu kita buat berapa kumpulan-- setiap kumpulan kena lawan antara regu-regu ini lepas itu (tokoh menggosok tangannya di permukaan meja) untuk masuk suku akhir pertama baru kita ambil (tokoh menggosok tangannya di permukaan meja)-- okey satu kumpulan kita ambil dua lah kata kan ada lapan kumpulan makna kita ambil enam belas untuk pusing kedua (tokoh menepuk lembut meja)- dia macam itu.

**SNA: Jadi tadi pakcik ada sebut mengenai pengadil. Dalam satu pertandingan itu selalunya ada berapa ramai pengadil?**

MAS: Dia pengadil untuk satu pertandingan- satu kawasan gelanggang itu- dia dua [dua orang pengadil untuk satu perlawanan] tapi dia-- sebelum itu kita akan bagi taklimat sebelum pertandingan- kita akan kenal pasti walaupun dia pemain dan juga pengadil-- kita akan bagi taklimat sebab pengadil ini banyak fungsinya sebab itu kita bagi dua. Pengadil sebelah kanan ibarat kan-- sebelah kanan pe-mangkah lah ya dengan yang sebelah kiri dia berbeza sebab ada pemangkah yang menggunakan tangan kiri jadi bila tangan kiri pengadil yang sebelah kanan pemangkah tak akan nampak-- tak akan dia nak duduk situ bahaya kan? Jadi pengadil yang sebelah kanan, kiri pemangkah ini pula yang akan ambil alih jadi pengadil ini tak ada pengadil satu, pengadil dua tidak. Mana yang nampak membuat kesalahan dia akan tiup [meniup wisel]- itu.

**SNA: Bermaksud pengadil itu sendiri sebenarnya adalah seorang pemain?**

MAS: Ya, dia- dah pemain dia- jugalah pengadil sebab itu pengadil ini tak semuanya untuk mengadili perlawanan tersebut *hundred percent* [seratus peratus] telus ada kadang sebahagiannya memihak, ada. Tapi kalau saya- nampak benda itu saya akan tiup [wisel] sebab kita pemain kita tahu-- sekiranya kita buat diam pihak pemain masa itu “eh, dia sokong sana” [pemain berkata] jadi kita sebagai pengadil makna kita tak-- apa tak fokus-- kita tak ada nak- apa nak jadi yang terbaik yang telus maknanya-- bermakna kita berat sebelah kan? buat apa?

**SNA: Jadi kalau macam permainan di kawasan Bukit Kapar, adakah pengadil itu dari pemain sendiri ataupun di ambil daripada tempat lain?**

MAS: Kita ambil- setiap regu kalau boleh memang kalau boleh setiap regu kita nak satu pengadil sebab bila kita satu tempat sahaja tak boleh-- bila kita masa itu bermain yang nak mengadili gelanggang lain siapa pula kan? Tak kan Bukit Kapar dengan Bukit Kapar pengadil pun nak Bukit Kapar? tak boleh. Sebaliknya juga katakan negeri Pahang dengan Pahang tak akan orang Pahang juga yang nak jadi pengadil? Nanti dia- kita tak nak *double standard* [standard sedia ada tidak terpakai untuk sesetengah golongan tertentu] maknanya ada pengadil yang menyebelahi pihak sebelah-- kita tak nak jadinya bila pengadil ini pengurusan-- maknanya kita akan susun- atur susun itu dah ada- okey pertandingan ini sekian lawan sekian- pengadilnya ialah siapa kita nak kena cari-- kita tak nak "ini kawan dia nanti karang [sekejap lagi] dia berat sebelah" [pemain berkata] -- kita tak nak. Biar lah terus ibarat kan- - dia macam itu kalau boleh-- memang kita akan susun.

**SNA: Jadi boleh pakcik ceritakan sedikit ataupun terangkan sedikit apa teknik yang perlu ada untuk seseorang itu untuk menjadi pemain gasing yang handal?**

MAS: Teknik bagi saya sama sahaja dengan permainan lain- setiap permainan nak kena ada jurulatih makna ada orang yang bercakap sebab kita bila kita main kita tak tahu kita buat silap tapi orang yang diluar yang nampak. Ha, sebagai macam- menonton bola "eh, kenapa dia tak nak *passing* [hantar bola] sana sedangkan sana kosong kan? Kenapa dia nak bagi orang yang sebelah dia sahaja? Sedangkan sebelah dia ada lawan dia lagi" [tokoh berkata] bermakna ada- orang yang bercakap ini ada baiknya bagi saya. Macam teknik itu, kita nak kena pelbagaikan cara bermain bukan sejenis sahaja, tidak. Sebab sesetengah orang kadang dia

satu jenis [cara permainan] sahaja dia tak boleh u-bah cara-- cara permainan itu tak boleh nak ubah kadang-kadang-- itu sebetulnya kita nak kena bagitahu, “cara macam ini kau ambil gasing tak betul sebetulnya. Kau kena cara yang lain” [tokoh berkata] macam itu.

**SNA: Apa cara- ataupun jenis yang pakcik terangkan tadi itu?**

MAS: Selalunya kita- gunakan dengan pantas [pemikiran yang pantas] bermakna kita kena ubah dalam fikiran kita ini- kita tak boleh nak se-ibarat kan jenis A lah-- kita tak boleh buat cara itu sahaja sebab pihak pemusing dia kalau boleh dia nak perangkap pihak pemangkah untuk dia susah nak ambil [gasing yang sedang berpusing di antara gasing lain]. Dia akan tahu- mungkin pusingan pertama atau pemangkah pertama kita dah boleh baca mana satu dalam empat orang ini-- pihak pemangkah kita nak perangkap-- mesti ada satu kelemahan- dia macam itu.

**SNA: Bermaksud itu untuk cara balingan?**

MAS: Cara pemusing-- pemangkah- pemasang-- kalau pemangkah ini balingan maknanya kita dah tahu dah-- okey orang ini akan macam mana perangkap dia. Kita nak cepat berfikir, kita nak cepat bertindak sebab itu orang luar ini maknanya macam jurulatih ini kena bercakap kalau tak dia akan sama sahaja cara dia- tak ada berubah- cara- dia bermain dia tak ada ubah.

**SNA: Jadi pada pendapat pakcik adakah permainan Gasing Pangkah ini hanya dimainkan oleh orang melayu sahaja?**

MAS: Tak juga, macam di Pahang itu saya tengok India pun ada main tapi sana dia banyak gasing Malaysia lah sebab budak-budak sekolah kan? India, cina ada yang main.

**SNA: Bagaimana dengan Kampung Bukit Kapar adakah ada kaum lain yang turut bermain?**

MAS: Setahu saya Bukit Kapar ini tak adalah kalau dekat Selangor pun saya rasa tak ada kalau bangsa lain yang main kecuali- memang budak-budak melayu kita sahaja lah.

**SNA: Jadi adakah permainan gasing ini dikuasai oleh- golongan lelaki?**

MAS: Tak juga, macam di Pahang itu ada dua regu perempuan-- anak kawan saya yang main memang dia dua regu dulu lepas itu sekarang dah ada yang dah kahwin regu itu berpecah, dah habis dah. Tak ada pula pelapisnya kan? Macam sekarang saya tengok gasing Malaysia-kokurikulum maknanya dia ada bermain gasing-- di sini sekolah menengah pun ada kalau hari Khamis diaorang berlatih lah kan? bermakna budak lelaki budak perempuan-- memang ada satu cikgu-Sharif sebetulnya nama dia yang mengajarkan [permainan gasing] sebab dulu pun ada tapi lepas itu terhenti.

**SNA: Jadi di Bukit Kapar ini ada atau tidak pemain dari golongan wanita?**

MAS: Ada budak-budak sekolah lah. Cuma gasing tradisional je yang tak ada.

**SNA: Jadi, mereka ini dihantar untuk berlawan?**

MAS: Diaorang akan berlawan antara sekolah ke- daerah ke gasing Malaysia lah- atas nama gasing Malaysia bukan gasing tradisional sebab gasing tradisional jarang orang yang main kalau nak kira permainan lebih kurang sahaja.

**SNA: Jadi tadi pakcik ada cakap yang sekolah ada membuat kokurikulum mengenai Gasing Pangkah- permainan gasing. Jadi apa cara- ataupun sambutan masyarakat yang boleh pakcik lihat mengenai Gasing Pangkah ini?**

MAS: Bagi saya banyak kebaikan sekurang-kurangnya untuk mengisi masa lapang walaupun budak-budak sekolah ataupun kita sendiri lah ramaja-ramaja ini dia tak ada membuang masa bagi saya- tak adalah gejala nak melepak merempit itu ini kan? Sekurang-kurangnya dia ada aktiviti. Jadi bila budak-budak ini di gelanggang jadi kadang mak bapa dia kitorang [kami] kenal kan? Kadang bila jumpa "eh, betul ke anak saya dekat situ" [tanya ibu bapa remaja]"eh, ya memang" [pemain gasing berkata] "sampai pukul dua belas malam ke?" [tanya ibu bapa remaja]"ya" [pemain gasing berkata]. Jadi dia percaya anak dia kemana sebab kita ini sebagai ya lah orang tua kita mengawasi kan? Tahu ke mana perginya budak-budak ini senang lah kita nak- apa nak awasi.

**SNA: Bermaksud ibu bapa itu sendiri memberi galakan untuk anak-anak mengikuti permainan Gasing Pangkah?**

MAS: Ya, betul.

**SNA: Jadi boleh pakcik terangkan sedikit apa keunikan yang yang pakcik lihat pada Gasing Pangkah.**

MAS: Keunikan dia banyak bagi saya sebab tak semua orang boleh main. Ada kawan saya yang terbaru ini-- dia asal Gedangsa [Selangor] tapi duduk di sini dia mula-mula dia tengok kalau kami berlatih dia datang dia tengok sahaja, pertama. Bila masuk yang minggu kedua ke dia datang juga dia tengok- lepas itu bersembang- bila bersembang itu lah kita ajak dia makna kita mempelawa dia "eh, kalau berminat jom lah kita *join* [ikut serta]?" [tokoh berkata]. Jadi--

(Mencelah)

**SNA: Bermaksud--**

MAS: Dari-pada situ sebetulnya akan kita tarik sorang-sorang meminati.

**SNA: Bermaksud daripada cara permainan itu sendiri yang menjadikan Gasing Pangkah itu unik dan--**

Mencelah)

MAS: Ya- sebab--

**SNA: Dan menarik lebih ramai orang?**

MAS: Tak semua orang saya cakap tadi- tak semua orang boleh membela gasing sendiri kan? Keunikan itu sebetulnya.

**NAZ: Berapakah banyak persatuan yang ditubuhkan di Malaysia -- Persatuan Gasing Pangkah yang ditubuhkan di Malaysia?**

MAS: Yang itu saya kurang pasti sebab yang- diiktiraf oleh kerajaan Malaysia buat masa ini hanya gasing kebangsaan-- makna Gasing Pangkah Malaysia-- Gasing Malaysia lah yang lain saya rasa tak ada. Tapi kenapa dia tak nak ambil-- Ibarat kan di Kelantan. Gasing Uri, sedangkan sana setiap tahun disana ada pertanding kan?-- masalahnya katakan, okey- tahun melawat Kelantan-- keluarkan orang-orang ini-- Wau, gasing-- jemput mana-mana yang ada minat kan? ataupun persatuan-- dekat sana berkampung. Bermakna orang luar ni bila pelancong ada dia tengok “eh dekat Malaysia ini-- ada lah di buat macam ini" [pelancong berkata] kan satu kelebihan bagi saya dan satu pendapatan negara-- makna pelancongan akan datang. Sebab dia tahu pada masa bulan sekian ada di sini kan? Sepatutnya itu bagi saya. Tapi itu lah saya cakap.

**NAZ: Hmm,boleh pakcik ceritakan sedikit-- sejarah penubuhan Persatuan Gasing Pangkah di Kampung Bukit Kapar?**

MAS: Penubuhan itu-- bagi saya ini sebab dah dari dulu cuma kita menyambung-- dulu makna penaungnya Tuan Haji Said ataupun dengan YB dulu. Ha, penasihat dia pakcik saya arwah Encik Baharun-- pengerusi Arwah Tuan Haji Mustakim-- dua-dua dah meninggal lah. Yang *last* [terakhir] ini makna Tuan Haji Mustakim dah meninggal lah dan kami belum ada pengerusi yang baru-- makna selepas Covid ini, insyaAllah (tokoh mengetuk meja dengan tangannya) kami akan membuat satu persatuan yang berdaftar dengan SSM [Suruhanjaya Syarikat Malaysia] lah untuk memudahkan persatuan kami. Kami dah bincang dah dengan ahli-ahli dengan YB sendiri pun memberikan galakan untuk menubuhkan persatuan ini-- sebab bila kita ada persatuan senang untuk kita dapatkan dana.

**NAZ: Dalam persatuan ini berapa ramai ahli?**

(Mencelah)

MAS: Di bukit--

(Mencelah)

**NAZ: Sekarang?**

MAS: Di Bukit Kapar saja saya rasa tidak kurang sekarang ini lah lapan puluh orang sebab pada yang lepas kami pergi ke Kampung Lompat-- tiga belas regu kali lima dah berapa kan? Sebab bukan semuanya pemain itu adalah ahli-- kadang penonton juga ingin menjadi ahli-- sebab itu saya

rasa nak dekat 100 lebih [ahli] juga.

**NAZ: Berapakah peringkat umur yang- menyertai Persatuan Gasing Pangkah ini?**

MAS: Peringkat umur ini dia berperingkat peringkat sebetulnya. Macam peringkat saya, yang enam puluh [tahun], yang lima puluh [tahun], yang empat puluh [tahun], yang tiga puluh [tahun]-- dan yang kecil-kecil ini pun yang kanak-kanak pun ada sebetulnya. Yang paling muda umur sembilan tahun-- anak rakan saya lah memang dia berminat bila bapa dia main, dia [anak kawan tokoh] akan ikut-- dia [anak kawan tokoh] tak akan tinggal-- ada cerita apa- kartun ke- ibarat kan memang dia minat dia akan tinggal. Dia mesti ikut bapa dia pergi ke gelanggang.

**SNA: Jadi setiap peringkat umur itu akan**

(Mencelah)

MAS: Ada--

(Mencelah)

**SNA: Bermain?**

MAS: A'ah, ada. Bermakna sebab kita-- kami gelanggang ada tiga, jadi tiga- itu boleh kita gunakan.

**SNA: Dan permainan ini dimainkan mengikut peringkat ataupun kategori umur ataupun terbuka?**

MAS: Tak, kadang- kita campur adukkan sebab-- ibarat kan peringkat yang muda ini pengalaman kurang kan? Jadi kita selit kan untuk sebagai *leader* [ketua] tau. Walaupun kita latihan, kita selit kan. Bagi *leader* -- "kau kena bagi tahu macam mana- cara-cara macam ini" [ketua pasukan berkata]. Kalau tak ada yang macam itu makna kalau kita setakat duduk di luar cakap-- kadang yang di dalam ini tak dengar kan? Tapi bila ada yang bermain sekali dia akan patuh-- jadi lebih cepat dan lebih mudah sebetulnya bagi saya.

**NAZ: Jadi apakah peranan pakcik dalam Persatuan Gasing Pangkah?**

MAS: Buat masa ini saya cuma penyelaras dan memangku sebagai penolong pengerusi lah, sementara. Makna yang lepas-lepas ada kejohanan memang saya yang *handle* [urus] lah makna sebagai penyelaras kan?

**SNA: Bermaksud pakcik sebagai penyelaras itu pakcik akan menyediakan dana untuk pasukan atau bagaimana?**

MAS: Dia [tokoh] tengok pada- keadaan-- kadang bila saya nak pergi ke luar, saya akan bagitahu pada YB ataupun ketua Kampung-- saya akan keluar pada sekian hari bulan sekian hari bulan. Nanti YB akan bagitahu lah, akan bagi *flashback* [mengimbas kembali] (sic, *feedback*) [maklum balas] pada saya-- okey katakan dia nak bagi peruntukkan, kewangan untuk makan pada budak-budak ini jadi itu sahaja-- dan ada juga YB itu bagi peruntukkan untuk jersi-- adalah maknanya. Saya tak- adalah cakap dia tak bagi-- dia sebetulnya banyak yang menolong untuk

menghidupkan kembali-- sebab sebelum ini pernah, terhenti [aktiviti persatuan] sebelum YB yang baru ini-- terhenti lebih kurang berapa tahun eh? Tak ada yang main-- cuma saya main tiap tiap tahun. Tapi saya keluar-- saya dengan regu saya tapi bila YB ambil alih. Kawasan kami kena tukar ke Dun sementa-- saya bagi tahu dekat YB. YB pun setuju-- saya hidupkan balik [aktifkan semula aktiviti persatuan].

**NAZ: Siapakah pelatih yang akan melatih--**

(Mencelah)

SNA: Pemain--

(Mencelah)

**NAZ: Pemain regu dalam persatuan.**

MAS: Pelatih ini kalau nak kira dia tak- kita tak tentukan siapa. Makna orang yang lebih senior makna dia lebih berpengalaman dia lebih tahu cara, selok belok nak main gasing yang macam mana-- cara nak ambil [gunakan jenis gasing] yang macam mana-- makna orang yang senior yang akan bagitahu. Tak- lah semestinya saya sebab rakan saya pun ada yang senior kan? sebaya saya juga. Jadi dia- pun boleh makna-- sebab itu saya diluar, ibarat kan regu kami antaranya sedang bermain salah seorang akan duduk tepi akan bercakap. Kita akan awasi. "Itu tak betul jangan buat macam itu" [tokoh berkata] kan? Kalau tak, nanti dia akan hilang fokus betulnya, dia akan alpa dengan lupa-- dia akan dengan cara dia.

**SNA: Jadi bermaksud pakcik pernah menjadi jurulatih kepada pasukan?**

MAS: Ya

**SNA: Pada tahun bila bermula menjadi pelatih?**

MAS: Saya melatih sebetulnya untuk regu saya- yang ada sekarang ini-- regu saya ini saya didik lebih kurang dah tujuh lapan tahun saya rasa-- lebih kot [rasanya]? Sebab yang *last* masa itu Boy [nama pemain] saya panggil dia lah-- dia sekolah lagi di ITM [Institut Teknologi Mara] -- masa itu dia umur sembilan belas tahun-- sekarang dah kahwin dah- ada anak pun-- tapi masih tetap dengan regu saya. Dan orang-orang ini sampai sekarang setia maknanya-- yang saya latih ini-- dia tahu cara macam mana. Sebab itu saya main-- saya selalu bagitahu semua orang akan buat silap-- tak kira [kesah]-- tapi kita kena betul kan lah diri sendiri-- bukan marah saya cakap. Sebab bila kita *pressure* [tekanan] dia akan hilang fokus-- hilang cara permainan itu dah tak betul maknanya-- semua orang buat silap-- gasing ini kadang kita tak jangka-- benda ini ibarat kan kita kena patut ambil A tapi tak sepatutnya A kita kena ambil B-- macam itu. Dia sebab dia akan bertukar tau sebab- gasing ini bergerak kan-- tak ada berhenti macam itu, mati-- jadi kita kena fokus maknanya. Jadi budak budak ini boleh terima apa yang saya cakap ini-- kadang setengah, lain orang sebagai ketua pasukan dalam kawasan pasukan dia- akan bising. Saya tak ada-- saya akan cakap "sebelum main sahaja semua orang buat silap. Okey, kita betul kan sendiri" [tokoh berkata] jadi dia faham.

**SNA: Jadi boleh saya tahu nama jurulatih lain itu?**

MAS: Dia macam ramai lah macam Shaharom, kawan saya. Zali, Zulkarnain

adalah empat, lima orang itu-- yang memang bila bermain salah seorang itu mesti kena ada. Katakan saya tak main, saya akan jaga satu regu ini yang masa main-- katakan yang lain tengah mainkan kan? Kena ada macam itu. Jadi dia boleh fokus.

**SNA: Jadi jurulatih yang melatih ahli pasukan persatuan ini adalah pemain juga?**

(Mencelah)

MAS: pemain juga sebetulnya.

(Mencelah)

**SNA: Yang akan dihantar?**

MAS: Pemain senior yang lebih lama main. Sebab dia yang lebih-- kita yang lebih tahu sebetulnya cara main macam mana. Sebab main gasing ini kita tak boleh ibaratkan strategi itu A, A yang kita ikut-- tak boleh.

**SNA: Jadi tadi kita ada berbincang mengenai pengadil.**

(Mencelah)

MAS: A'ah

**SNA: Jadi siapakah pengadil yang dalam pasukan itu?**

MAS: Dia pengadil itu tak semua orang boleh buat-- kita nak cari yang telus.

yang tak ada menyebelah mana-mana pihak. Sebab kita pemain dan kita pengadil kita tahu bila kita mengadili sesuatu perlawanan itu tak telus pemain akan kata tak depan kita tapi di belakang-- kita tak nak macam itu. Jadi kita tahu sapa-sapa yang boleh mengadili-- macam itu. Maknanya kita nak tahu sebab pemain ini ada yang kiri [menggunakan tangan kiri] ada yang kanan [menggunakan tangan kanan] sebab itu dua-dua ni [kedua pengadil] nak kena-- bak kata orang itu kena sepakat.

**SNA: Jadi boleh pakcik berikan nama pengadil yang selalu menjadi pengadil ini?**

MAS: Macam di sini selalunya saya lah memang dia akan panggil saya lah sebagai pengadil-- macam Zurkanain, Shaharom, si Zul, lagi si Razali. Ramai lagi lah bermakna kalau dekat sini-- setakat lima belas orang ada budak-budak yang lama ini. Tapi kebanyakan sekarang ini banyak yang tak main, pengadilnya. Ada juga kadang yang dari Pahang itu dia tak main tapi dia mengadili semua pertandingan dia tak kira sebelah mana. Dia tak main-- memang- dia jadi pengadil (tokoh mengetuk meja dengan tangannya) -- ada.

**SNA: Jadi boleh saya tahu pada tahun bila pakcik mula menjadi pengadil untuk perlawanan?**

MAS: Kalau tak silap saya dah dekat dua puluh tahun lebih juga sebab bila saya-- dulu bila saya main di Bukit Resak kalau nak kira saya yang muda jadi pengadil-- paling muda masa itu. Yang lain dah tua-tua dah-- saya masa itu dalam tiga puluh [tahun] tiga puluh lebih sikit masa itu saya dah jadi pengadil. Sebab saya-- bagi saya satu bila saya nampak saya akan tiup-- saya tegas. Benda ini batal, saya cakap batal. Kadang setengah pengadil, pengadil kedua orang cakap-- bagi saya tak ada pengadil kedua. Pengadil sebelah kiri pemangkah ini, dia nampak pun

dia diam-- sedangkan dia adalah seorang pemain-- dan adai kata terkena pada diri dia yang sedang bermain-- apa perasaan dia? Mesti akan berkata kan? "Eh pengadil sana diam sahaja? Tak cakap, tak tiup pun wisel?" [pemain berkata] -- kan? Kita tak nak macam itu.

**SNA: Jadi apa sikap yang perlu ada pada seorang pengadil selain daripada perlu menjadi telus semasa perlawanan-- semasa mengadili?**

MAS: Dia kena telus satu-- pertama. Kedua, dia kena berbincang dengan rakan pengadil bila ada suatu masalah-- kita kena selesaikan. Kalau tak boleh juga, baru kita pergi ke urus setia-- itu.

**SNA: Jadi-- macam pakcik sendiri, pakcik menjadi pengadil untuk permainan di Kampung Bukit Kapar sahaja atau pun di negeri lain?**

MAS: Saya kalau keluar, memang dimestikan untuk menjadi pengadil-- memang dimestikan-- dia tahu. Tak kira dekat mana dekat Pahang kalau dekat tempat kampung mana sekali pun-- mesti akan panggil saya. Dia tahu-- sebab saya tak kira sebab saya kawan- saya cakap-- tapi buat kesalahan tetap [dianggap salah] saya cakap. Sebab kadang dalam masa kita minum ke apa, kita akan berbincang sebetulnya dengan pengadil-pengadil, pemain-pemain-- ada yang boleh terima hakikat ada yang tak. Tak semuanya sependapat dengan kita-- apa-apa persatuan pun-- macam itu juga.

**NAZ: Sebagai seorang pelatih-- pakcik juga melatih regu pasukan pakcik-- di manakah latihan sering dilakukan?**

MAS: Buat masa sekarang kita berlatih ini di gelanggang yang sedia ada lah-- bermakna setiap hari minggu. Kadang dulu, malam minggu, kadang malam sabtu-- tergantung pada pemain. Kalau pemain katakan cukup korum-- dia akan cakap "eh, okey malam ini kita turun" [tokoh berkata] ibaratkan-- bila kira okey cukup-- turun lah [pergi berlatih atau bermain gasing].

**SNA: Jadi bagaimana dengan keadaan semasa-**

(Mencelah)

MAS: *Covid*?

**SNA: Ha, *Covid-19.***

MAS: Sekarang ini bila *covid* ini kita banyak-- *rest* [rehat] lah ibaratkan-- seminggu mungkin cuma sekali lah [pergi bermain gasing]-- hari minggu dengan-- kadang sambung malam Isnin. Macam dulu sebelum *Covid*, boleh katakan tiap-tiap petang-- ada je yang nak main-- kadang sampai tak cukup tempat yang nak mainnya terlampau ramai.

**NAZ: Dimana lokasi gelanggang tersebut?**

MAS: Lokasi di Jalan kopi [Klang, Bukit Kapar] berhadapan dengan majlis-- Masjid At-Taqwa Bukit Kapar-- bersebelahan dengan Dewan

Seberguna dan juga padang bola.

**SNA: Tadi pakcik ada terangkan saiz gelanggang itu sembilan kali sembilan. Jadi di gelanggang itu sendiri, terdapat berapa banyak gelanggang untuk digunakan satu kali?**

MAS: Satu kawasan itu ada dua-- kita buat dua- gelanggang. Makna kalau sebelah katakan lah sebelah barat rosak lah ibarat kan, sebelah timur kita akan gunakan balik. Bila dah dua-dua rosak, kita akan *stop* [berhenti] sekejap dan kita akan *repair-* (tokoh menggosok tangannya di meja). Maknanya kita akan *compact* [mampat] balik, kita akan tambah tanah macam itu-- setiap gelanggang ada dua.

**SNA: Jadi apa jenis tanah atau pun lantai yang sesuai untuk bermain Gasing Pangkah?**

MAS: Tanah ini kalau yang sebaiknya adalah yang teratas makna tanah *topsoil* [tanah yang lembut dan paling atas kedudukannya antara tanah lain]. Kalau boleh yang tak ada batu langsung lah-- dia ada pasir halus. Kalau tak, memang- tak boleh lah sebab bila berbatu gasing akan rosak-- bermakna di bahagian bawah, di bahagian paku itu, tempat paksi dia rosak.

**SNA: Jadi bermaksud untuk setiap permainan di Kawasan Bukit Kapar ataupun dia kawasan lain. Gelanggang yang digunakan adalah jenis tanahnya masih sama?**

MAS: Dia lebih kurang macam itu-- kalau di Pahang, dia tanah *topsoil* dia lain

tak macam di Bukit Kapar lah kan-- tapi lebih kurang hampir sama. Banyak mana-mana gelanggang saya tengok sebab memang kalau boleh kita nak cari tanah yang atas sekali makna yang *topsoil* itu kan halus kan? macam itu-- dia tak nak yang ada batu, berbatu.

**SNA: Jadi apa usaha persatuan ini untuk menyelenggara kawasan gelanggang itu? seperti yang saya tahu Gasing Pangkah ini bila kita- pangkah atau pusing kan dia akan ada--**

(Mencelah)

MAS: Rosak? --

(Mencelah)

**SNA: A'ah--**

MAS: Dia selalunya kita ini kat [di] sini gotong-royong [semua pemain bekerjasama membaik pulih gelanggang yang rosak]. Kalau katakan-- okey harini petang nak main atau pun malam nak main sebelum nak main itu diorang sampai awal-- dia akan *compact* dulu makna dia akan mampatkan tanah itu dulu-- makna gotong royong lah.

**SNA: Apa cara ataupun usaha untuk membuat tanah itu menjadi rata?**

MAS: Pertama kita *compact* okey dengan ada alat dia-- *compact.* Lepas itu, cara dia pun berbeza sebetulnya tengok-- bergantung pada tanah. Kalau tanah itu basah, ada setempat itu kadang dia bakar-- dia gunakan minyak

petrol ini kan dia siram lepas itu dia bakar. Kalau jenis yang dah kering makna kita kena bagi garam dengan minyak- masak itu-- tak kiralah minyak hitam kotor, ataupun minyak masak boleh. Sebetulnya garam ini untuk mengeringkan tanah tersebut dan minyak ini untuk biar dia mampat tanah itu-- jadi cepat maknanya-- keras. Walaupun lembut tapi keras-- kita nak buat macam itu. Kalau berpasir tak boleh sebab gasing itu tak boleh berdiri kan? sebab dia lembut.

**SNA: Boleh pakcik ceritakan sedikit proses pembuatan gasing daripada mula sehingga akhir?**

MAS: Gasing ini- bermakna kita kena cari kayu lah dulu yang terbaik kalau boleh kita dapat bermakna di hutan kita potong itu kita bawa balik selalunya. Kita akan belah- [membelah kayu] lima kali lima inci lepas itu kita bulatkan baru kita masuk mesin-- baru kita larik sebab orang dulu-dulu tak ada mesin larik- dia mesin lariknya pakai kaki manual. Sekarang saja kita pakai motor [mesin yang mempunyai motor] kan?

**SNA: Jadi antara proses tersebut yang mana yang paling lama untuk- yang pakcik ambil untuk buat gasing?**

MAS: Kalau nak kira kita yang- lama ini memang cari kayu lah. Sebab kita daripada hutan itu kita nak kena cari kayu yang betul-betul baik lah maknanya yang boleh kita boleh- buat gasing lah itu sebab kadang kita kadang jumpa kayu tapi tak semuanya boleh buat gasing kan? Kalau setakat kita nak melarik itu tak lama mana sebab kalau nak kira kita cari kayu kadang sebenar kita dari pagi sampai petang baru balik- dapatnya [dapat gasing yang dicari dari hutan] tak tentu.

**SNA: Jadi apa perbezaan cara pembuatan dahulu dengan sekarang?**

MAS: Jauh sangat dik- bezanya dik. Dulu sebab manual kan? Pakai kaki- dia henjut saya rasa saya-- dekat FB [*Facebook*] pun ada diorang gunakan cara lama sebab dia manual pakai kaki kalau dulu saya rasa lebih-lebih dua tiga biji sahaja-- satu hari kan? Kalau sekarang, sepuluh biji pun lebih sebab kita gunakan motor-- cepat. Banyak beza.

**SNA: Jadi pengusaha di Bukit Kapar yang membuat gasing ini kesemuanya telah berubah kepada mesin ataupun masih tradisional?**

MAS: Semua dah pakai mesin dah- dulu adalah seorang itu dia pakai- dia suka yang manual sebab dia buat sendiri-- orang lain dia tak nak ambil. Dia cari kayu sama dengan kita tapi bila dah dapat kayu dia akan buat sendiri-- dia dengan cara dia *slow* [perlahan] orang cakap "alah, saja-saja buat dekat rumah pada buang masa" [masyarakat berkata] dia cakap daripada tak buat apa.

**SNA: Jadi boleh pakcik terangkan- berapa tempoh yang diambil untuk menyiapkan sebiji gasing ini?**

MAS: Kalau dah kita bulatkan maknanya untuk kita melarik siap dengan kita pasang paksi itu taji dia bawah itu lebih kurang satu jam sahaja. Paling lama pun kalau kayu itu keras, dalam satu jam setengah.

(Mencelah)

**SNA: Satu jam setengah? --**

(Mencelah)

MAS: Ha, ya.

**SNA: Jadi untuk dalam masa sebulan berapa banyak gasing yang pakcik pernah hasilkan?**

MAS: Tengok tergantung kepada permintaan- tengoklah kalau orang itu memang ramai main kebetulan banyak pula yang rosak banyaklah yang kadang minta kan [banyak permintaan gasing]?

**SNA: Jadi berapa kos yang dibelanjakan untuk menyiapkan sebiji gasing?**

MAS: Dia tergantung kepada kayu sebetulnya selalunya dalam tujuh puluh ringgit [RM 70], lapan puluh ringgit [RM 80] kan? Macam itu lah. Tapi kalau kayu itu memang cantik kadang melebihi 100 [RM] dan saya pernah buat gasing banyak sebetulnya atas permintaan syarikat lah.

**SNA: Jadi apa kos lain yang mungkin terlibat semasa membuat gasing ini?**

MAS: Saya rasa kos itu tak banyak mana pun cuma gunakan tenaga dengan kepakaran sebab sebelum itu bermakna kalau kita dah buat-- dapat kayu itu bawa balik dah belah-belah kos itu tak- seberapa.

**SNA: Jadi apa jenis peralatan yang pakcik gunakan untuk membuat gasing**

MAS: Peralatan itu pertama kita ada itu lah mesin larik dia, ada pahat dia-- pahat pun kita nak kena cari mata yang betul-betul baik yang tajam lah sebab tak semua kayu ini kita boleh bentuk dengan senang. Ada yang keras itu memang kena cari pahat mata yang terbaiklah-- macam gergaji lepas itu gerudi untuk (tokoh menepuk meja dengan perlahan) apa lagi itu-- apa mesin untuk menggilapkan apa semua-- benda itu semua nak ada.

**SNA: Apa fungsi gergaji dalam proses pembuatan ini?**

MAS: Kita nak memotong maknanya-- pertama. Potong-- berapa inci kita nak potong untuk- lima kali lima [5 inci x 5 inci] ibaratkan- bermakna kita nak ada gergaji- chainsaw.

**SNA: Apa pula fungsi gerudi dalam proses pembuatan ini?**

MAS: Gerudi itu kita lubangkan buat paksi.

**SNA: Untuk kita masukkan paku?**

MAS: A'ah, kalau tak ada gerudi-- kalau kita pakai yang pakai tangan tak-*center* [terletak elok di tengah] dia akan senget sebab kita ya lah kita dengan mata kita kalau gerudi itu kan boleh tepat kan? kalau kita dah timbang semua keadaan tempat dia- bermakna tepat.

**SNA: Jadi boleh saya tahu daripada mana peralatan ini pakcik dapatkan?**

MAS: Peralatan ini saya usaha diri saya sendiri daripada pendapatan lain-lain kan? Saya beli sikit- sehingga lah ada yang ada sekarang ini lah. Bermakna saya kumpulkan bukan dapat dana daripada mana-mana- tak ada.

**SNA: Jadi per-alatan ini pakcik dapatkan daripada pembekal ataupun ada kawan pakcik yang--**

(Mencelah)

MAS: Kita beli daripada *machinery* [pengilang atau pembuat mesin] mana-mana yang kita tahu lah maknanya tak semestinya pembekal itu semua ada bermakna kita kena beli kadang sana sikit yang sini ada yang sana tak ada. Jadi, kita kena carilah kena usaha sebetulnya.

**SNA: Jadi antara peralatan tersebut yang manakah yang paling banyak kos yang pakcik belanjakan untuk membelinya?**

MAS: Untuk mesin larik lah--

(Mencelah)

**SNA: Mesin larik? --**

MAS: A'ah, sebab saya rasa lebih kurang dekat 2000 [RM] selain daripada mesin *chainsaw* memang lah 2000 lebih [RM] kan? Cuma itu sahaja, yang lain tak sampai pun satu alat itu dalam-- ada yang 500 [RM] ada yang 300 [RM] macam itu.

**SNA: Jadi berapa jumlah keseluruhan yang-- kos yang pakcik belanjakan untuk membeli setiap peralatan itu?**

MAS: Semua sekarang saya rasa lebih 4000 [RM] lah selain daripada *chainsaw* lah sebab chainsaw memang mahal kan? Sebab saya buat-- upah buat mesin larik sahaja 500 [RM]-- upah belum peralatan maknanya belum dari segi material yang lain lah kan? Sebab buat benda ini bagi saya mesin ini dia nak betul-betul *center* kalau senget bermakna gasing kita akan tak jadi cantik pusingannya

**SNA: Jadi tadi pakcik ada terangkan yang pakcik beli semua peralatan ini menggunakan duit sendiri**

(Mencelah)

MAS: Ya--

**SNA: Ada atau tidak, wakil rakyat atau masyarakat se-tempat yang memberi dana untuk pembuatan ini?**

MAS: Buat masa ini belum. Tapi wakil rakyat ada berjanji lah sekiranya kita ada yang ada sekarang ini [peralatan] bermakna kita boleh memohon untuk yang kedua bermakna yang sama-- benda [peralatan atau mesin] yang sama untuk kita tambahkan.

**SNA: Jadi, tadi pakcik ada beritahu yang pakcik dapatkan sumber kayu ini menggunakan pertolongan anak pakcik--**

(Mencelah)

MAS: Ya--

**SNA: Jadi dari- kawasan mana selalunya kawasan dapatkan kayu-kayu ini?**

MAS: Kalau disini cuma di Bukit Cerakah sahaja lah di Puncak Alam sahaja lah yang ada sekarang yang tinggal sebab yang lain-lain saya rasa dah tak ada dah sebab kita cari kayu ini yang dah ditebang yang mati pun bukan kita tebang pokok yang hidup tapi itulah kadang pihak macam Perhutanan [Jabatan Perhutanan dan Perhilitan] dia ada juga-- masa pakcik cari itu dia tahan- dia tanya-- dia cakap salah. Pakcik cakap "salah macam mana? Saya tak curi" saya cakap "saya potong di kebun orang bukan saya potong di hutan simpan" [tokoh berkata] saya tanya sama- dengan pegawai itu kan lepas itu dia jawab tak boleh "sebab apa tak boleh? tolong bagitahu saya?" [tokoh berkata] saya cakap-- ini juga menyusahkan sebetulnya bagi saya sebab kalau- saya ada kebun ibaratkan ada batang pokok itu ada orang yang nak ambil bersihkan kan

lagi bagus? Kenapa nak salah, saya nak tanya, kan? Tapi pegawai itu tak boleh jawab-- pernah saya kena tahan.

**SNA: Jadi sumber kayu yang pakcik gunakan ini hanya diperolehi di Bukit Cerakah sahaja?**

MAS: A'ah sekarang hutan yang ada yang terdekat hanya di Puncak Alam bermakna di Bukit Cerakah lah. Selain daripada kadang kalau saya pergi ke Pahang itu kawan-kawan ada lebih kayu dia bagi lah.

**SNA: Jadi untuk memainkan Gasing Pangkah ini kita memerlukan tali betul?**

MAS: Ya, tali.

**SNA: Jadi apa jenis tali yang pakcik gunakan untuk bermain Gasing Pangkah?**

MAS: Tali ini dulu diorang mula-mula pakai tali kambing diorang panggil. Tali itu cuma ibaratkan sejenis-- tapi bila macam itu saya berfikir macam mana kalau kita buat tali yang berlainan yang hadapan dia kecil belakang dia besar. Jadi saya buat-- macam mana dengan- kawan saya itu saya cuba buat-- mula-mula saya buat manual kita gunakan tali benang layang-layang ada yang kecil, ada yang besar, ada yang sedang jadinya benda itu tiga jenis kan? Kita kena sambung- macam mana kita buat mula-mula-- yang jadi itu jadi tapi tak berapa molek lah tak- cantik lah kan? Lepas itu saya fikir-fikir kenapa kita tak boleh gunakan motor untuk kita memusingkan ini-- jadi saya berfikir-fikir dengan kawan- cuba kita cuba. Cubaan mula-mula pun tak berapa cantik sangat lah sebab ada kekurangan bila saya fikir bila kita tambah ini- sehingga kini. Dulu saya yang buat lepas itu bila saya buat lepas itu saya nak buat

gasing lagi jadi masa tak ada jadi kawan saya ini saya cakap "lebih baik kamu buat tali sahaja" [tokoh berkata] dia pun hendak kan-- daripada ya lah kerja- bermakna dapat duit sampingan kan.

**SNA: Boleh saya tahu nama pembekal tali?**

MAS: Nama dia Yusri binti-- bin Hailan. Memang dia- sekarang di duduk di- Perepat diorangsini tapi bila dia kahwin dapat orang sana dia duduk sana tapi bila ada orang nak *order* [pesanan] tali bermakna dia akan buat di rumah dia lah sebab kita dah gunakan motor semua bermakna "tak apa lah, kau bawa lah balik sana, kau buat" [tokoh berkata] maknanya senang-- perhubungan itu tak jauh mana kan?

**SNA: Jadi boleh saya tahu- berapa saiz ga- tali ataupun berapa panjang tali itu?**

MAS: Kalau yang saya punya lima belas kaki memang saya punya tali yang terpanjang. Yang lain mungkin dalam tiga belas- kaki lah sebab tali dia bahagian depan itu kecik halus hingga ke belakang dia akan besar tapi saya punya memang lima belas kaki.

**SNA: Kenapa saiz ataupun panjang tali ini berbeza-beza mengikut pemainnya?**

MAS: Sebetulnya bagi saya sebab saya kalau pusingkan ini tali yang ada itu melilit hingga ke badan gasing bermakna *full* [seluruh badan gasing dililit tali] setengah orang tak-- cuma di bahagian atas bermakna *body* [bahagian badan gasing] tak ada- tali kan? Kalau saya tak boleh sebab dari dulu memang saya gunakan tali panjang kalau saya gunakan tali pendek dia punya pusingan tak ligat satu hal lepas itu dia tak boleh tegak

itu kadang kelebihan dan kekurangan itu ada bagi saya.

**NAZ: Seperti yang pakcik pernah cakap tadi pakcik pernah mendapat tempahan gasing dengan kuantiti yang banyak. Boleh saya tahu siapa yang ingin menempah dan sebabnya?**

MAS: Yang tempah ini syarikatnya saya lupa-- tapi dia beralamat di Damansara [Kuala Lumpur]. Kebetulan masa itu memang saya tengah buat gasing lepas itu saya *up* [memuat naik] gasing itu di FB [FaceBook]. Dan Pihak tersebut telah menelefon saya sebab saya sertakan nombor telefon kan? Di cakap "boleh saya tahu encik ini buat gasing-- macam ini?" [peneraju perumahan berkata] sebab mungkin sebelum itu dia dah tanya di Central Market [Kuala Lumpur, Malaysia] tapi mungkin di sana terlampau mahal lah kan? Jadi saya *discuss* [berbincang] dengan dia-- masa itu saya datang ke pejabat dia. Bila sampai sana dia tanya semua-- saya bawa contoh gasing dia lah. Saya cakap "berapa kos yang dia boleh bagi?" jadi saya pun bagitahu lah dengan harga macam ini, keadaan tali yang macam ini kan? Okey dia pun setuju. Lepas itu, dia tempah sebanyak 500 biji- dalam masa sebulan [masa diberikan untuk menyiapkan kesemua gasing]. Dalam masa sebulan itu lah bermakna saya ini kena cari kayu tapi dia semestinya untuk kayu gasing dia cantik janji-- sebab dia nak bagi pada *souvenir* [cenderahati] untuk pembeli rumah. Dia ini syarikat *developer* [pemaju] buat rumah dia untuk nak bagi *souvenir* lah kan. Jadi bila saya dapat tempahan itu 500 [biji gasing], saya kena cari orang bermakna rakan-rakan lah kawan-kawan ke yang mana tak ada kerja sambilan tak pun untuk bulatkan untuk potong. Kalau saya seorang, saya tak akan mampu untuk buat sampai 500 biji sebulan. Dia nak sebulan, jadi saya kena siapkan tapi alhamdulillah siap.

**NAZ: Jadi mereka membeli sebagai-- dijadikan sebagai cenderahati?--**

(Mencelah)

MAS: Ya--

**NAZ: Kepada pembeli rumah?--**

(Mencelah)

MAS: A'ah --

(Mencelah)

**NAZ: Ha--**

(Mencelah)

MAS: Sebab bagi saya mungkin, dia nak bagi *souvenir* yang lain dah biasa kan? Sebab gasing ini bagi saya unik-- dia adalah seorang *developer* [pembina banguna] *chinese* [berbangsa cina]. Tapi kenapa dia boleh berminat gasing? Saya ada terfikir juga.

**NAZ: Jadi pada pendapat pakcik kenapa gasing ini kurang mendapat perhatian masyarakat setempat?**

MAS: Bagi saya bukan masyarakat setempat sahaja. Sebetulnya bagi saya kerajaan tak ada nak ambil inisiatif untuk war-war kan. Kalau kerajaan ini ambil inisiatif yang- baik, bermakna rakyat akan tahu. Sekarang rakyat bukan tak tahu, tahu-- tapi tidak di ketengahkan-- cuma tahu

sahaja.

**NAZ: Adakah gasing ini juga dijadikan sebagai medium pengubah masyarakat?**

MAS: Ya, boleh juga sebab bagi saya bila kita buat suatu- pertandingan-- sebagai contoh. Jadi, antara kita dengan pihak yang kita jemput ataupun pihak yang jemput kita- akan mendapat satu-- kebaikan dari segi silaturahim, dari segi pandangan, dari segi perkongsian yang lain kan? Itu bagi saya-- banyak kebaikan sebetulnya. Se-lain daripada kita tengok tempat orang, kan? Bermakna sambil kita pergi itu, kita pun melancong tempat orang.

**SNA: Jadi dalam kalangan masyarakat kita sendiri ramai yang tidak mengetahui tentang kewujudan gasing ini. Jadi apa mungkin usaha yang boleh pakcik cadangkan untuk kita lakukan supaya mereka ini kenal dan tahu warisan yang kita ada ini?**

MAS: Bagi saya senang sahaja, tak susah pun. Saya rasa mustahil kalau masyarakat kampung tak kenal gasing ini kan? -- mesti kenal. Cuma pendedahan bagi saya-- pendedahan kerajaan kurang-- mungkin masyarakat dekat- bandar itu pun kenal, tahu gasing. Tapi cara main macam mana, bentuk dia macam mana-- tak ada [tidak mereka ketahui]. Cuma nampak di tv [television] kan? cuba kalau macam dulu ada- tahun bila ya masa itu kokurikulum di kawasan Bukit Kapar ini gasing. Jadi kalau katakan lah pihak yang berkenaan, mengambil jalan untuk kita ketengahkan gasing, tak kira Gasing Pangkah tradisional ke Gasing Malaysia ke, Gasing Uri ke, jadi tak mustahil-- bila rakyat kita ada yang ke luar negara kan, diorangakan bercerita. Daripada situ sebetulnya-- bak kata orang itu kerana mulut badan binasa kan? Sebab seorang ini bercerita dengan orang ini, orang ini akan bercerita kan. Macam itu juga

orang ini sebaliknya-- kerana seorang ini bercerita dengan kawan dia yang berada di luar negara dan kawan itu akan bersembang lagi dengan orang-orang yang dia kenal. Itu adalah satu bagi saya-- kelebihan untuk kita tarik pelancong.

**SNA: Jadi sehingga setakat ini, apa usaha pakcik dan persatuan untuk memperkenalkan lagi Gasing Pangkah ini kepada masyarakat?**

MAS: Bagi saya kalau di sini YB memang menyokong penuh lah kan? Bila ada apa-apa pun ibaratkan macam itu hari yang bulan sepuluh [Oktober] yang lepas kalau tak silap saya-- YB menteri Zuraidah [Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan] pun datang. Kita buat pertunjukan untuk gasing-- beliau ada di situ tengok cara main, macam mana dan saya bagi penerangan pada YB jadi dia faham maknanya. Sebab itu, beliau pun menyarankan agar kita teruskan. Untuk- masa generasi akan datang ini.

**NAZ: Boleh ke gasing ini membantu dari segi ekonomi, sosial dan politik di Malaysia?**

MAS: Eh kenapa tidak boleh? Siapa yang cakap tak boleh? Bagitahu saya. Sebab ekonomi-- okey kalau kita sekarang berpendapatan katakan sebulan 2000 [RM] tapi kita buat gasing ini, ada tempahan pula dan ada orang pemain mungkin tak- kita bukan cakap 2000 je kita dapat kan? Pendapatan tidak mustahil boleh dapat sampai 4000 [RM]-- Itu adalah ekonomi. Bukan untuk kita sahaja. Katakan pelancong luar datang kerajaan pun dapat. Kalau di kampung peniaga yang dapat-- pengusaha *chalet*, pengusaha *homestay* [rumah tumpangan]. Banyak sebetulnya bagi saya-- tapi kenapa diorangtak nak, tak terfikir nak buat macam ini? Sedangkan saya cuma orang bawahan-- orang kampung bila kita

bersuara pada YB- pun akan setuju betulnya-- tapi bila dia bersidang ibarat kan perkara ini remeh sebetulnya bagi saya. Dia tidak tahu cara menghargai warisan yang kita ada.

**SNA: Jadi, di Bukit Kapar ini pernah atau tidak persatuan sendiri mengadakan seperti pertunjukan dan memanggil orang luar untuk melihat?**

MAS: Bagi saya dekat- Bukit Kapar ini tak ada lah kita panggil orang-orang yang luar itu. Orang luar yang akan datang ke sini dan nak tengok bermain gasing-- yang contoh lepas ini yang terbaru Pejabat Daerah Batang Padang, Tapah dengan pegawai biro dia datang sini nak tengok main gasing macam mana dan dia tengok Bukit Kapar ini sebetulnya apa yang ada? Kan dekat situ kelebihan pada kita-- bagi saya lah kan? kepada peniaga.

**NAZ: Pada pendapat pakcik boleh ke gasing ini menjadi terapi minda kepada individu?**

MAS: Boleh, sebab kalau kita stress ibaratkan, apa jua permainan kalau kita stress, kita tak akan jadi buat permainan itu-- bermakna kita nak lapang [tiada apa yang mengganggu difikiran]. Kita nak berfikir, nak cepat macam mana? Cara nak macam mana nak- cepat-- bukan untuk stress. Bermakna kita kena berfikir-- itu bagi saya. Kalau kita lambat berfikir kita akan-- ibaratkan macam mana pun akan gagal untuk mencapai apa yang kita nak tadi itu. Ibaratkan kita nak ambil A, tapi tak dapat.

**NAZ: Adakah gasing ini diterima di kawasan setempat dan juga di Se-langor**

MAS: Bagi saya kalau setakat Bukit Kapar daerah Klang ini semua kenal akan tahu Bukit Kapar ini dengan gasing. Selangor pun saya rasa. Tapi kalau keluar- itu tak tahu lah dan saya- rasa tak mustahil kalau YB yang lama-lama semua ada bercerita. Tapi tak ke mana bagi saya-- sebab kerajaan negeri ini pun tak ambil jalan yang untuk meningkatkan mutu kesenian.

**NAZ: Apakah usaha yang dilakukan oleh persatuan untuk mencari dan membentuk pelapis-pelapis muda yang baru?**

MAS: Kalau disini bagi saya memang kita galakkan budak budak ini-- budak-budak sekolah lah. Terutama bila musim cuti macam ini, budak-budak umur tak kira lah darjah enam ke, darjah satu ke, dua ke, tiga ke-- mana yang berminat. Dan saya cadangkan pada YB akan datang ini saya akan nak buat bengkel. Adalah dengan badan *NGO* [*Non-Government Organization*] [badan bukan kerajaan] yang lain kan untuk budak-budak ini. Memang saya ada buat cadangan.

**NAZ: Apakah pencapaian terbesar di dalam persatuan yang persatuan perolehi?**

MAS: Untuk pencapaian bagi saya biasa je lah kalau setakat menang sampai nombor dua, nombor tiga itu biasa. Tapi tahun dua tahun lepas [tahun 2018] ya kalau tidak silap saya. Saya dapat jemputan daripada Maybank dari *headquartes* [ibu pejabat] ya Kuala Lumpur untuk membuat pertunjukan di MATiC ya jalan Kuching kalau tak silap saya dan yang datang pada masa itu ialah Yang Dipertuan Agung [Yang Di-Pertuan Agong kelima belas; Sultan Muhammad V] ya pada masa itu. Saya pun tak sangka.

**SNA: Pada tahun bila itu?**

MAS: Dua tahun lepas- kalau tak silap saya. Itu adalah kerana jamuan Hari Raya-- saya pun terkejut jamuan Hari Raya ada gasing pula. Rupanya dia nak kesenian bermakna batik semua nak ada.

**NAZ: Apakah cabaran atau halangan di dalam persatuan itu sendiri?**

MAS: Halangan ini-- cabaran ini mana-mana persatuan banyak-- sama sahaja masalah kadang kroni lah itu lah ini lah-- sama sahaja. Cuma kita nak pandai lah maknanya untuk kita nak menghidupkan persatuan ini bukan senang bukan satu- kepala dengan kita kadang kan? Kita patutnya boleh buat yang ini yang baik-- tapi ya lah ada pihak yang membangkang-- kadang ada mana-mana pun.

**NAZ: Apakah bentuk sokongan yang diberikan oleh wakil rakyat kepada-- di dalam persatuan?**

MAS: Banyak, bagi saya wakil rakyat yang terbaru ini banyak-- dia bagi sokongan dan tak lupa juga pada ketua kampung sebetulnya-- dari segi duit makna dana dia bagi pada kita. Untuk beli jersi-- kita pergi ke tempat orang maknanya perbelajaan itu kan? untuk penginapan. Banyak bagi saya-- banyak jasa dia.

**NAZ: Apakah harapan pakcik untuk persatuan pada masa hadapan?**

MAS: Saya cuma nak kan kalau boleh permainan gasing ini tak luput [tidak

hilang begitu sahaja] makna anak cucu saya esok dia akan tahu. Makna ada pelapis-pelapis di belakang saya bukan setakat sampai di sini sahaja. Maknanya tak mustahil lima puluh tahun akan datang, ada lagi-- cuma mungkin bahan-bahan yang susah nak cari mungkin dari segi kayu lah. Tapi tak mustahil esok akan ada satu ciptaan-- ibaratkan macam habuk kayu yang saya dengar sekarang ini yang terbaru lah, dia ada apa nama dia eh? dia *press* [tekan] dengan satu mesin dia akan seperti jadi kayu dan lebih keras daripada kayu-- ada.

**NAZ: Apakah usaha pakcik nak memperkenalkan lagi Gasing Pangkah ini mungkin dengan mengunakan medium lain?**

MAS: Ya, banyak sebetulnya macam Astro [rangkaian Television] pernah mengundang saya, Metro, TV Selangor-- banyak sebetulnya. Saya memang-- saya tekan kan kalau boleh biarlah kerajaan tak kiralah kerajaan pusat, kerajaan negeri, PBT-- ambil berat [mengenai permainan gasing tradisional ini]. Kalau tak memang akan habis, pupus maknanya.

**SNA: Yang tadi pakcik terangkan itu, untuk pembuatan gasing ataupun Gasing Pangkah?**

MAS: Tak kira, mana-mana. Gasing Pangkah ke apa ke sama bagi saya sebab bila kita diamkan dia- lama kelamaan akan hilang, akan pupus. Sebab tak ada- galakkan, tak ada sokongan bagi saya-- tak kira. Sebab kreatif seni tangan ini untuk kesenian orang melayu sebetulnya banyak bagi saya bukan gasing sahaja kan? Keris apa semua-- tapi kalau dibiarkan, cuma kita kenal sahaja nama. Kita tak nak lah macam itu kan?

**NAZ: *Last* sekali mungkin pakcik ada pesanan kepada-- untuk generasi masa hadapan yang ingin dan minat menceburi permainan Gasing Pangkah ini?**

MAS: Saya memang kalau boleh tak kira lah mana-mana badan NGO ke yang dapat membawa kami [seni warisan permainan tradisional Gasing Pangkah] ketengah-- jadi kami boleh war-warkan dan kami boleh beri tunjuk ajar maknanya kan? Untuk generasi akan datang yang muda-muda ini ibaratkan daripada kita elakkan dia kepada gejala yang tidak baik, media sosial banyak sekarang kan? Bukan *handphone* [telefon bimbit] je kan? Bermakna kita nak tarik anak-anak muda ini biar dia meminati-- tak kira kerajaan negeri ke apa. Kalau pihak- berkenan ini dapat membawa kita- akan war-warkan macam mana cara nak main-- kita tunjuk ajar maknanya. Tak ada gelanggang? Okey datang Bukit Kapar kami boleh ajar-- daripada situ makna budak-budak yang meminati sebetulnya ramai. Saya pernah ada satu undangan untuk satu di Meru-- Dun Meru masa itu saya bawa gasing lepas itu ada saya buat tulis buku yang meminati gasing [sesiapa yang minat untuk bermain dikehendaki untuk menulis nama di dalam buku tersebut] tidak kurang daripada lima puluh orang anak-anak muda yang meminati- tapi kerana galakkan daripada pihak terbabit tak ada-- jadi kita tak dapat apa-- cuma penat buat pertunjukan ke sana sini kan? Tapi sebaliknya benda itu bagi saya nak kena ada *feedback* [pandangan] bukan kita yang minat sahaja-- dari pihak tertentu-- nak kena bagi sokongan.

**SNA: Jadi itu sahaja soalan daripada kami untuk hari ini.**

(Mencelah)

MAS: Ya--

(Mencelah)

**SNA: Terima kasih pakcik atas kerjasama yang diberikan. Jadi sekian terima kasih.**

MAS: Sama-sama kasih kerana sudi datang jumpa saya.

**Dengan ini tamat lah sesi temubual sejarah lisan mengenai bidang permainan tradisional iaitu Gasing Pangkah bersama Encik Mohd Aziz bin Samsudin. Kami ingin mengucapkan ribuan terima kasih di atas kesudian dan kerjasama yang diberikan oleh beliau dalam menyempurnakan wawancara ini. Adalah diharapkan dengan hasil temubual ini dapat menyumbang kepada perkembangan ilmu dalam bidang permainan tradisional iaitu Gasing Pangkah para penyelidik pada masa akan datang. Sekian, terima kasih**

## 6.0 Log Temubual

| MINIT MASA | PERKARA | CATATAN | HURAIAN |
|---|---|---|---|
| 00:00:00 | Ucapan pembuka sesi tembual | Ucapan menerangkan nama tokoh, tarikh, masa, lokasi, nama penemubual. | • Mohd Aziz bin Samsudin<br>• Dewan MPKK Kampung Bukit Kapar, Selangor<br>• Nurul Aqillah binti Zaini,<br>• Siti Nor Ayna binti Mohd Ayu |
| **Sesi temubual bermula** | | | |
| 00:01:04 | Latar belakang tokoh | Ucapan menerangkan nama tokoh, tempat lahir tokoh, umur, tarikh lahir, pekerjaan sebelum, hobi, cita-cita dan idola tokoh | • Mohd Aziz bin Samsudin<br>• Bukit Kapar, Klang<br>• Arwah datuk dan pakcik. |
| 00:04:45 | Latar belakang ibu dan bapa | Ucapan menerangkan nama ibu bapa tokoh, lokasi tempat lahir. | • Samsudin bin Dorani.<br>• Kuala Sungai Baru, Melaka.<br>• Siti Rusnah binti Ahmad.<br>• Kampung Bukit Kapar, Klang. |
| 00:06:11 | Latar belakang adik-beradik | Ucapan menerangkan pekerjaan, lokasi tempat tinggal dan kemahiran adik beradik tokoh | • Sektor swasta<br>• Pandamaran, Klang<br>• Setia Alam, Shah Alam<br>• Shah Alam, Selangor<br>• Petaling Jaya, Selangor<br>• Bukit Kapar, Klang |
| 00:07:31 | Latar belakang tokoh terkini | Ucapan menerangkan latar belakang isteri tokoh, pekerjaan isteri tokoh, bilangan anak, | • Norliza binti Ngajiman<br>• Meru, Klang<br>• Bukit Kapar, Klang |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | cucu, cicit dan lokasi tempat tinggal dan kemahiran anak tokoh | • Klang, Selangor<br>• Pelabuhan Klang, Selangor<br>• Tanjung Malim, Perak |
| 00:10:55 | Latar belakang pendidikan | Ucapan menerangkan nama sekolah, lokasi sekolah, kenangan persekolahan dan minat terhadap gasing. | • Sekolah Kebangsaan Bukit Kapar, Klang<br>• Sekolah Menengah Kebangsaan Tengku Idris Shah, Kapar<br>• Kampung Bukit Kapar, Klang<br>• Melaka, Malaysia<br>• Daerah Klang<br>• Balai Polis Klang Selatan |
| 00:13:31 | Sejarah awal penglibatan dalam seni pembuatan gasing | Ucapan menerangkan tahun permulaan, umur tokoh ketika itu, nama pengajar dan sikap pengajar, perasaan tokoh, kaedah mengajar. | • Ahmad bin Haji Hasan<br>• Negeri Sembilan, Malaysia |
| 00:19:32 | Sejarah permulaan tokoh melibatkan diri dengan perusahaan pembuatan gasing | Ucapan menerangkan rakan tokoh yang turut terlibat, tahun mula berniaga, lokasi bengkel pembuatan gasing, cabaran, langkah mengatasi | • Malaysia<br>• Razali<br>• Zulkarnain<br>• Jalan Nenas, Meru<br>• Jalan Dusun, Kapar |
| 00:24:09 | Penerimaan masyarakat dan usaha mendapat sokongan pihak kerajaan terhadap pembuatan gasing | Ucapan menerangkan sokongan makcik tokoh, galakkan pihak kerajaan | • Yang Berhormat Dr. Daroyah Alwi |
| 00:25:53 | Sejarah gasing di Malaysia | Ucapan menerangkan jenis gasing yang wujud, perbezaan bentuk gasing, dan asal usul gasing | • Selangor, Malaysia<br>• Pahang, Malaysia<br>• Negeri Sembilan, Malaysia<br>• Kelantan, Malaysia |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | • Jepun<br>• China<br>• Thailand<br>• Vietnam<br>• Indonesia<br>• Brunei<br>• Singapore<br>• Jalan Ampang, Kuala Lumpur<br>• Negara barat |
| 00:29:20 | Sejarah awal permulaan permainan gasing di Bukit Kapar, Selangor | Ucapan menerangkan sejarah gasing di Bukit Kapar, dan mercu tanda Bukit Kapar | • Kampung Bukit Kapar, Selangor<br>• Bukit Kapar, Selangor<br>• MPKK (Majlis Pengurusan Komuniti Kampung) Bukit Kapar<br>• Yang Berhormat Dr. Daroyah Alwi<br>• Selangor |
| 00:32:10 | Proses pembuatan gasing | Ucapan menerangkan jenis bahan, saiz paku, jenis kayu, cara pemilihan kayu, kualiti kayu, langkah memastikan kayu dalam keadaan baik, penghasilan gasing dari satu kayu, saiz gasing, berat gasing, suntikan timah dan jenis cat. | • Negeri Sembilan, Malaysia<br>• Pahang, Malaysia |
| 00:45:58 | Penetapan harga gasing | Ucapan menerangkan harga satu biji gasing | • Pahang, Malaysia |
| 00:47:43 | Tips penjagaan gasing dan membaik pulih gasing yang rosak | Ucapan menerangkan tips penjagaan gasing. Proses baik pulih | • Kampung Pengkalan Manggis, Pahang |
| 00:50:54 | Pengusaha pembuatan gasing | Ucapan menerangkan pendudukan bukit | • Wak Johari<br>• Zali |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | yang lain di Bukit Kapar, Selangor | kapar yang masih mengusahakan pembuatan gasing | |
| 00:51:41 | Kraf tangan lain yang turut ada di Bukit Kapar, Selangor | Ucapan menerangkan kraftangan yang terkenal di Bukit Kapar | |
| 00:52:14 | Keistimewaan gasing pada tokoh | Ucapan menerangkan keistimewaan gasing pada tokoh | • Cempuling<br>• Wau<br>• Layang-layang |
| 00:53:24 | Sejarah tokoh bermain gasing | Ucapan menerangkan jenis gasing yang dimainkan, umur mula bermain, belajar cara bermain Gasing Pangkah, Lokasi bermain, Pencapaian tokoh dalam permainan Gasing Pangkah | • Jalan Umno, Bukit Kapar<br>• Haji Shafie<br>• Bukit Kapar, Selangor<br>• Kota Gelanggi, Johor<br>• Triang, Pahang<br>• Kampung Lompat, Pahang<br>• Temerloh, Pahang<br>• Bukit Resak, Pahang |
| 00:57:55 | Sejarah permainan Gasing Pangkah | Ucapan menerangkan permulaan Gasing Pangkah, dan Permainan Gasing Pangkah masih aktif di Bukit Kapar, | • PBT (Pihak Berkuasa Tempatan)<br>• Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan<br>• Jalan Ampang, Kuala Lumpur<br>• Melaka, Malaysia<br>• Negeri Sembilan, Malaysia<br>• Kelantan, Malaysia<br>• Terengganu, Malaysia<br>• PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) Batang Padang, Tapah, Perak<br>• Selangor, Malaysia<br>• Bukit Kucing, Selangor<br>• Bukit Kuda, Selangor<br>• Kampung Kuantan, Selangor<br>• Jalan Kebun, Selangor |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | | ● Jenjarom, Selangor<br>● Kuala Langat, Selangor<br>● Sabak Bernam, Selangor<br>● Bukit Kapar, Selangor<br>● Subang Jaya, Selangor<br>● Padang Tengku, Kuala Lipis, Pahang<br>● Temerloh, Pahang |
| 01:04:02 | Perihal permainan Gasing Pangkah | Ucapan menerangkan bilangan pemain dalam satu regu, posisi pemain, peraturan di dalam permainan, dan masa sesuatu pertandingan | |
| 01:09:50 | Perihal pengadilan dalam permainan Gasing Pangkah | Ucapan menerangkan bilangan pengadil dalam satu pertandingan, dan siapa pengadil yang terlibat | ● Bukit Kapar, Selangor<br>● Pahang, Malaysia |
| 01:12:56 | Teknik diperlukan dalam permainan Gasing Pangkah | Ucapan menerangkan teknik bermain Gasing Pangkah dengan betul | |
| 01:15:22 | Pendapat tokoh mengenai permainan Gasing Pangkah | Ucapan menerangkan pendapat tokoh mengenai kaum dan golongan yang bermain Gasing Pangkah | ● Pahang, Malaysia<br>● Bukit Kapar, Selangor<br>● Selangor, Malaysia<br>● Cikgu Sharif |
| 01:17:09 | Sambutan dan galakan masyarakat terhadap permainan Gasing Pangkah | Ucapan menerangkan sambutan masyarakat terhadap permainan Gasing Pangkah | |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 01:18:19 | Keunikan Gasing Pangkah pada pandangan tokoh | Ucapan menerangkan keunikan Gasing Pangkah | • Gedangsa, Selangor |
| 01:19:25 | Perihal persatuan Gasing Pangkah di Malaysia | Ucapan menerangkan persatuan Gasing Pangkah di Malaysia. | • Kelantan, Malaysia<br>• Malaysia |
| 01:20:42 | Perihal persatuan Gasing Pangkah Bukit Kapar, Selangor | Ucapan menerangkan sejarah penubuhan Gasing Pangkah di Bukit kapar, bilangan ahli dalam persatuan dan peringkat umur. | • Tuan Haji Said<br>• Encik Baharun<br>• Tuan Haji Mustakim<br>• SSM (Suruhanjaya Syarikat Malaysia)<br>• Bukit Kapar, Selangor<br>• Kampung Lompat, Pahang |
| 01:23:51 | Peranan tokoh di dalam persatuan | Ucapan menerangkan peranan tokoh dalam persatuan. | • Dun Sementa |
| 01:25:26 | Perihal pelatih dalam persatuan | Ucapan menerangkan peranan pelatih yang akan melatih pasukan, tahun mula melatih pasukan, nama jurulatih lain. | • Boy (nama pemain)<br>• ITM (Institut Teknologi MARA)<br>• Shahrom<br>• Zali<br>• Zulkarnain |
| 01:28:56 | Pengadil dalam persatuan Gasing Pangkah Bukit Kapar, Selangor | Ucapan menerangkan pengadil dalam pasukan dan nama pengadil lain | • Zulkarnain<br>• Shahrom<br>• Zul<br>• Razali<br>• Pahang, Malaysia |
| 01:30:20 | Sejarah tokoh menjadi pengadil sewaktu perlawanan | Ucapan menerangkan, tahun tokoh mula menjadi pengadil, tokoh menjadi pengadil di luar kawasan Bukit Kapar dan sikap seorang pengadil | • Bukit Resak, Pahang<br>• Pahang, Malaysia |
| 01:32:38 | Perihal latihan di dalam persatuan | Ucapan menerangkan lokasi latihan | • Jalan Kopi, Bukit Kapar |

| | | | |
|---|---|---|---|
| | | diadakan, keadaan latihan semasa Covid-19 | • Masjid At-Taqwa, Bukit Kapar<br>• Dewan Seberguna Bukit Kapar<br>• Padang Bola, Bukit Kapar |
| 01:33:57 | Perihal gelanggang di Bukit Kapar | Ucapan menerangkan saiz gelanggang, bilangan gelanggang, dan jenis tanah yang sesuai | • Pahang, Malaysia<br>• Bukit Kapar, Selangor |
| 01:35:31 | Usaha selenggara gelanggang di Bukit Kapar, Selangor | Ucapan menerangkan usaha menyelenggara gelanggang, cara meratakan tanah. | |
| 01:37:05 | Penerangan lebih mendalam mengenai proses pembuatan gasing | Ucapan menerangkan proses pembuatan gasing, proses yang paling lama, perbezaan proses dulu dan sekarang, tempoh menyiapkan satu biji gasing, tempoh sebulan pembuatan gasing, kos yang dibelanjakan, jenis peralatan, fungsi alatan, dan mendapatkan sesuatu peralatan, peralatan yang mahal, jumlah keseluruhan peralatan, dana dari wakil rakyat, dan lokasi mendapatkan bahan kayu. | • Bukit Cerakah, Puncak Alam<br>• Puncak Alam, Shah Alam<br>• Jabatan Perhutanan dan Perhilitan |
| 01:46:18 | Perihal tali gasing | Ucapan menerangkan jenis tali yang digunakan untuk bermain, pembekal tali, saiz dan panjang tali | • Yusri bin Hailan<br>• Perepat, Bukit Kapar |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 01:49:24 | Perihal tempahan gasing pernah tokoh perolehi | Ucapan menerangkan tempahan gasing yang banyak dari peneraju perumahan dan sebab menempah. | • Damansara, Kuala Lumpur<br>• Central Market, Kuala Lumpur |
| 01:51:53 | Pendapat tokoh mengenai sambutan masyarakat dan fungsi permainan ini dalam masyarakat | Ucapan menerangkan pendapat tokoh faktor gasing kurang mendapat perhatian, gasing sebagai medium pengubah masyarakat. | |
| 01:53:19 | Usaha persatuan memperkenalkan Gasing Pangkah kepada masyarakat setempat | Ucapan menerangkan ramai yang tidak mengetahui kewujudan Gasing Pangkah, usaha memperkenalkan Gasing Pangkah kepada masyarakat. | • Yang Berhormat Zuraida<br>• Bukit Kapar, Selangor<br>• Pejabat Daerah Batang Padang, Tapah |
| 01:57:53 | Pendapat tokoh mengenai fungsi permainan dan penerimaan masyarakat terhadap permainan Gasing Pangkah | Ucapan menerangkan Gasing Pangkah membantu ekonomi, sosial dan politik di Malaysia, pertunjukkan gasing kepada orang luar, dan terapi minda kepada individu | • Bukit Kapar, Selangor<br>• Daerah Klang, Selangor<br>• Selangor |
| 01:59:26 | Usaha persatuan mencari pelapis baru | Ucapan menerangkan usaha mencari pelapis muda. | • NGO (Non-government Organization) |
| 02:00:07 | Pencapaian pernah diperolehi persatuan | Ucapan menerangkan pencapaian persatuan, tahun mendapat jemputan pertunjukan di MATiC | • HQ Maybank, Kuala Lumpur<br>• Jalan Kucing, Kuala Lumpur<br>• YDPA Sultan Muhammad V (Sultan Kelantan) |

| | | | |
|---|---|---|---|
| 02:02:09 | Cabaran pernah persatuan hadapi | Ucapan menerangkan cabaran dalam persatuan | |
| 02:01:45 | Bentuk sokongan diberikan wakil rakyat kepada persatuan | Ucapan menerangkan sokongan oleh wakil rakyat dari segi dana | |
| 02:02:16 | Harapan tokoh kepada persatuan pada masa hadapan | Ucapan menerangkan harapan tokoh untuk persatuan pada masa hadapan | |
| 02:03:12 | Usaha tokoh memperkenalkan Gasing Pangkah | Ucapan menerangkan usaha tokoh memperkenalkan Gasing Pangkah menggunakan medium lain | ● Astro Sdn Bhd<br>● Harian Metro<br>● TV Selangor<br>● PBT (Pihak Berkuasa Tempatan) |
| 02:04:26 | Pesanan tokoh untuk generasi masa hadapan | Ucapan menerangkan pesanan tokoh kepada generasi muda yang minat menceburi permainan Gasing Pangkah. | ● NGO (Non-government Organization)<br>● Bukit Kapar, Selangor<br>● Meru, Selangor<br>● Dun Meru |
| 02:06:24 | Ucapan penutupan sesi temubual | Ucapan menerangkan sesi temubual tamat, nama tokoh,dan harapan penemubual terhadap temubual dalam bidang Permainan Gasing Pangkah | ● Mohd Aziz bin Samsudin |

## 7.0 Ralat

Sewaktu temubual ini dijalankan bersama tokoh iaitu Encik Mohd Aziz bin Samsudin di Dewan MPKK Kampung Bukit Kapar, Selangor terdapat beberapa gangguan bunyi semasa temubual dijalankan adalah gangguan bunyi kenderaan seperti motor dan kereta. Namun begitu temubual ini berjalan dengan lancar.

## 8.0 Ringkasan

Tujuan temubual ini dijalankan adalah untuk mengkaji sejarah Gasing Pangkah di Kampung Bukit Kapar yang masih aktif menghidupkan seni warisan tradisional masyarakat Melayu. Temubual ini dijalankan pada 18 Disember 2020 pada jam 10 pagi yang bertempat di Dewan MPKK Kampung Bukit Kapar, Klang, Selangor. Encik Mohd Aziz Bin Samsudin telah berkongsi pengalaman dan kehidupan beliau sepanjang menceburkan diri dalam permainan tradisional tersebut. Beliau telah bekerjasama dalam menyiapkan segala tugasan dan temubual ini selama 2 jam 06 minit. Temubual ini dikendalikan oleh dua pelajar iaitu Nurul Aqillah Binti Zaini dan Siti Nor Ayna Binti Mohd Ayu. Soalan temubual adalah berkaitan dengan latar belakang tokoh, latar belakang keluarga, pendidikan, pengalaman hidup, pencapaiandalam persatuan, pembuatan Gasing Pangkah dan juga harapan beliau mengenai bidang permainan tradisional Gasing Pangkah.

Encik Mohd Aziz Bin Samsudin dilahirkan pada 9 Julai 1961 dan berasal dari Kampung Bukit Kapar, Klang, Selangor. Beliau mendirikan rumah tangga bersama isterinya Noraliza Binti Ngajiman dan mempunyai lapan cahaya mata iaitu tiga lelaki dan lima orang perempuan manakala beliau mempunyai seramai dua belas orang cucu dan seorang cicit. Beliau mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Bukit Kapar dan seterusnya beliau melanjutkan pelajaran di menengah tinggi iaitu di Sekolah Menengah Tengku Idris Kapar dan menamatkan zaman pendidikan sehingga SPM pada tahun 1978.

Encik Mohd Aziz mula meminati gasing sejak di bangku sekolah. Beliau pernah memasuki pertandingan dalam regu kanak-kanak pada umur 11 tahun iaitu darjah lima, tahun 1967. Beliau juga mula membuat gasing dan mempelajari pembuatan gasing melalui arwah datuknya pada umur 21 tahun dan masih aktif dalam pembuatan Gasing Pangkah. Kayu yang digunakan untuk pembuatan Gasing adalah kayu yang keras untuk mendapatkan hasil pembuatan gasing yang berkualiti. Bahan dan peralatan yang diperolehi untuk pembuatan gasing adalah daripada usaha beliau dari segi mendapat dan juga menempah peralatan tersebut.

Hasil pembuatan Gasing Pangkah beliau dikagumi dan beliau pernah mendapat tempahan sebanyak 500 biji Gasing dalam masa sebulan oleh sebuah syarikat pemaju perumahan sebagai hadiah cerdehati kepada pelangganya. Beliau juga pernah membuat

persembahan di MATiC di Jalan Ampang yang dihadiri oleh tetamu-tetamu termohat.

Selain itu, beliau juga turut terlibat di dalam persatuan Gasing Pangkah Tradisi Kampung Bukit Kapar yang mula ditubuhkan pada awal tahun 1970-an. Peranan beliau di dalam persatuan adalah sebagai penyelaras dan penolong pengerusi. Beliau ditugaskan untuk menguruskan setiap pasukan atau regu sebelum memasuki sesuatu perlawanan. Beliau akan mengurus penempatan, makanan dan juga pengangkutan jika perlawanan di adakan di luar kawasan Kampung Bukit Kapar.

Peraturan dalam permainan Gasing Pangkah amat dititik beratkan kerana permainan ini boleh mengakibatkan kecederaan yang serius pada anggota pemainya. Permainan ini memerlukan lima orang pemain dimana setiap regu akan menghantar empat orang sebagai pemain manakala seorang akan menjadi pemain ganti jika terdapat kecederaan pada salah satu pemain dalam regu. Permainan Gasing Pangkah mempunyai dua posisi dalam permainan iaitu pihak pemusing dan pihak pemangkah. Rekod yang pernah dicapai oleh Encik Mohd Aziz ialah gasing beliau mampu berputar selama 3 jam sepanjang perlawanan.

Sehingga kini, beliau masih aktif dalam menghidupkan seni warisan permainan tradisional Gasing Pangkah ini di Kampung Bukit Kapar. Harapan beliau dalam permainan tradisional ini adalah untuk mencari pelapis bagi menghidupkan warisan ini supaya dapat diperkenalkan pada generasi akan datang dan permainan ini tidak dilupakan mengikut arus permodenan.

## 9.0 Kesimpulan

Kesimpulannya, permainan tradisional adalah merupakan satu seni dan warisan yang sangat berharga kepada negara kerana ia merupakan simbolik atau alatan yang boleh digunakan untuk memperkenalkan Malaysia di persada dunia. Selain itu, jika permainan ini dapat diketengahkan lagi ia mampu menjadi satu tarikan pelancong ke dalam negara dan ia akan memberi impak positif kepada sektor pelancongan dan ekonomi negara di samping nama negara akan meningkat naik dan akan dikenali oleh seluruh masyarakat dunia.

Berdasarkan hasil temubual yang dijalankan bersama Encik Mohd Aziz bin Samsudin banyak maklumat dan pengetahuan yang telah para penyelidik perolehi mengenai proses pembuatan gasing tradisional dan kaedah permainan tradisional Gasing Pangkah. Penyelidikan yang menggunakan kaedah sejarah lisan amat penting untuk dijalankan kerana maklumat yang diperolehi adalah yang terkini, sahih dan tepat mengenai sesuatu bidang yang dikaji. Melalui kaedah ini penyelidik dapat mempelajari dengan lebih lanjut mengenai bidang yang ingin dikaji dengan lebih mendalam dan sedikit sebanyak mengetahui tentang perihal yang mungkin asing bagi kebanyakkan masyarakat seperti contoh kaedah permainan Gasing Pangkah yang kini semakin tidak dikenali dan telah dilupakan.

Akhir sekali, para penyelidik mengharapkan penyelidikan yang dijalankan mampu memberi pengetahuan kepada masyarakat umum yang sudah tidak lagi mengenali permainan tradisional ini dan semoga penyelidikan ini dapat disebar luas kepada masyarakat di dalam dan luar negara. Diharapkan supaya pada masa akan datang akan adanya penyelidikan yang lebih mendalam mengenai seni pembuatan gasing tradisional dan juga mengenai permainan tradisional Gasing Pangkah kerana jika dibiarkan begitu sahaja seni warisan ini akan hilang dan lenyap begitu sahaja. Kesannya, negara akan kehilangan satu seni warisan yang mungkin tidak akan muncul kembali berikutan kurangnya sambutan dan galakan daripada masyarakat setempat.

# 10.0 Glosari

| | |
|---|---|
| **Cempuling:** | Muzik tradisional bagi masyarakat Jawa yang mula diperkenalkan di Tanah Melayu pada sekitar abad ke-19. |
| **Covid:** | Coronavirus (CoV) adalah sejenis virus yang boleh menyebabkan jangkitan saluran pernafasan. Terdapat beberapa jenis coronavirus seperti severe acute respiratory syndrome coronavirus (SARS) dan Middle East Respiratory syndrome-related coronavirus (MER-CoV). Coronavirus terbaru yang ditemui di China adalah Coronavirus 2019 (COVID-19). |
| **Denda:** | Hukuman ke atas kesalahan yang dilakukan. |
| **Gasing Uri:** | Gasing yang mempunyai badan asas yang kecil dan dililiti dengan simpai. |
| **Gelanggang:** | Kawasan lapangan atau tempat yang sesuai untuk mengadakan sesuatu sukan atau pertandingan. |
| **Imbangan:** | Keadaan sesuatu yang seimbang. |
| **Inisiatif:** | Daya usaha dalam mengusahakan sesuatu perkara. |
| **Keligatan:** | Pergerakkan yang sangat cepat. |
| **Koyan pancing:** | Alat untuk memegang tali pancing. |
| **Kraftangan:** | Perusahaan yang memerlukan daya cipta dan kemahiran menggunakan tangan dan boleh beralih kepada bidang yang sering menarik minat pelancong. |
| **Larik:** | Melicinkan dan menjadikan sesuatu kayu bulat atau logam menggunakan mesin tertentu |
| **Legai Uri:** | Teknik berlawan uri dan uri yang sekali mati dikira pemenang |
| **Pemangkah:** | Menghentakkan gasing ke atas gasing yang lain. |

| | |
|---|---|
| **Qada' dan qadar:** | Ketentuan dan takdir yang telah ditentukan kepada seseorang manusia |
| **Regu:** | Kumpulan atau sepasukan pemain dalam sukan atau olahraga |
| **Silaturahim:** | Perhubungan persaudaraan dan persahabatan antara sesebuah masyarakat tanpa mengira kaum. |
| **Terapi minda:** | Rawatan atau process pemulihan sesuatu fizikal, emosi dan minda seseorang tanpa penggunaan ubat atau pembedahan. |

## 11.0 Indeks


| **C** | |
|---|---|
| Cat | 39, 40 |
| Compact | 71, 72 |

| **D** | |
|---|---|
| Denda | 42, 52 |

| **G** | |
|---|---|
| Gasing Berembang | 4, 7, 23 |
| Gasing Botol | 4, 23 |
| Gasing Malaysia | 27, 28,45,47,58,59,61,84 |
| Gasing Toyol | 4, 23, 28 |
| Gasing Uri | 8, 27, 28, 61, 84,105 |
| Gelanggang | 4, 8, 18, 30, 32, 44, 46, 48,52, 53, 55, 56, 59,63, 70, 71, 72, 90, 97, 98,105 |

| **I** | |
|---|---|
| Indonesia | 28, 94 |

| **J** | |
|---|---|
| Johor | 47, 95 |

| **K** | |
|---|---|
| Kayu | 4, 7, 8, 14, 17, 19, 20, 22, 23, 24, 27, 28, 30, 32, 33, 34, 35, 36, 37, 40, 41, 72, 73, 74, 75, 76, 79, 80, 82, 89, 94, 102, 105 |
| Kelantan | 7, 27, 49, 61, 94, 95, 96 |

| **L** | |
|---|---|
| Legai | 54, 105 |
| Larik | 8, 24, 25, 73, 74, 76, 77, 78, 105 |

| **M** | |
|---|---|
| Malaysia | 4, 6, 7, 23, 28, 45, 47, 48, 49, 58, 59, 61, 84, 104 |
| Melaka | 7, 13, 18, 48, 49 |
| Mesin | 20, 24, 25, 27, 73, 74, 76, 77, 78 |

| **N** | |
|---|---|
| Negeri Sembilan | 23, 27, 32, 50 |

| **P** | |
|---|---|
| Pahang | 27, 33, 39, 56, 58, 68, 69, 80, 97 |
| Paksi | 4, 7, 30, 31, 32, 42, 71, 74 |
| Paku | 30, 31, 32, 38, 42, 71 |
| Pemangkah | 8, 9, 23, 42, 51, 52, 53, 54, 55, 57, 68 |
| Pemusing | 8, 9 ,33, 42, 51, 52, 53, 54, 57, 103 |

| **S** | |
|---|---|
| Selangor | 2, 27, 30, 49, 50, 58, 87, 101 |
| Singapura | 3, 28,94 |

| **T** | |
|---|---|
| Tali | 7, 44, 80, 81, 82 |
| Terengganu | 49 |
| Topsoil | 71, 72 |

## 12.0 Rujukan

Fadly, M., Zulhilmy, M., & Bazilah, N. (2016). Box of Traditional Game: A Matching of Tourism and Malaysian Cultures.

Ismaili, A (2020, Julai 6). Anak muda hidupkan gasing warisan Melayu Spaoh. Astro Awani. Diperoleh pada Januari 18, 2021, dari https://www.astroawani.com/video-malaysia/anak-muda-hidupkan-gasing-warisan-melayu-spaoh-1857729

Jabatan Kebudayaan dan Kesenian (n.d.). Gasing. Diperoleh pada Januari 18, 2020, dari https://pemetaanbudaya.my/culture/dis/447

Jabatan Warisan Negara (n.d.). Permainan Tradisi. Diperoleh pada November 08, 2020, dari http://www.heritage.gov.my/index.php?option=com_content

Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia (1999). Peraturan Gasing Banyak Uri. https://www.kkmm.gov.my/pdf/buku/gasing_banyak_uri.pdf

Kumar, S. (2015, Oktober 19). Gasing Pangkah Johor tak goyah. Diperoleh pada November 08, 2020, dari https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/10/90241/gasing-pangkah-johor-tak-goyah

Leman, N. (2016, September 21). Permainan gasing perlu di semarakkan. Diperoleh pada November 09, 2020, dari https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/09/194931/permainan-gasing-perlu-disemarakkan

Mat Nayan, S., & Kun, O. (2019). Jom Main! (Let's Play!): Promoting The Values Of Malaysia Traditional Children's Games Through The Media. *Media Literacy And Academic Research*, *2*(2), 52-84. Diperoleh dari http://cejsh.icm.edu.pl/cejsh/element/bwmeta1.element.desklight-34987126-4197-4972-8fd4-587d58db212f

Nazeri, N. (1994, August 15). Keunikan permainan Gasing Pangkah. Diperoleh pada November 09, 2020, dari http://commonrepo.um.edu.my/id/eprint/1943

Saidon, Zaharul. (2014). Kelestarian dan Pengkomersialan Seni Persembahan Tradisional Melayu dalam Konteks Industri Kreatif: Cabaran & Peluang. Conference: Kongres Warisan Melayu Sedunia 2014.

Satibi, Z. (2019, May 08). Gasing Nusantara. Harian Metro. Diperoleh pada November 08, 2020, dari https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/05/453327/gasing-nusantara

Siti Nor Hidayatidayu dan Nurul Farhana Abel Rahman. Uji Kegagahan Tumpas Lawan. Harian Metro. 2014 Nov 20.

Siti Raudah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar dan Noor Azlinda Wan Jan (2012). Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan. Diperoleh pada November 11, 2020, dari https://www.researchgate.net/publication/263619343_PENUKILAN_ILMU_BAHARU_MELALUI_SEJARAH_LISAN

Universiti Kebangsaan Malaysia (2007). Kepentingan Sejarah Lisan. Diperoleh pada November 08, 2020, dari http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlisan.html

Universiti Kebangsaan Malaysia (2007). Sejarah Lisan. Diperoleh pada November 08, 2020, dari http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html

Vengadasalam, Chander & Balakrishnan, Malathi & Cheng, Ooi & Jabatan, Lee & Jasmani, Pendidikan & Kesihatan, Dan. (2019). Perkembangan Nilai Moral Melalui Inovasi Permainan Tradisional.

Zainudin, A. (2019, Februari 12). 21 tahun tak jemu main gasing. Harian Metro. Diperoleh pada November 08, 2020, dari https://www.hmetro.com.my/rencana/2019/02/422270/21-tahun-tak-jemu-main-gasing

# 13.0 Lampiran

## 13.1 Surat Penyelidikan

www.uitm.edu.my

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA | Fakulti Pengurusan Maklumat

Surat Kami : 600-FPM (5/2/1)
Tarikh : 7 Nov 2020

Encik Mohd Aziz Bin Samsudin
Lot 2305 Jalan Dusun,
Kg. Bukit Kapar,
42200 Klang,
Selangor.

Tuan,

**MEMOHON KEBENARAN UNTUK MELAKSANAKAN PENYELIDIKAN AKADEMIK**

Perkara di atas adalah dirujuk.

2. Adalah dimaklumkan pelajar berikut dari Fakulti Pengurusan Maklumat, UiTM Kampus Puncak Perdana, Shah Alam berbesar hati untuk menemubual tuan bagi melengkapkan kerja kursus penyelidikan akademik berkaitan bidang permainan tradisional Gasing Pangkah.

3. Tugasan ini adalah diwajibkan bagi memenuhi keperluan kursus **"Oral Documentation" (IMR 604).**

4. Senarai nama pelajar yang terlibat:-

| NAMA | NO. PELAJAR UiTM | NO. TEL. |
|---|---|---|
| Nurul Aqillah binti Zaini | 2018641652 | 014-7345811 |
| Siti Nor Ayna Binti Mohd Ayu | 2018448636 | 017-3831810 |

5. Untuk rujukan pihak tuan, berikut adalah senarai beberapa objektif temubual berkaitan projek penyelidikan ini:

a) Mengkaji latar belakang tokoh.
b) Mengkaji sejarah mengenai permainan tradisional Gasing Pangkah.
c) Mengenal pasti kaedah yang digunakan dalam pembuatan Gasing Pangkah.

6. Kerjasama dan perhatian yang diberikan oleh pihak tuan dalam perkara ini amatlah dihargai dan didahului dengan ucapan ribuan terima kasih.

Sekian.

Yang benar,

**JAFALIZAN BIN MD JALI**
Pensyarah Kanan
b.p Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat

**Fakulti Pengurusan Maklumat**
Universiti Teknologi MARA
Cawangan Selangor, Kampus Puncak Perdana
40150 Shah Alam, Selangor, MALAYSIA
Tel: (+603) 7962 2002/2020/2021/2023/2220/2148
Faks: (+603) 7962 2007
Web: *fim.uitm.edu.my*

ISO 9001:2015 No. Sijil: 10120156

UiTM di hatiku

## 13.2 Surat Perjanjian

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA**

**PERJANJIAN MENGENAI PROJEK SEJARAH LISAN**

Saya MOHD AZIZ SAMSUDIN K/P:..............................., pada 18/12/2020 dengan ini bersetuju dengan syarat-syarat temubual yang telah diadakan di antara saya dengan Universiti Teknologi MARA. Syarat-syarat tersebut adalah seperti berikut:

1. Rakaman hasil temubual ini adalah bertujuan untuk kegunaan pengajaran, penyelidikan dan penerbitan tanpa melibatkan bayaran/ tuntutan dari mana-mana pihak. Walaubagaimanapun bagi tujuan selain daripada yang tersebut, persetujuan daripada tokoh perlu diperolehi.
2. Rakaman hasil temubual yang tersebut di atas adalah diserahkan dan menjadi hak milik sepenuhnya Universiti Teknologi MARA untuk penyimpanan kekal dan boleh mengambil apa-apa tindakan yang difikirkan perlu bagi memelihara rakaman dan transkrip ini.
3. Pihak Fakulti Pengurusan Maklumat, Universiti Teknologi MARA boleh membuat transkrip rakaman dan transkrip-transkrip ini perlu/tidak perlu disemak oleh tokoh (*interviewee*).
4. Rakaman dan transkrip ini akan dibuka kepada semua penyelidik sama ada dari Malaysia atau luar negara yang bertujuan membuat penyelidikan yang sah dengan syarat: -
    a. Apabila petikan diambil dari rakaman/transkrip ini untuk digunakan di dalam penerbitan, tesis dll., sumbernya (tokoh) hendaklah diakui oleh penyelidik-penyelidik.

.............................................................

( )

Tarikh: 18/12/2020

.............................................................

JAFALIZAN BIN MD JALI
b.p.Dekan
Fakulti Pengurusan Maklumat
Universiti Teknologi MARA

### 13.3 Senarai Soalan

**ORIENTATION QUESTION**

1. Bolehkah pakcik ceritakan latar belakang mengenai pakcik?
    - ❑ Nama penuh
    - ❑ Nama panggilan
    - ❑ Umur
    - ❑ Tarikh lahir
    - ❑ Tempat lahir
    - ❑ Tahun mula bekerja
    - ❑ Syarikat pernah berkhidmat
    - ❑ Syarikat paling lama pernah berkhidmat
    - ❑ Tahun mula berpencen
    - ❑ Cita-cita
    - ❑ Hobi
    - ❑ Idola
2. Bolehkah pakcik ceritakan latar belakang mengenai ibu dan bapa pakcik?
    - ❑ Nama penuh mereka
    - ❑ Dari mana mereka berasal
    - ❑ Pekerjaan
    - ❑ Adakah mereka mempunyai kemahiran yang sama?
3. Bolehkah pakcik ceritakan latar belakang mengenai adik-beradik pakcik?
    - ❑ Berapakah jumlah adik-beradik pakcik?
    - ❑ pakcik anak yang keberapa?
    - ❑ Pekerjaan adik-beradik
    - ❑ Dimana adik-beradik pakcik menetap sekarang?
    - ❑ Adakah adik-beradik pakcik mempunyai minat yang sama?
4. Bolehkah pakcik ceritakan latar belakang pakcik sekarang?
    - ❑ Latar belakang isteri pakcik
    - ❑ Bilangan anak pakcik
    - ❑ Pekerjaan anak-anak pakcik

- ❑ Adakah anak-anak pakcik mempunyai kemahiran yang sama
- ❑ Bilangan cucu
- ❑ Siapakah antara ahli keluarga yang sering membantu pakcik semasa proses pembuatan gasing?

5. Bolehkah pakcik ceritakan mengenai latar belakang pendidikan pakcik?
    - ❑ Tadika, sekolah rendah dan menengah
    - ❑ Tahun mula dan tamat persekolahan
    - ❑ Kenangan tidak dapat dilupakan semasa zaman persekolahan
    - ❑ Adakah sudah mulai berminat untuk membuat gasing pada ketika itu

**COMMON QUESTION**

**COMMON 1**

6. Pada tahun bila mulai ceburi bidang pembuatan gasing?
7. Berapakah umur pakcik pada ketika itu?
8. Apakah yang mendorong minat pakcik untuk belajar cara pembuatan gasing?
9. Siapakah yang memberi galakan untuk pakcik meneruskan bidang ini?
10. Adakah pembuatan gasing ini merupakan sumber pendapatan pakcik sekeluarga?
11. Siapakah yang mengajar pakcik mengenai kaedah pembuatan gasing?
12. Nama pengajar
13. Dimana belajar?
    - ❑ Sikap pengajar
    - ❑ Dari mana pengajar mendapat kemahiran tersebut?
    - ❑ Kaedah digunakan beliau untuk mengajar
    - ❑ Siapakah rakan yang turut sama belajar dengan pakcik?
    - ❑ Adakah mereka masih kekal membuat gasing sehingga kini?
    - ❑ Berapa lama tempoh pakcik belajar?
    - ❑ Berapa banyak jenis gasing yang pakcik pelajari?
    - ❑ Apakah perasaan pakcik pada waktu itu?
14. Adakah pakcik meneruskan perniagaan keluarga pakcik?
15. Bagaimana boleh tercetusnya idea untuk memulakan perniagaan dengan menerima tempahan gasing dari masyarakat setempat dan dari luar?
    - ❑ Adakah pembuatan gasing ini dibuat oleh pakcik seorang?

- ❏ Siapakah nama rakan tersebut?
- ❏ Adakah rakan tersebut belajar bersama dalam pembuatan gasing
- ❏ Adakah pakcik masih meneruskan usaha ini bersama-sama mereka?

16. Pada tahun bilakah pakcik memulakan perniagaan sendiri?
17. Apakah jenis gasing yang pernah pakcik hasilkan?
18. Adakah pakcik mempunyai bengkel untuk membuat gasing?
19. Di manakah tempat yang pakcik gunakan untuk membuat gasing?
20. Di manakah lokasinya?
21. Adakah pakcik masih menggunakan tempat yang sama untuk membuat gasing?
22. Apakah sebab berpindah lokasi?
23. Di manakah lokasinya sekarang?
24. Apakah cabaran yang dihadapi semasa awal permulaan?
25. Apakah langkah  diambil untuk mengatasi cabaran tersebut?
26. Bagaimana penerimaan keluarga dan masyarakat setempat?
27. Adakah usaha pakcik ini mendapat galakkan dan sokongan dari pihak kerajaan setempat?

**COMMON 2**

28. Boleh pakcik terangkan jenis-jenis gasing yang wujud?
29. Apakah perbezaan yang dapat dilihat pada gasing-gasing tersebut?
30. Gasing ini berasal daripada mana?
31. Bagaimana Bukit Kapar boleh terkenal dengan gasing?
32. Apakah sejarah gasing di Bukit Kapar?
    - ❏ Pada tahun bila gasing mula terkenal di Bukit Kapar?
    - ❏ Siapa yang memulakannya?
33. Adakah gasing pangkah merupakan trademark di Bukit Kapar?
34. Bagaimana gasing boleh diiktiraf di Bukit Kapar?
35. Pada ketika itu, siapakah wakil rakyat/pegawai daerah?
    - ❏ Apakah potensi yang dilihat oleh wakil rakyat/pegawai daerah untuk gasing dijadikan sebagai imej di Bukit Kapar

**Perihal pembuatan**

36. Apakah jenis bahan yang digunakan dalam proses penghasilan sebiji gasing?

37. Jenis kayu apakah yang sesuai digunakan dalam pembuatan gasing?
38. Apakah cara pemilihan kayu yang akan digunakan dalam pembuatan gasing?
39. Apakah kualiti yang dilihat perlu ada pada bahan-bahan untuk digunakan dalam pembuatan gasing?
40. Apakah kesan jika bahan yang digunakan untuk membuat gasing tidak memenuhi kualiti atau kriteria yang pakcik cari?
41. Apakah langkah yang digunakan bagi memastikan kayu yang diperoleh sentiasa dalam keadaan yang baik?
42. Berapa lama masa di ambil untuk membentuk kayu menjadi bentuk sebiji gasing?
43. Berapa banyak gasing mampu dihasilkan dari sebatang kayu yang pakcik perolehi?
44. Bagaimanakah saiz gasing ditentukan?
45. Bagaimana cara pakcik tentukan berat sebiji gasing?
46. Jenis cat apakah yang digunakan untuk mewarna badan gasing?
47. Bagaimana pakcik menetapkan harga sebiji gasing?
48. Apakah tips penjagaan gasing supaya gasing tidak mudah rosak?
49. Di Bukit Kapar ini, berapa ramai yang mengusahakan pembuatan gasing?
50. Selain dari gasing apa lagi yang turut terkenal di Bukit Kapar?
51. Apakah keistimewaan gasing pada pakcik?

**Perihal permainan**

52. Apakah jenis gasing pernah pakcik mainkan
53. Pada tahun bila pakcik mula bermain gasing pangkah?
54. Berapakah umur pakcik pada ketika itu?
55. Siapakah pengajar?
    - ❑ Berapa lama pengalaman beliau bermain gasing?
    - ❑ Bagaimanakah sifat beliau semasa mengajar?
56. Di manakah lokasi yang pakcik gunakan untuk bermain gasing?
57. Pencapaian pernah diperoleh sepanjang menjadi pemain?
58. Boleh ceritakan sejarah permainan gasing pangkah?
59. Berapa orang yang boleh bermain gasing pangkah dalam satu permainan?
60. Berapa orang dalam satu regu?
61. Apakah posisi yang ada dalam permainan gasing pangkah?

62. Apakah peraturan yang perlu dipatuhi sebagai seorang pemusing?
63. Apakah peraturan yang perlu dipatuhi sebagai seorang pemangkah?
64. Apakah teknik atau kemahiran yang diperlukan untuk menjadi seorang pemain gasing yang profesional?
65. Pada pendapat pakcik apakah hanya orang melayu sahaja yang bermain gasing?
66. Bagaimana dengan kaum lain?
67. Adakah permainan gasing di Bukit Kapar hanya dikuasai oleh golongan lelaki?
68. Bagaimana dengan golongan wanita?
69. Adakah permainan gasing di Bukit Kapar ini hanya dimainkan oleh golongan tertentu sahaja?
70. Bagaimana sambutan masyarakat setempat terhadap gasing pangkah tradisional?
71. Apa keunikan permainan tradisional gasing pangkah kepada pakcik?

**Perihal persatuan**

72. Berapa banyak persatuan gasing pangkah yang telah ditubuhkan di Malaysia?
73. Boleh pakcik ceritakan sejarah penubuhan persatuan gasing pangkah tradisional Bukit Kapar?
    - ❑ Tahun ditubuhkan
    - ❑ Pengasas awal persatuan
74. Pada masa kini, berapakah bilangan ahli pemain gasing di dalam persatuan gasing pangkah tradisi?
75. Siapakah pengerusi persatuan gasing pangkah tradisi?
76. Siapakah penasihat di dalam persatuan?
77. Apakah matlamat penubuhan persatuan gasing pangkah tradisi?
78. Peringkat umur yang boleh menjadi pemain untuk persatuan?
79. Berapakah umur pemain gasing yang paling muda di dalam persatuan?
80. Apakah kejayaan yang diperolehi dalam persatuan?
81. Apakah peranan pakcik di dalam persatuan?
82. Bilakah latihan akan dilakukan di dalam persatuan? (hari, masa, waktu)
83. Siapakah pelatih yang akan melatih permainan gasing di dalam persatuan
84. Di manakah latihan permainan gasing sering diadakan?

85. Dimanakah lokasi gelanggang latihan sering dibuat?

**SPECIFIC QUESTION**

86. Bagaimanakah proses membuat sebiji gasing?
    - ❑ Proses manakah yang paling sukar pakcik alami semasa pembuatan gasing?
    - ❑ Cara mengatasi cabaran tersebut
    - ❑ Apakah perbezaan proses pembuatan gasing dahulu dan sekarang?
87. Berapa lama masa diambil untuk menyiapkan sebiji gasing?
88. Berapakah kos yang di belanjakan untuk membuat sebiji gasing?
89. Berapakah jumlah gasing yang mampu pakcik hasilkan dalam tempoh satu bulan?
90. Apakah peralatan yang digunakan untuk membuat gasing?
91. Di manakah pakcik dapatkan peralatan untuk pembuatan gasing?
92. Berapakah jangkaan kos dikeluarkan untuk mendapatkan peralatan yang digunakan untuk membuat gasing?
93. Dari manakah sumber kewangan pakcik dapatkan untuk membeli peralatan tersebut?
94. Bagaimana pakcik dapatkan sumber kayu?
95. Adakah pakcik mempunyai pembekal untuk mendapatkan sumber kayu?
96. Adakah terdapat kesukaran untuk memperoleh sumber kayu dengan kualiti yang pakcik cari?
97. Apakah jenis tali yang digunakan untuk gasing tradisional?
98. Bagaimanakah proses pembuatan tali gasing?
    - ❑ Apakah alat yang digunakan untuk membuat tali
    - ❑ Adakah terdapat kesukaran yang dihadapi?
    - ❑ Apakah cara atasi kesukaran tersebut
99. Berapa lama masa diambil untuk membuat tali?
100. Mengapakah pakcik tidak membuat sekali tali gasing?
101. Siapakah pembekal yang membekalkan tali gasing kepada pakcik?
102. Pernahkah pakcik mendapat tempahan gasing dalam kuantiti yang banyak?
    - ❑ Siapa yang menempah?

- ❑ Berapa jumlah tempahan?
- ❑ Tempoh masa diberi untuk siapkan
- ❑ Tujuan membeli secara banyak?
- ❑ Siapa yang membantu menyiapkan?

103. Pada pendapat pakcik, mengapakah gasing semakin kurang mendapat perhatian?
104. Adakah gasing digunakan sebagai medium mengubah masyarakat? (erat hubungan)
105. Apakah sumbangan permainan gasing ini pada generasi akan datang?
106. Bolehkah gasing ini membantu ekonomi, sosial dan politik negara?
107. Adakah permainan gasing ini boleh digunakan sebagai terapi minda? (release stress)

**Perihal persatuan**

108. Di negeri manakah pertanding permainan gasing sering diadakan?
109. Adakah gasing ini diterima di kawasan setempat atau Selangor sahaja?
110. Apakah usaha persatuan dalam mencari dan membentuk pelapis-pelapis muda ini?
111. Apakah pencapaian terbesar yang pernah persatuan perolehi?
112. Apakah halangan yang dihadapi di dalam persatuan?
    - ❑ Cara atasi halangan tersebut?
113. Apakah bentuk sokongan diberikan oleh wakil rakyat/pegawai daerah untuk persatuan ini?
114. Apakah harapan pakcik terhadap persatuan untuk masa hadapan?

## 13.4 Proposal Kajian

FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT

UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

KAMPUS PUNCAK PERDANA

SHAH ALAM

BACHELOR OF INFORMATION SCIENCE (HONS)

RECORDS MANAGEMENT

IMR604
ORAL DOCUMENTATION

PROPOSAL PROJEK SEJARAH LISAN

TAJUK: SENI WARISAN TRADISIONAL

(GASING PANGKAH)

DISEDIAKAN OLEH:

NURUL AQILLAH BINTI ZAINI 2018641652
SITI NOR AYNA BINTI MOHD AYU 2018448636

KUMPULAN: IM2465ST3

PENSYARAH:

ENCIK JAFALIZAN BIN MD. JALI

## Isi Kandungan

**1.0 PENGENALAN** .......... 2
- **1.1 PENDAHULUAN** .......... 2
- **1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN** .......... 3
- **1.3 PERMASALAHAN KAJIAN** .......... 4
- **1.4 OBJEKTIF KAJIAN** .......... 5
- **1.5 PERSOALAN KAJIAN** .......... 5
- **1.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN** .......... 5

**2.0 TINJAUAN LITERATUR** .......... 7

**3.0 METODOLOGI** .......... 9
- **3.1 PENDEKATAN KAJIAN** .......... 9
- **3.2 PESERTA KAJIAN** .......... 10
- **3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA** .......... 11
- **3.4 CARTA GANTT PROJEK** .......... 12

**4.0 KESIMPULAN** .......... 14

**5.0 RUJUKAN** .......... 15

# 1.0 PENGENALAN

## 1.1 PENDAHULUAN

Projek sejarah lisan yang dijalankan oleh penyelidik adalah mengenai seni warisan tradisional Malaysia. Kepelbagaian kaum di Malaysia telah menghasilkan pelbagai seni warisan yang masih relevan sehingga kini dan diturunkan kepada generasi sekarang (Jabatan Warisan Negara, 2016). Permainan tradisi mempunyai dua jenis permainan iaitu permainan laman dimana ia dimainkan di dalam rumah dan permainan anjung yang sering dimainkan di kawasan lapang seperti padang atau gelanggang. Antara permainan anjung ialah batu seremban, congkak, tutup botol, dan dam aji manakala permainan gasing, galah panjang, dan konda kondi merupakan permainan laman. Negara kita yang mempunyai pelbagai khazanah seni, budaya dan warisan yang masih lagi wujud dan kekal sehingga kini telah menjadi sebagai tarikan pelancong dalam negara dan juga luar negara. Sebagai rakyat malaysia, kita perlu bekerjasama dan berganding bahu dalam mengekalkan seni warisan tradisional di Malaysia agar tidak lenyap ditelan arus pemodenan.

Penyelidik telah memilih permainan tradisional gasing pangkah sebagai subjek penyelidikan kerana keunikannya yang tersendiri dan pada hari ini ramai yang tidak mengetahui tentang kewujudannya samada dalam pembuatan dan juga cara permainan. Keunikan gasing pangkah yang boleh berpusing sehingga setengah jam selepas dipusingkan dengan tali oleh pemain profesional dengan sendirinya telah menjadi tarikan pelancong kerana tidak semua mampu dan mahir dalam bermain gasing (Nazeri Nong Samah, 1994). Penghasilan gasing yang diperbuat daripada teras kayu yang keras lagi berseni menerusi aktiviti industri kecil pada tahun tersebut menjadi identiti sebagai pembuat dan pengeluar gasing. Kini, pembuatan gasing oleh industri kecil sukar lagi untuk dijumpai oleh kerana permainan gasing kurang mendapat tempat dalam kalangan muda kerana pembuatan gading memerlukan ketelitian dan juga minat yang dalam dalam penghasilan dan pembuatan gasing untuk mencapai kualiti gasing yang diminta dalam pasaran (Johari Mustamam, 2016)

## 1.2 LATAR BELAKANG KAJIAN

Permainan gasing adalah amat popular dalam kalangan masyarakat di kawasan Semenanjung Malaysia seperti di Terengganu, Kelantan dan Melaka dimana permainan ini telah diiktiraf sebagai warisan kebangsaan pada tahun 2009 (Jabatan Warisan Negara, 2016). Gasing adalah satu jenis permainan yang berputar di atas paksi berikutan faktor keseimbangnya pada satu titik dan gasing dihasilkan berdasarkan bentuk buah berembang. Istilah gasing berasal dari suku kata 'ka' dari perkataan kayu dan 'sing' iaitu berpusing (Zaitie Satibi, 2019). Tambahnya lagi, gasing tradisional adalah diperbuat dari bahagian kayu terkuat diambil dari tengah atau akar pokok dan antara jenis kayu yang kerap digunakan adalah leban tanduk, merbau, bakau dan jeruk.

Terdapat bentuk asas yang sering digunakan dalam pembuatan gasing iaitu bentuk gasing berembang, gasing jantung, dan gasing telur yang sering dijadikan sebagai model oleh pemain gasing untuk mereka cipta gasing mereka berdasarkan keperluan dan keligatan gasing berpusing. Gasing diberi nama kebiasaannya berdasarkan sifat dan bentuknya contohnya gasing leper yang diberi nama berdasarkan bentuknya yang leper atau nipis. Tali yang digunakan untuk memusing gasing adalah diperbuat dari benang atau tali terap tanpa dijalinkan tali tersebut dengan dawai halus bagi menguatkannya (Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 1999).

Gasing diperbuat dari kayu dengan ukur lilit 36 cm minimum dan 46 cm maksimum dan ketinggian gasing 8 cm minimum dan 12 cm maksimum di mana gasing tersebut boleh mencapai berat maksimum 800-gram bagi golongan dewasa (Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia, 1999). Terdapat dua cara permainan gasing tradisional iaitu sebagai gasing pangkah serta Gasing Uri dimana kedua-dua cara ini amat berbeza dari segi peraturan permainannya. Gasing pangkah dimainkan dengan melemparkan gasing sehingga mengetuk gasing pihak lawan untuk menghentikan pusingan manakala untuk Gasing Uri ia dipertandingkan dalam sesuatu acara untuk menguji ketahanan gasing berpusing untuk tempoh yang lama (Siti Nor Hidayatidayu dan Nurul Farhana, 2014).

Badan gasing pangkah mempunyai pemberat yang diletak di bahagian tepi menggunakan timah dan ia juga membantu dalam memberi keseimbangan kepada

gasing (Aniza Zainuddin, 2019) dan ditepinya juga akan dimasukkan dawai, habuk kayu dan sapuan gam kemudian gasing tersebut akan dilarik semula gasing yang dimainkan tidak mudah pecah dan timah yang dipasang tidak tercabut dari bahagian badan gasing semasa pertandingan. Bagi tujuan pertandingan tidak dibenarkan sama sekali disimpai atau dibingkaikan pada luaran badan gasing tersebut kerana ia akan mengakibatkan gasing pihak lawan rosak dengan teruk dan boleh mendatangkan bahaya bagi penonton yang berada dekat dengan gelanggang.

Permainan gasing pangkah mempunyai dua pihak iaitu pihak pemangkah dan pihak pemusing dimana kedua-dua pihak akan bertukar-tukar giliran pada setiap pusingan. Pihak pemusing akan memusingkan gasing mereka di dalam kawasan petak gelanggang dan kemudian pihak pemangkah akan memangkah keluar gasing pihak pemusing sehingga selesai semua gasing dikeluarkan (S. Anand Kumar, 2015). Tambahnya lagi, permainan gasing pangkah ini dimainkan dalam acara berkumpulan antara lima hingga tujuh pemain dalam satu perlawanan dan kepakaran pemangkah amatlah dititikberatkan bagi mematikan gasing pihak lawan serta pangkahan menepati sasaran bagi menjuarai perlawanan.

## 1.3 PERMASALAHAN KAJIAN

Semasa kajian ini dilakukan terdapat beberapa permasalahan kajian yang penyelidik perlu hadapi antaranya adalah kesukaran dalam proses mendapatkan maklumat atau data mengenai tokoh dan Persatuan Gasing Pangkah Tradisi Kampung Bukit Kapar. Pengkaji hanya bergantung kepada maklumat mengenai latar belakang tokoh melalui temubual ringkas dan rujukan di Media massa seperti Facebook dan YouTube.

Selain itu, pengkaji juga menghadapi permasalahan kajian iaitu kurang pendedahan mengenai kaedah pembuatan gasing kerana ianya memerlukan jangka masa yang panjang untuk menyiapkan sebiji gasing. Oleh itu, melalui kajian ini, pengkaji dapat mengenal pasti dan mempelajari kaedah pembuatan gasing melalui demonstrasi oleh tokoh.

## 1.4 OBJEKTIF KAJIAN

Objektif kajian ini dijalankan adalah untuk:

1. Mengkaji latar belakang tokoh.
2. Mengenal pasti kaedah yang digunakan dalam pembuatan gasing.
3. Mengkaji sejarah penubuhan Persatuan Gasing Pangkah Tradisi Kg Bukit Kapar.

## 1.5 PERSOALAN KAJIAN

Penyelidikan ini dibuat dengan berpandukan pada persoalan kajian di bawah:

1. Bilakah Encik Mohd Aziz mula melibatkan diri dengan permainan tradisional Gasing Pangkah?
2. Apakah kaedah yang digunakan dalam pembuatan gasing?
3. Bilakah Persatuan Gasing Pangkah Tradisi Kampung Bukit Kapar ditubuhkan?

## 1.6 KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN

Permainan tradisional gasing pangkah kini semakin kurang mendapat sambutan dan juga kurang dikenali oleh rakyat Malaysia sendiri jika ini dibiarkan berlarutan ia akan hilang begitu sahaja. Kita perlu menjaga seni warisan yang telah diwariskan oleh generasi terdahulu kepada kita semua kerana ianya tidak akan wujud kembali jika tidak diusahakan sedari kini. Oleh itu, penyelidik merasakan kajian ini sangat penting dilakukan dan akan memberi impak kepada masyarakat kerana suatu masa nanti permainan tradisional merupakan suatu seni yang unik dan ia juga boleh menjadi salah satu faktor tarikan pelancong ke negara ini.

Selain itu, kepentingan dan sumbangan kajian ini juga negara dapat mencari pelapis sama ada dalam bidang pembuatan gasing mahupun bermain gasing supaya dapat mengekalkan seni warisan tradisional permainan gasing. Contoh yang dapat dilihat adalah melalui penubuhan Persatuan Gasing Pangkah Tradisi Kampung Bukit Kapar dimana persatuan ini bergiat aktif dalam menganjurkan pertandingan dan saling bekerjasama dengan persatuan dari negeri lain.

Di samping itu, permainan tradisional gasing kini kurang dikenali dan kian dilupakan malahan kaedah pembuatan gasing juga kurang didedahkan kepada masyarakat Malaysia. Kepentingan dan sumbangan yang dapat dilihat melalui kajian ini adalah kaedah pembuatan gasing secara tradisional dapat dipelihara supaya tidak dilupakan oleh generasi akan datang. Selain itu, permainan gasing tradisional merupakan salah satu tarikan pelancong dan berpotensi untuk diperkenalkan kepada masyarakat dunia disamping dapat mempromosikan Malaysia kerana keunikan gasing dan kemahiran yang tinggi diperlukan oleh pemain.

## 2.0 TINJAUAN LITERATUR

Penyelidik telah melakukan tinjauan literatur mengenai bidang permainan tradisional gasing pangkah yang merupakan salah satu unsur seni warisan budaya di Malaysia. Masyarakat melayu mempunyai pelbagai seni tradisi dan mempunyai variasi dan pelbagai bentuk antara yang utama adalah muzik tradisional, lagu rakyat dan permainan tradisional (Zaharul Lailiddin, 2014). Kesenian masyarakat melayu adalah hasil sentuhan kreativiti manusia berasaskan ciri tradisi dan budaya masyarakat Melayu ini meliputi bidang kesusasteraan, tarian, muzik, permainan tradisional, seni bina dan sebagainya (H. Mohd Noordin, 1999)

Permainan tradisional merupakan satu produk yang memiliki ciri asli sesuatu kawasan yang sesuai dengan aspek budaya kehidupan masyarakat digunakan sebagai pembelajaran dan untuk hiburan disamping digunakan untuk menjaga hubungan sosial (Chasanah, 2015). Tambahnya lagi, permainan tradisional juga dikenali sebagai permainan rakyat yang telah wujud dari zaman dahulu lagi dan bermula dari kawasan perkampungan. Permainan tradisional merupakan sebahagian dari sejarah, budaya, dan tradisi di negara kita melalui permainan tradisional kita dapat mempelajari mengenai identiti dan asal-usul sesuatu kumpulan seperti contoh Wau, Gasing dan Congkak adalah antara permainan yang popular dalam kalangan masyarakat melayu (Oh Hui Kun dan Shahreen Mat Nayan, 2019).

Menurut Mohd. Fadly, Mohamad Zulhilmy dan Nur Bazilah (2016), terdapat banyak manfaat permainan tradisional kepada kelompok yang bermain iaitu permainan tradisional boleh mengeratkan hubungan persaudaraan antara masyarakat setempat dimana permainan tradisional selalunya dimainkan secara berkumpulan tanpa mengira bangsa, jantina dan umur. Masyarakat Malaysia kerap bermain gasing tradisional ini bagi mengisi masa lapang mereka atau merayakan sesuatu perayaan dimana ia mampu mengeratkan hubungan persahabatan antara pemain dan juga mampu memupuk nilai-nila murni dalam kalangan masyarakat (Valentine B. Jenny, 2014) menurutnya lagi permainan tradisional dapat meningkatkan kecergasan dan kemahiran psikomotor di kalangan pemain.

Gasing merupakan objek yang dipusing menggunakan tali dengan memintal atau melilit tali pada gasing dan pemain perlu berada dalam kedudukan kekuda dimana kaki kiri berada dihadapan dan meletakkan gasing paksi ke bawah pada paras bahu lalu membalingkan gasing tersebut ke petak pusingan (Laura Junus, 2015). Panjang tali gasing adalah berbeza-beza bergantung kepada panjang lengan pemainnya dan tali gasing tradisional adalah diperbuat menggunakan kulit pokok terpilih (Agung Jaya Suryawan ,2018). Gasing adalah permainan tradisional masyarakat Melayu yang amat popular dan kerap dimainkan ketika musim menuai padi dimana para petani akan bertanding sesama mereka bagi menunjukkan bakat dan kemahiran mereka bermain gasing (Mohd. Fadly, Mohamad Zulhilmy dan Nur Bazilah, 2016).

Menurut Nazeri Nong Samah (1994) permainan gasing pangkah merupakan warisan tradisional Melayu yang unik serta berseni dan berpotensi untuk di kembangkan ke seluruh dunia memerlukan promosi dari semua pihak. Keunikan permainan gasing pangkah ini menjadi daya tarikan pelancong kerana tidak semua orang mahir bermain gasing. Terdapat tiga kriteria bagi memastikan gasing dapat bertahan lebih lama iaitu kelajuan, keseimbangan dan kekuatan (Aniza Zainuddin, 2019) gasing pangkah dimainkan dengan cara memangkah gasing pihak lawan yang sedang berpusing di bahagian kepala gasing yang selalunya akan dipasang besi. Jika gasing pihak pemangkah adalah lebih hebat semasa perlawanan sehinggakan gasing pihak pemusing terpelanting keluar dari gelanggang dan berhenti berpusing maka pemain akan serta-merta bertukar posisi dari pemusing kepada pemangkah dan sebaliknya.

# 3.0 METODOLOGI

Antara kaedah dan pendekatan yang digunakan untuk mengumpul maklumat bagi menghasilkan bukti yang akan digunakan oleh penyelidik. Kaedah pengumpulan maklumat bagi kajian ini adalah menggunakan kaedah kajian bahan perpustakaan dan kaedah temu bual bersama tokoh terlibat. Kedua-dua kaedah ini digunakan untuk memperoleh maklumat yang tepat dan sahih mengenai bidang yang dikaji.

1. Kajian perpustakaan

   Bagi melengkapkan kajian ini pengkaji telah menggunakan beberapa bahan dari sumber arkib dan perpustakaan bagi mempelbagaikan bahan bacaan sebagai rujukan oleh penyelidik bagi menyiapkan kajian ini. Antara bahan digunakan adalah keratan akhbar dan artikel berkaitan dengan kajian pengkaji.
2. Kaedah temu bual

   Temubual telah dijalankan oleh pengkaji dengan tokoh dari bidang permainan tradisional gasing dan maklumat serta informasi diberikan tokoh telah diguna pakai oleh pengkaji dalam menghasilkan kajian ini.

## 3.1 PENDEKATAN KAJIAN

Penyelidik menggunakan kaedah sejarah lisan iaitu satu kaedah di mana segala kenangan dan memori seseorang tokoh direkodkan secara wawancara dimana tokoh yang dipilih untuk tujuan sejarah lisan adalah antara orang-orang yang pernah terlibat didalam sesuatu peristiwa atau masa yang bersejarah (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007). Sejarah lisan diadakan bertujuan untuk memelihara dan menjaga sesuatu sejarah, kenangan atau peristiwa yang telah berlaku kepada seseorang individu dan masyarakat. Kaedah sejarah lisan adalah kaedah yang tertua dalam mengumpul sumber sejarah dalam bentuk lisan sebagai satu cara untuk melengkapkan rekod bertulis. Sejarah lisan merupakan satu proses dimana tokoh yang terlibat akan menceritakan peristiwa yang pernah dialaminya dan penyelidik akan mengumpulkan segala maklumat diucapkan tokoh tersebut setelah merujuk kepada ingatan tokoh, diari, kertas, gambar, surat dan pelbagai lagi bahan (Siti Raudhah, Radia Banu, Cik Ramlah dan Noor Azlinda, 2012).

Peranan yang paling jelas dilihat dari sejarah lisan adalah untuk membina semula segala peristiwa lampau yang bersejarah bagi menggantikan rekod-rekod atau bukti yang telah musnah atau hilang (Siti Raudhah, Radia Banu, Cik Ramlah

dan Noor Azlinda, 2012). Cerita-cerita atau pengalaman yang dialami seseorang pada zaman dahulu akan lenyap begitu sahaja terutamanya pada zaman kini dimana segala perhubungan dilakukan menggunakan medium teknologi jadi melalui sejarah lisan peristiwa-peristiwa dialami tokoh akan dipelihara dan dijaga sebagai satu bukti sejarah (Universiti Kebangsaan Malaysia, 2007).

## 3.2 PESERTA KAJIAN

Tokoh yang dipilih oleh penyelidik untuk kajian ini dipilih melalui media sosial iaitu melalui akaun facebook peribadi beliau dan akaun facebook Persatuan Gasing Pangkah Tradisional Bukit Kapar. Penyelidik telah memilih tokoh ini kerana beliau sangat aktif di media massa seperti facebook dan juga YouTube mengenai seni warisan gasing dari segi pembuatan dan juga cara bermain permainan tradisional tersebut.

Tokoh tersebut bernama Mohd Aziz bin Samsudin yang lahir pada tanggal 9 Julai 1961, dan kini berumur 59 tahun. Ibu beliau berasal dari Klang, Bukit Kapar manakala bapa beliau berasal dari Melaka dan menetap di Selangor. Beliau bersekolah di Sekolah Menengah Tengku Idris Shah, Kapar dan menamatkan persekolahan pada tahun 1978. Beliau mempunyai 8 orang anak dan 3 orang cucu pada masa ini. Beliau pernah bekerja sebagai seorang pemandu bas dan beliau pernah bekerja di Syarikat Kontena Nasional dan telah berhenti pada tahun 1996. Beliau mula bermain gasing pada umur 9 tahun dan pada umur 12 tahun, beliau telah memasuki pertandingan gasing dalam acara regu kanak-kanak dan kekal bermain sehingga kini sebagai ketua pasukan untuk pemain dari Persatuan Gasing Pangkah di Bukit Kapar. Oleh kerana minat yang mendalam pada permainan tradisional gasing, beliau mula belajar membuat gasing daripada arwah datuknya pada waktu muda dan meneruskan usaha tersebut sehingga kini dengan membuat gasing mengikut tempahan pelanggannya.

Selain itu, beliau juga turut melatih para pemain terutama golongan muda di dalam Persatuan Gasing Pangkah di bukit kapar, Klang. Latihan dan permainan ini akan diadakan pada setiap hujung minggu di gelanggang gasing bagi melatih para pemain tentang teknik dan cara bermain gasing dengan betul. Hal ini, boleh menaikkan semangat golongan muda untuk terus meminati permainan tradisional ini dan memupuk minat penonton yang menonton latihan tersebut. Beliau turut menjadi

seorang pengadil yang akan mengadili setiap pertandingan gasing pangkah yang diadakan di kampung Bukit Kapar.

## 3.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA

Pengkaji telah menggunakan beberapa prosedur pengumpulan data untuk kajian ini seperti dokumentasi, soal selidik dan temu bual

1. Dokumentasi

   Pengumpulan data dan maklumat mengenai bidang yang dikaji didapati melalui dokumen-dokumen yang berkaitan dan telah di ketengahkan didalam betuk penulisan seperti dari keratan akhbar, buku, jurnal, pengkalan data dan lain-lain.
2. Temu Bual

   Pengkaji telah melakukan temu bual ringkas secara bersemuka bersama tokoh yang dipilih. Beberapa buah soalan telah diajukan kepada tokoh berkaitan topik yang sedang pengkaji kaji semasa temu bual dijalankan.

## 3.4 CARTA GANTT PROJEK

| Perkara / Minggu | 1 | 2 | 3 | 4 | 5 | 6 | 7 | 8 | 9 | 10 | 11 | 12 | 13 | 14 | 15 |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pengenalan dan penjelasan mengenai tema (Alumni FPM 1968-1972) | | | | | | | | | | | | | | | |
| Proses pencarian Alumni | | | | | | | | | | | | | | | |
| Pembuatan draf proposal | | | | | | | | | | | | | | | |
| Perbincangan mengenai permasalahan dialami | | | | | | | | | | | | | | | |
| Pertukaran tema kepada Seni Warisan Tradisi | | | | | | | | | | | | | | | |
| Proses pencarian tokoh | | | | | | | | | | | | | | | |
| Perbincangan dengan pensyarah mengenai tokoh dipilih | | | | | | | | | | | | | | | |
| Perbincangan dengan tokoh dan proses memperoleh persetujuan dari tokoh | | | | | | | | | | | | | | | |
| Pembuatan surat kebenaran penyelidikan | | | | | | | | | | | | | | | |
| Mengemaskini draf proposal | | | | | | | | | | | | | | | |

| **Perkara** / **Minggu** | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** | **6** | **7** | **8** | **9** | **10** | **11** | **12** | **13** | **14** | **15** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pengesahan surat kebenaran penyelidikan oleh pensyarah | | | | | | | | | | | | | | | |
| Temubual ringkas (Preliminary Interview) | | | | | | | | | | | | | | | |
| Mengemaskini draf proposal | | | | | | | | | | | | | | | |
| Penghantaran draf proposal kepada pensyarah | | | | | | | | | | | | | | | |
| Mengemaskini proposal | | | | | | | | | | | | | | | |
| Proses pembuatan soalan temubual | | | | | | | | | | | | | | | |
| Penghantaran proposal kepada pensyarah | | | | | | | | | | | | | | | |
| Perbincangan soalan temubual bersama pensyarah semasa waktu kelas. | | | | | | | | | | | | | | | |
| Perbincangan soalan temubual bersama pensyarah. | | | | | | | | | | | | | | | |
| Pembetulan soalan temubual. | | | | | | | | | | | | | | | |
| Mengemaskini maklumat di dalam proposal. | | | | | | | | | | | | | | | |

| **Perkara** / **Minggu** | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** | **6** | **7** | **8** | **9** | **10** | **11** | **12** | **13** | **14** | **15** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Penghantaran proposal kepada pensyarah. | | | | | | | | | | | | | | | |
| Penghantaran soalan temubual kepada pensyarah | | | | | | | | | | | | | | | |
| Mengemaskini soalan temubual. | | | | | | | | | | | | | | | |
| Temubual sejarah lisan bersama tokoh di Bukit Kapar. | | | | | | | | | | | | | | | |
| Pembuatan transkrip temubual sejarah lisan. | | | | | | | | | | | | | | | |
| Penghantaran untuk disemak transkrip temubual. | | | | | | | | | | | | | | | |
| Mengemaskini dan membetulkan transkrip temubual. | | | | | | | | | | | | | | | |
| Penerangan cara membuat artikel oleh pensyarah. | | | | | | | | | | | | | | | |
| Proses pembuatan draf artikel. | | | | | | | | | | | | | | | |
| Semakan draf artikel oleh pensyarah dan pensyarah mengumumkan senarai supervisor untuk artikel | | | | | | | | | | | | | | | |

| **Perkara / Minggu** | **1** | **2** | **3** | **4** | **5** | **6** | **7** | **8** | **9** | **10** | **11** | **12** | **13** | **14** | **15** |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| Pembuatan transkrip temubual sejarah lisan. | | | | | | | | | | | | | | | |
| Proses pembetulan artikel. | | | | | | | | | | | | | | | |
| Proses menyiapkan transkrip kajian penuh oleh penyelidik untuk penghantaran. | | | | | | | | | | | | | | | |
| Penyemakan transkrip kajian penuh oleh pensyarah | | | | | | | | | | | | | | | |
| Penghantaran transkrip untuk dicetak | | | | | | | | | | | | | | | |

## 4.0 KESIMPULAN

Kesimpulannya, permainan tradisional gasing pangkah semakin kurang diminati dan hampir dilupakan oleh masyarakat kini. Sejarah lisan amat penting untuk dijalankan bagi menghargai, memelihara dan menjaga warisan seni yang bergelut dengan peredaran zaman. Gasing pangkah bukan sahaja seni warisan tradisional, ia juga boleh dijadikan sebagai sukan yang mampu memupuk semangat persaudaraan semasa perlawanan dan juga latihan yang sering diadakan. Persatuan gasing pangkah juga adalah salah satu cara untuk mengembangkan semangat dan juga tradisi permainan tradisional tersebut. Dari segi pembuatan, ramai yang tidak mengetahui cara dan kaedah permainan tradisional gasing pangkah ini. Oleh itu, kajian sejarah lisan ini akan mengkaji cara dan kaedah pembuatan tradisional yang digunakan di dalam pembuatan gasing pangkah ini.

## 5.0 RUJUKAN

Fadly, M., Zulhilmy, M., & Bazilah, N. (2016). Box of Traditional Game: A Matching of Tourism and Malaysian Cultures.

Jabatan Warisan Negara (n.d.). Permainan Tradisi. Diperoleh pada November 08, 2020, dari http://www.heritage.gov.my/index.php?option=com_content

Kementerian Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan Malaysia (1999). Peraturan Gasing Banyak Uri. https://www.kkmm.gov.my/pdf/buku/gasing_banyak_uri.pdf

Kumar, S. (2015, Oktober 19). Gasing pangkah Johor tak goyah. Diperoleh pada November 08, 2020, dari https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2015/10/90241/gasing-pangkah-johor-tak-goyah

Leman, N. (2016, September 21). Permainan gasing perlu di semarakkan. Diperoleh pada November 09, 2020, dari https://www.bharian.com.my/bhplus-old/2016/09/194931/permainan-gasing-perlu-disemarakkan

Mat Nayan, S., & Kun, O. (2019). Jom Main! (Let's Play!): Promoting the Values of Malaysia Traditional Children's Games Through The Media. *Media Literacy and Academic Research*, *2*(2), 52-84. Diperoleh dari http://cejsh.icm.edu.pl/cejsh/element/bwmeta1.element.desklight-34987126-4197-4972-8fd4-587d58db212f

Nazeri, N. (1994, August 15). Keunikan permainan gasing pangkah. Diperoleh pada November 09, 2020, dari http://commonrepo.um.edu.my/id/eprint/1943

Satibi, Z. (2019, May 08). Gasing Nusantara. Harian Metro. Diperoleh pada November 08, 2020, dari https://www.hmetro.com.my/nuansa/2019/05/453327/gasing-nusantara

Saidon, Zaharul. (2014). Kelestarian dan Pengkomersialan Seni Persembahan Tradisional Melayu dalam Konteks Industri Kreatif: Cabaran & Peluang. Conference: Kongres Warisan Melayu Sedunia 2014.

Siti Nor Hidayatidayu dan Nurul Farhana Abel Rahman. Uji Kegagahan Tumpas Lawan. Harian Metro. 2014 Nov 20.

Siti Raudah Mohamad Saad, Radia Banu Jan Mohamad, Cik Ramlah Che Jaafar dan Noor Azlinda Wan Jan (2012). Penukilan Ilmu Baharu Melalui Sejarah Lisan. Diperoleh pada November 11, 2020, dari

https://www.researchgate.net/publication/263619343_PENUKILAN_ILMU_BAHARU_MELALUI_SEJARAH_LISAN

Universiti Kebangsaan Malaysia (2007). Kepentingan Sejarah Lisan. Diperoleh pada November 08, 2020, dari http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/kepentingansejarahlisan.html

Universiti Kebangsaan Malaysia (2007). Sejarah Lisan. Diperoleh pada November 08, 2020, dari http://www.ukm.my/sejarah/sejarahlisan/sejarahlisan.html

Vengadasalam, Chander & Balakrishnan, Malathi & Cheng, Ooi & Jabatan, Lee & Jasmani, Pendidikan & Kesihatan, Dan. (2019). Perkembangan Nilai Moral Melalui Inovasi Permainan Tradisional.

Zainudin, A. (2019, Februari 12). 21 tahun tak jemu main gasing. Harian Metro. Diperoleh pada November 08, 2020, dari https://www.hmetro.com.my/rencana/2019/02/422270/21-tahun-tak-jemu-main-gasing

## 13.5 Diari Penyelidikan

| NO. | TARIKH | CATATAN |
|---|---|---|
| 1. | 13/10/2020 | 1. Penjelasan mengenai tema kajian (Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat dari tahun 1968 hingga 1972)<br>2. Penjelasan oleh pensyarah cara mengenal pasti alumni melalui internet (facebook, google dan sebagainya). |
| 2. | 15/10/2020 | Pensyarah telah memberi tips untuk mencari alumni. |
| 3. | 19/10/2020 | Membuat draf proposal secara umum mengenai UiTM untuk pengenalan, soalan kajian dan objektif kajian. |
| 4. | 20/10/2020 | 1. Perbincangan di dalam kelas melalui Google Meet mengenai alumni yang telah dicari serta permasalahan yang timbul dalam pencarian alumni.<br>2. Berbincang dengan pensyarah mengenai Encik Bakar. |
| 5. | 27/10/2020 | 1. Pertukaran tema dari Alumni Fakulti Pengurusan Maklumat tahun (1968-1972) ke tema baharu; Seni Warisan Tradisi<br>2. Berbincang dengan pensyarah mengenai tokoh yang dicari (Encik Aziz Bin Samsudin) dan pensyarah telah memberi persetujuan untuk dibuat temubual awal.<br>3. Berhubung dengan Encik Aziz melalui facebook dan beliau telah bersetuju untuk membantu. |
| 6. | 30/10/2020 | 1. Berbincang dengan Encik Aziz mengenai tarikh sesuai untuk temubual perjumpaan pertama.<br>2. Membuat surat kebenaran melaksanakan penyelidikan akademik. |
| 7. | 3/11/2020 | Mengemaskini maklumat di dalam draf proposal kerana tema telah diubah. |
| 8. | 4/11/2020 | Menghantar surat kebenaran untuk pengesahan pensyarah. |
| 9. | 6/11/2020 | Membuat pengesahan dengan Encik Aziz mengenai perjumpaan pertama |
| 10. | 7/11/2020 | Perjumpaan pertama bersama Encik Aziz di kediamannya di Bukit Kapar, Klang. |
| 11. | 8/11/2020 | Membuat draf proposal. |
| 12. | 10/11/2020 | Penghantaran draf proposal kepada pensyarah. |
| 13. | 18/11/2020 | Mengemaskini maklumat di dalam proposal. |
| 14. | 22/11/2020 | Proses pembuatan soalan untuk temubual. |

| | | |
|---|---|---|
| 15. | 22/11/2020 | Penghantaran proposal kepada pensyarah. |
| 16. | 24/11/2020 | Perbincangan soalan temubual bersama pensyarah semasa waktu kelas. |
| 17. | 27/11/2020 | Perbincangan soalan temubual bersama pensyarah. |
| 18. | 7/12/2020 | Pembetulan soalan temubual. |
| 19. | 7/12/2020 | Mengemaskini maklumat di dalam proposal. |
| 20 | 9/12/2020 | Penghantaran proposal kepada pensyarah. |
| 21. | 10/12/2020 | Penghantaran soalan temubual kepada pensyarah. |
| 22. | 13/12/2020 | Mengemaskini soalan temubual. |
| 23. | 18/12/2020 | Temubual sejarah lisan bersama tokoh di Bukit Kapar. |
| 24. | 19/12/2020 | Pembuatan transkrip temubual sejarah lisan. |
| 25. | 29/12/2020 | Penghantaran untuk disemak transkrip temubual. |
| 26. | 30/12/2020 | Mengemaskini dan membetulkan transkrip temubual. |
| 27. | 5/1/2021 | Penerangan cara membuat artikel oleh pensyarah. |
| 28. | 11/1/2021 | Proses pembuatan draf artikel. |
| 29. | 13/1/2021 | Semakan draf artikel oleh pensyarah dan pensyarah mengumumkan senarai supervisor untuk artikel |
| 30. | 14/1/2021 | Pembuatan transkrip temubual sejarah lisan. |
| 31. | 15/1/2021 | Proses pembetulan artikel. |
| 32. | 18/1/2021 | Proses menyiapkan transkrip kajian penuh oleh penyelidik untuk penghantaran. |
| 34. | 19/1/2021 | Penyemakan transkrip kajian penuh oleh pensyarah |
| 35. | 28/1/2021 | Penghantaran transkrip untuk dicetak |

## 13.5 Gambar




*Gambar 1: Halaman hadapan keratan akhbar Kosmo! mengenai Gasing Pangkah tradisional di Bukit Kapar, Selangor.*



KOSMO!

pemilihan kayu, menebuk sehingga menjadi bongkah sebelum dilarik menjadi bentuk yang asas.

**Kejohanan tahunan**

Selepas siap, gasing pangkah akan dipasangkan taji dan diberik sekali lagi untuk proses kemasan serta diseimbangkan. Kemudian kemampuannya berpusing diuji sebelum dijual kepada pelanggan pada harga antara RM40 sehingga RM80 mengikut jenis kayu yang digunakan.

Menurut lelaki yang pernah bertugas dalam bidang kejuruteraan selama lima tahun di Arab Saudi itu, pada awalnya dia hanya melihat orang bermain gasing pangkah. Dari situ, timbul minat untuk memperbaiki cara pembuatannya dengan memberi tumpuan kepada bahagian kemasan yang menggabungkan teknik kejuruteraan dan kaedah pembuatan tradisional bagi menghasilkan hasil yang kemas, bergaya dan putaran lebih lama.

"Saya biasanya menggunakan kayu kerandji, koran dan kempas yang dicari sendiri selain ada juga yang ditempah daripada pencari kayu hutan di Pahang.

"Saya berasa puas apabila melihat gasing yang dihasilkan berpusing lama dan menjadi johan dalam mana-mana pertandingan," katanya yang juga mempunyai kepakaran membuat parang, pisau, pedang, tombak dan juga barang cenderamata.

Sementara itu, Penyelaras **Kejohanan Liga Gasing Pangkah Tradisional, Mohd. Aziz Samsudin**, 58, dari kampung sama berkata, kejohanan tersebut telah diwujudkan di kampung itu sejak tahun 1987 dan dijadikan kejohanan tahunan.

Menurut Mohd. Aziz atau lebih dikenali sebagai Wak Ajis, kejohanan kali ini merupakan kali ke-20 diadakan dan ia pernah terhenti seketika sebelum dihidupkan kembali sejak beberapa tahun lalu.

Wak Ajis bersama Pengerusi Persatuan Gasing Pangkah Tradisional kampung, Muhamat Mustakim Abdullah, 70, merupakan [illegible] penting yang [illegible] setiap kali penganjuran, ia akan disertai oleh peserta daripada pelbagai lapisan umur agar permainan tradisi itu subur dalam jiwa anak-anak muda.

MOHD. AZIZ atau Wak Ajis menunjukkan cara memotong kayu kerandji bagi dijadikan bentuk asas gasing pangkah tradisional.

MUHAMAT MUSTAKIM

Kata Wak Ajis, setiap perlawanan akan dimainkan oleh masing-masing empat pemusing dan pemangkah bagi mengejar 10 mata.

Namun, uniknya permainan gasing pangkah ini, ia tidak mempunyai had masa kerana sepanjang rekod kejohanan, terdapat permainan yang tamat dalam tempoh masa 30 minit, manakala ada juga yang berlanjutan sehingga tiga jam 30 minit.

"Kami sangat gembira apabila penganjuran kali ini disertai oleh 26 regu iaitu melibatkan seramai hampir 130 pemain. Sebanyak 11 daripada regu tersebut adalah dari Kampung Bukit Kapar, manakala baki 15 lagi merupakan regu dari sekitar Pahang.

"Apa yang lebih [illegible], sebanyak [illegible] regu ini merupakan pemain belia yang masih muda. Kita seronok melihat mereka tidak kekok sebaliknya menunjukkan minat untuk memastikan permainan tradisional seperti ini tidak ditelan zaman. Hakikatnya, kita tahu, dunia sekarang lebih terarah kepada permainan menerusi gajet tetapi masih ada yang mahu melibatkan diri dengan sukan tradisi seperti ini," katanya yang juga merupakan salah seorang jurulatih gasing pangkah tradisional di kampung tersebut.

**Pelancongan**

Kejohanan Liga Gasing Pangkah Tradisional kali ini dimenangi oleh pasukan Chemomoi A, manakala tempat kedua Kujan C. Kedua-dua pasukan adalah dari Pahang, manakala tempat ketiga ialah pasukan Bukit Kapar II.

Hadiah kepada pemenang disampaikan oleh Ahli Dewan Undangan Negeri Sementa, Dr. Daroyah Alwi dengan diiringi Pengerusi Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK), Kamarudin Sahran.

Mengakhiri perbualan, Wak Ajis sempat berkongsi harapan mereka agar pihak yang bertanggungjawab dapat mengambil inisiatif yang dilakukan oleh penduduk kampung untuk memartabatkan permainan tradisional kepada generasi muda seterusnya menarik kehadiran pelancong ke kampung tersebut.

"Saya berpendapat, anak muda sebenarnya ramai yang berminat, cuma tidak tahu lokasi untuk mereka mempelajari selok-belok permainan ini," katanya.

***Gambar 2: Halaman dalam keratan akhbar Kosmo! mengenai Gasing Pangkah tradisional di Bukit Kapar, Selangor.***



***Gambar 3: Melakukan persembahan di MATiC, Jalan Ampang***



***Gambar 4: Tokoh dijemput ke konti radio Zayan FM sempena Hari Gasing Sedunia 2019***




***Gambar 5: Menyertai pameran mengenai adat melayu warisan negeri Selangor***



***Gambar 6: Tokoh sebagai pengadil dan bergambar dengan pemenang***



***Gambar 7: Tokoh menjadi pemain dalam perlawanan Gasing Pangkah***



*Gambar 8: Tokoh bersama ahli regu beliau*




*Gambar 9: Majlis penyampaian cenderahati untuk kejohanan Gasing Pangkah negeri Selangor bersama YB Dr. Daroyah Alwi*



*Gambar 10: Temubual ringkas bersama tokoh*



*Gambar 11: Sesi temubual bersama tokoh*